



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**SHAH ALAM, 07 APRIL 2015 ( SELASA )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad(Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)  
Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Diana Binti Shuwardi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

1 Encik Mohd Saifulnizam bin Hasmawi  
Encik Izal Izlan bin Misnon

### **Pelapor Perbincangan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Hiwabaraktuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas bagi hari yang ketujuh 7 April 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi semua KINRARA

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih puan Speaker soalan saya Soalan 61.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(KINRARA)**

**TAJUK: JAWATANKUASA TEKNIK OKU**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan PBT yang telah menubuhkan Jawatankuasa Teknik OKU.
- b) Apakah perubahan yang telah berlaku dalam memudahkan OKU sejak penubuhan jawatankuasa ini?
- c) Selain daripada MBPJ, adakah konsep "Van Transit OKU" secara percuma akan dilaksanakan oleh setiap PBT?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kinrara. Kerajaan Negeri telah melakukan pelbagai usaha untuk membantu dan menyediakan kemudahan dalam memastikan golongan kurang upaya dan keluarga mereka dapat menikmati dan menggunakan kemudahan fasiliti di Negeri Selangor. Oleh itu Jawatankuasa Teknikal Kemudahan Orang Kurang Upaya atau OKU di setiap Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor ditubuhkan untuk menyatukan kakitangan teknikal PBT serta pakar-pakar dalam bidang reka bentuk kemudahan OKU dengan Ahli-ahli

Majlis dan perwakilan daripada persatuan OKU untuk menjaga kebajikan serta membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan asas bagi golongan OKU.

Pembentukan ini akan membawa kepada pembangunan MAMPAN dan penyertaan Komuniti dalam perancangan bandar yang unggul setiap PBT hendaklah menetapkan polisi bahawa segala teknikal yang berkaitan dengan kemudahan dan pembangunan OKU mestilah terlebih dahulu dirujuk kepada jawatankuasa ini dan mendapat nasihat. Jawatankuasa ini terdiri daripada Ahli Majlis atau Timbalan Datuk Bandar atau Setiausaha Majlis yang tidak ada lantikan Ahli Majlis OKU, kakitangan Teknikal Majlis, Pakar-pakar dalam bidang reka bentuk kemudahan OKU, wakil-wakil daripada pelbagai persatuan OKU, wakil daripada Fakulti Perubatan serta wakil dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Perwakilan dari persatuan Orang Kurang Upaya boleh mengikut kesesuaian tetapi hendaklah mewakili sekurang-kurangnya empat jenis kecacatan utama iaitu kecacatan fizikal, pendengaran, penglihatan dan pembelajaran.

Penglibatan Ahli Majlis adalah bertujuan untuk memberikan peluang kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk memberi sumbangan besar untuk mengubah persekitaran terbina dan membangunkan aspek sosial dan ekonomi golongan OKU. Ia juga membuka peluang untuk PBT Selangor membincangkan isu-isu OKU dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membolehkan kumpulan ini hidup secara harmoni dengan kumpulan masyarakat yang lain. Ia juga akan membuka jalan untuk proses pembelajaran berlaku untuk kakitangan teknikal yang tidak mempunyai pengalaman dalam isu-isu yang bersangkutan paut dengan keperluan kemudahan untuk golongan OKU serta peningkatan kesedaran sivik terhadap golongan istimewa ini untuk rakyat semua.

Berikut adalah senarai PBT yang telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal OKU di Negeri Selangor iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Daerah Kuala Langat.

Kesan daripada penubuhan Jawatankuasa ini antaranya adalah:

- i) Pengauditan keselamatan tempat letak kereta, melibatkan kebanyakan Pusat Membeli belah,
- ii) Menaiktaraf perkhidmatan bas OKU, perhentian bas, menaiktaraf perkhidmatan bas OKU,
- iii) Menaiktaraf trem untuk kerusi roda dan parkir tempat letak kereta khas OKU,
- iv) Tempat letak kereta OKU berbumbung,

- v) Kemudahan lif bersuara untuk golongan orang buta,
  - vi) Butang lif yang menggunakan kaedah “*Brill*” yang boleh disentuh,
  - vii) Setiap pembangunan baru juga diwajibkan menyediakan kemudahan OKU mengikut keperluan di dalam Garis Panduan Perancangan Reka bentuk sejagat iaitu “*Universal Design*” dan memenuhi hasrat dasar bebas halangan terhadap OKU.
- c) Selain daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya hanya satu PBT sahaja yang telah melaksanakan konsep “Van Transit OKU” iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam.

**TUAN SPEAKER:** Maaf ya. Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Puan Speaker, Soalan 62.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
(Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN)  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: PTRS**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah pencapaian terbaik pelajar PTRS dalam keputusan SPM 2014?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi tenaga pengajar PTRS?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Gombak Setia dan Yang Berhormat Puan Speaker. Sebagaimana yang disebut semalam dalam rekod yang ada di dalam tangan kita pencapaian terbaik pelajar PTRS dalam keputusan SPM 2014 adalah 9A 1C daripada DUN Lembah Jaya dan 8A daripada DUN Balakong. Cuma timbul masalah iaitu bukan semua pelajar-pelajar lepasan PTRS kita dapat memperoleh keputusan mereka dan dalam aspek ini kerajaan Negeri sedang melihat cara untuk memastikan kita dapat terus berhubung dengan lepasan-lepasan pelajar PTRS untuk tujuan rekod PTRS.

- b) Perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi tenaga pengajar PTRS antaranya ialah:



- i) Melaksanakan program latihan keguruan kepada tenaga pengajar PTRS, dan
- ii) Menyediakan buku nota panduan pengajaran kepada guru-guru PTRS.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:**Oleh kerana PTRS ini adalah merupakan satu program geran Kerajaan Negeri, boleh tak Kerajaan Negeri untuk memberikan keutamaan kepada pelajar-pelajar ini terutamanya yang cemerlang untuk mendapat pinjaman ataupun biasiswa daripada Kerajaan Negeri sebagai kelangsungan daripada program PTRS yang kita telah laksanakan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:**Sebagaimana kita sedia maklum kedua-dua sama ada program pinjaman ataupun program biasiswa Kerajaan Negeri mempunyai syarat-syarat yang tersendiri daripada segi pencapaian minima dari segi latar belakang keluarga dan begitu juga dengan program PTRS. Oleh itu, saya fikir sekiranya memenuhi kedua-dua syarat tersebut tidak ada masalah untuk kita memberikan kelebihan kepada pelajar-pelajar PTRS tetapi pokoknya mereka mesti memenuhi syarat yang ada didalam program pinjaman ataupun biasiswa tersebut ya. Dan sebab itu sebagaimana yang saya sebutkan tadi kita nak memperbaiki "*tracing*" kita daripada pelajar-pelajar ini dalam PTRS sehingga mereka keluar PTRS supaya mereka boleh dapat manfaat daripada program-program Kerajaan Negeri sebagaimana yang dicadangkan oleh Gombak Setia.

**TUAN SPEAKER:** Ijok

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:**Terima kasih Puan Speaker, soalan Ijok No. 63.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
(Y.B.TUAN Dr. IDRIS BIN AHMAD)  
(IJOK)**

**TAJUK: HAIWAN LIAR DI IJOK: MASALAH HAIWAN LIAR SEPERTI ANJING DAN MONYET MASIH TIDAK TERKAWAL**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan atau langkah-langkah oleh Jabatan berkenaan untuk mengawal dan mengatasi masalah ini?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Puan Speaker, soalan ini adalah berkenaan haiwan liar di Ijok. Haiwan liar maksudnya anjing liar dan juga haiwan yang lebih liar iaitu monyet di Ijok.

Ada dua(2) Agensi yang bantu mengawal haiwan-haiwan liar di Negeri Selangor termasuk Ijok di peringkat Majlis Daerah Kuala Selangor, kawalan anjing liar dijalankan dengan operasi 2 kali seminggu iaitu pada hari Rabu dan Sabtu mengikut zon kawalan dan aduan yang diterima. Untuk tahun 2014 pihak Majlis Daerah telah menjalankan 45 operasi tangkapan anjing liar dengan jumlah tangkapan sebanyak 330 ekor.

Manakala kawalan monyet akan dirujuk kepada Jabatan PERHILITAN untuk tindakan kerana pihak Majlis tidak mempunyai kepakaran dalam kaedah tangkapan monyet.

Dalam menangani isu-isu konflik hidupan liar iaitu monyet di Negeri Selangor Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara ataupun (PERHILITAN) telah mengambil tindakan seperti berikut:

- i) Pemasangan perangkap kera,
- ii) Mengadakan operasi bersama JKKK / Penduduk, RELA dan Pertubuhan Peladang dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Pada Tahun 2014 Jabatan PERHILITAN Negeri Selangor telah berjaya menangkap sebanyak 242 ekor monyet di Ijok. Manakala sehingga Februari 2015, pihak jabatan berjaya menangkap sebanyak 28 ekar monyet.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Masalah monyet ni saya telah bangkitkan setiap kali kita ada bersidang nampaknya langkah-langkah tu tak berkesan langsung sebab masih juga masalah monyet itu ada. Jadi saya nak tahu Kerajaan Negeri adakah kaedah-kaedah baru yang ada ataupun dirancang untuk mengatasi masalah ini. Memang penduduk rasa apalah tertekan tentang masalah monyet ni.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Ijok, setakat ini tidak ada kaedah-kaedah baru kita menggunakan kaedah '*conventional*' iaitu kebiasaannya pemasangan perangkap kera selepas monyet ataupun kera ditangkap mereka akan di bawa ke kawasan perhutanan yang lebih mendalam supaya mereka ada kurang interaksi dengan orang awam.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Saya nak tambah sebab monyet dan kera tucerdik yang perangkap tu pun mereka boleh keluar jadi tulah saya nak tanya ada cara lain sebab dah tangkap masuk dalam mereka boleh keluar sendiri.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Saya boleh cadangkan kepada Jabatan PERHILITAN untuk mencari kaedah-kaedah yang lebih efektif dan berkesan supaya khasnya monyet yang ditangkap itu mungkin kita boleh reka bentuk satu perangkap mereka tidak boleh keluar selepas masuk. Tetapi selain daripada itu, diperingkat dasar Kerajaan Negeri Selangor juga ingin mengurangkan sebagai contohnya dengan izin "*Clearing of Forest Area*" ataupun menetapkan penduduk-penduduk yang terlalu dekat kepada mungkin kawasan hutan dan sebagainya supaya interaksi antara orang awam dan juga haiwan liar yang selain daripada monyet ada beberapa lagi haiwan liar yang kita masih adalah banyak di Negeri Selangor. Kalau kita dapat kurangkan interaksi tersebut maka konflik antara hidupan liar dan juga orang awam boleh dikurangkan.

**TUAN SPEAKER:** Semenyih, tidak hadir. Kuala Kubu Bharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Puan Speaker, Soalan No. 65.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
(Y.B.PUAN LEE KEE HIONG)  
(KUALA KUBU BHARU)**

**TAJUK: PUSAT DIALSIS RAKYAT**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Pusat Dialisis Rakyat (PDR) Kerajaan Negeri dengan tarikh mula beroperasi dan jumlah pesakit.
- b) Adakah Kerajaan Negeri masih berhasrat mewujudkan PDR di setiap kawasan Dewan Negeri Selangor? Jika ya, nyatakan PDR yang akan wujud pada tahun 2015.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kuala Kubu Bharu, Puan Speaker rawatan dialisis merupakan rawatan yang sangat penting bagi penghidap buah pinggang. Atas kesedaran itu, rancangan kebajikan telah dirancang bagi mengurangkan kos rawatan dan beban kepada pesakit. Dasar ini dilaksanakan memandangkan ramai penghidap pesakit buah pinggang adalah dari kalangan masyarakat berpendapatan rendah, warga emas dan juga di kalangan orang kurang upaya. Seterusnya selaras dengan usaha kerajaan negeri menyejahterakan rakyat

orang Selangor. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Pusat Dialisis Rakyat atau PDR merupakan usaha sama strategi antara kerajaan negeri dengan pengendali pusat dialisis iaitu Syarikat Gedung Penawar Sdn Bhd. Senarai pusat dialisis rakyat ini, tarikh beroperasi dan jumlahnya adalah seperti berikut Ampang beroperasi 29 Disember 2012 jumlah mesin 12 dan jumlah pesakit adalah 37. Taman Medan, 23 Februari 2012 jumlah mesin 8 dan penerima adalah 18. Sementa, 29 Disember 2011, jumlah mesin 8 dan penerima adalah 29 orang. Lembah Keramat, 6 September 2012, jumlah mesin 8 dan jumlah penerima adalah 28. Jumlah mesin adalah 36 dan jumlah penerima adalah 112. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri tidak bercadang untuk memperluaskan lagi Program Pusat Dialisis Rakyat ini. Sebaliknya kerajaan negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 4 Mac 2015 bersetuju untuk mewujudkan Panel Dialisis Sihat Selangor sebagai penambahbaikan kepada Program Pusat Dialisis Rakyat yang sedia ada.

Di Negeri Selangor terdapat 115 Pusat Dialisis yang berdaftar yang beroperasi di seluruh Negeri Selangor dengan cara melantik pusat-pusat dialisis di setiap daerah akan memudahkan lagi orang awam atau pun pesakit dialisis di Negeri Selangor menerima bantuan rawatan dialisis daripada kerajaan negeri seterusnya menampung keperluan perkhidmatan dialisis di Negeri Selangor. Panel dialisis swasta ini dipilih dan perlu mematuhi peraturan yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan antaranya mestilah berdaftar dengan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, mempunyai kemudahan dan kelengkapan yang mencukupi serta berkeadaan kondusif. Pusat Dialisis yang menepati syarat-syarat Pusat Dialisis Sihat Selangor ini akan dilantik dan dijangka terdapat Pusat-pusat Dialisis Sihat Selangor ini di setiap daerah ini di seluruh Negeri Selangor.

Impak penambahbaikan ini adalah untuk yang pertama mengurangkan kekangan pelaksanaan Pusat Dialisis Rakyat dari aspek tempat penyediaan beroperasi, menyediakan kakitangan yang berkemahiran, birokrasi yang tinggi dalam mendapatkan lesen perkhidmatan pusat dialisis serta kos dalam pengendalian PDR ini. Dengan peruntukan sebanyak RM1.2 juta setahun bagi bantuan rawatan dialisis kerajaan negeri dapat membantu lebih kurang 240 orang pesakit setahun. Diharapkan melalui pelaksanaan Pusat Dialisis Sihat Selangor ini, kerajaan negeri dapat membantu rakyat yang kurang berkemampuan mendapatkan rawatan dialisis yang terbaik dan cadangan ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan Negeri Selangor sebagai Negeri Berkeadilan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Bharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:**Yang Berhormat EXCO, saya hendak bertanya apakah perbezaannya di antara melantik panel Pusat Dialisis dengan yang kita ada iaitu pertolongan bantuan perubatan kepada pesakit dialisis yang sedia ada yang dikatakan setiap pesakit boleh memohon RM2,000 daripada kerajaan negeri untuk

rawatan dialisis dan panel yang dilantik itu adakah mereka akan menambah mesin untuk menampung lebih banyak pesakit dialisis atau pun dengan mesin yang sedia ada. Kita tahu sekarang ialah semua mesin penuh digunakan oleh pesakit dialisis.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok, terima kasih Kuala Kubu Baharu. Bantuan Sihat Selangor untuk dialisis yang sejumlah RM2,000 itu adalah kepada mana-mana pesakit dialisis yang memohon bantuan kepada kerajaan negeri. Dan kita hanya memperuntukkan sejumlah RM2,000 *one off* setahun. Manakala apabila kita melantik panel dialisis ini, kita akan memperuntukkan sejumlah RM5,000 kepada setiap pesakit yang kita berikan kepada panel-panel ini.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang soalan No. 66 telah dijawab bersekali dengan No. 67 maaf. Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, soalan No. 67.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGERIK)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN BANDAR RAYA SHAH ALAM KIAN PESAT**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah pelan perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk pengangkutan darat di Bandar Shah Alam?
- b) Apakah usaha pengangkutan untuk menghubungkan pusat-pusat komersial di MBSA?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, Majlis Bandar raya Shah Alam telah merangka pelan perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam darat di Bandar raya Shah Alam seperti berikut :

- i) Pelan Perancangan Jangka Pendek
  - menyediakan perkhidmatan '*Park n Ride*' di Stesen Komuter, Seksyen 19, Shah Alam;
  - Menaik taraf terminal bas, Seksyen 17, Shah Alam;
  - Membina Hentian Akhir Bandar (HAB) di Stesen Komuter, Seksyen 19, Shah Alam;
  - Menaik taraf hentian dan pondok bas;
  - Memberi perkhidmatan bas percuma untuk penduduk Shah Alam.

ii) Pelan Perancangan Jangka Panjang

- MBSA sedang dalam proses penyediaan Kajian Pengangkutan Awam Shah Alam bagi membentuk perancangan dan pelan induk pengangkutan awam yang lebih komprehensif;
- MBSA juga bekerjasama dengan Kerajaan Pusat bagi pelaksanaan projek-projek pengangkutan awam seperti berikut :
  - Projek Transit Aliran Ringan (LRT) laluan Kelana Jaya – Ampang
  - Projek Mass Rapid Transit (MRT) laluan Sg. Buloh – Kajang
  - Projek Bus Rapid Transit (BRT) laluan Kuala Lumpur – Klang
  - Projek Sambungan Komuter Sky Park Link laluan Subang – Skypark Terminal
  - Projek Transit Aliran Ringan (LRT) 3 laluan Bandar Utama – Klang
  - Projek Mass Rapid Transit (MRT) 2 laluan Sg. Buloh – Putrajaya
  - Projek ‘Bus Into Panel’ di setiap hentian dan pondok bas di Shah Alam

MBSA telah melaksanakan usaha bagi meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam yang dapat menghubungkan pusat-pusat komersial di Shah Alam. Antara usaha yang dilaksanakan adalah dengan mewujudkan perkhidmatan bas bandar (*city bus*) dengan izin dan meningkatkan perkhidmatan kekerapan bas-bas tersebut.

Pada masa ini terdapat 4 buah syarikat bas awam yang memberi perkhidmatan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 25 laluan yang telah menghubungkan pusat-pusat komersial di Shah Alam dan juga kawasan sekitar. MBSA juga telah memohon 5 laluan tambahan kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD). Selain itu, kekerapan perkhidmatan bas bandar juga telah ditingkatkan daripada 30 minit kepada 15 minit semasa waktu puncak.

**TUAN SPEAKER:** Jeram tidak hadir. Teratai tidak hadir. Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Tuan Speaker, soalan No. 70.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KELULUSAN PERUNTUKAN BELIA PeBT DI BAWAH MAJLIS SUKAN  
NEGERI**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah diperuntukkan setahun bagi setiap zon?
- b) Bagaimanakah baki peruntukan zon yang tak dituntut dibelanjakan?
- c) Adakah dibolehkan pemegang amanah kewangan merancang program tanpa penglibatan awal ketua-ketua zon lain dalam PBT tersebut?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Meru atas soalan yang telah dikemukakan. Untuk soalan A, ada 2 peruntukan yang telah diperuntukkan untuk setiap zon yang pertama Program Peringkat Penggerak Belia Tempatan berjumlah RM5,000 satu tahun. Elaun Pengerusi Induk Penggerak Belia Tempatan bagi setiap zon RM400 x dengan 12 bulan bermakna sebanyak RM4,800. Dan RM5,000 campur RM4,800 berjumlah RM9.800 untuk setiap zon yang diperuntukkan secara spesifik. Bagi soalan B, peruntukan-peruntukan lebihan atau peruntukan baki yang tidak dituntut akibat biasanya oleh Ahli-ahli atau Pengerusi-pengerusi Penggerak Belia Tempatan yang kurang aktif akan diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk PeBT di peringkat Majlis Tempatan. Kemudian keputusan untuk satu pelaksanaan program itu akan diputuskan dimuktamadkan dalam Jawatankuasa Kemasyarakatan atau pun melalui Yang Dipertua-Yang Dipertua Majlis Tempatan atau pun diputuskan oleh Datuk Bandar secara kebenarannya.

Bagi soalan C, jawapannya sudah pasti tidak sebab setiap program harus diputuskan dalam Jawatankuasa Induk dan mungkin kalau yang tidak kehadiran itu adalah melibatkan Pengerusi-pengerusi Penggerak Belia Tempatan yang tidak aktif dan tidak dapat hadir dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Adakah kerajaan negeri bersedia untuk mengganti PeBT yang tidak aktif dalam erti kata tidak menggunakan peruntukan yang disediakan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima Yang Berhormat Kota Anggerik. Pada ketika ini kita sedang proses daripada 289 atau 288 yang kita ada pada kali ini, *Insyah-Allah* kita akan memuktamadkan dalam hari ini atau semalam, jadi kita dah muktamadkan kita akan gantikan 100 yang tidak aktif ya. Cara kita mengenali dan mengenal pasti mereka tidak aktif ini adalah dengan melalui laporan-laporan yang tidak dihantar, program-program yang tidak dihantar atau pun tidak diikuti dan yang ketiga mereka gagal untuk datang ke mesyuarat-mesyuarat yang telah kita tetapkan termasuk untuk menuntut elaun-elaun mereka, terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Bharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, adakah seorang pegawai yang dilantik khas untuk memantau laporan atau pun kehadiran PeBT itu sebab saya dapati terdapat masalah mengenai dengan laporan mereka ini semua sama saja. Macam *copy and paste*.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih, kita ada dua pemeringkatan pemantauan, pertama ia dilaksanakan di peringkat Majlis Tempatan terdiri daripada Pegawai Belia Kemasyarakatan yang mula ditubuhkan oleh Jawatankuasa ini atau pun sebelum ini mereka-mereka ini hanyalah Pegawai Kemasyarakatan di Majlis-majlis Tempatan kemudian diberikan tanggungjawab Belia dan Sukan sekitar tahun 2010 atau pun pada tahun 2011. Mereka seterusnya bergerak untuk menjadi pegawai belia dan kemasyarakatan. Keduanya kita ada Timbalan Pengarah Majlis Sukan Negeri Selangor (Pembangunan Belia) yang ditugaskan juga memantau laporan-laporan yang dihantar oleh pegawai dalam masa yang sama terus secara langsung kepada Pegawai Penggerak Belia Tempatan melalui Ketua-ketua Induk atau pun Pengerusi-pengerusi Induk yang dilantik bagi setiap Majlis Tempatan atau pun melalui kaedah-kaedah lain pemantauan yang telah dilaksanakan. Jadi pemeringkatan dua kali ini memastikan tidak ada laporan yang berbentuk *copy and paste* dengan izin, dalam masa yang sama kita mendapat keputusan yang lebih *accurate* atau pun yang lebih tepat, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker, soalan No. 71.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK: PASIR**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :



- a) Apakah dasar kerajaan pengimportan pasir dari luar Negeri Selangor?
- b) Jika ada, apakah syarat-syarat dan fi yang dikenakan kepada pengimport?
- c) Berapakah hasil dari pengimportan yang diperoleh oleh kerajaan selama 10 tahun ini dan senaraikan syarikat yang diberi lesen ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Yang Berhormat Speaker, izinkan saya memberikan sedikit maklumat dan penjelasan berhubung isu pengimportan pasir daripada luar Negeri Selangor. Pada ketika ini kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai dasar bagi menghalang pengimportan pasir dari luar negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri melalui Pekeliling PTGS Bilangan 1/2012 mengenai Pengurusan Permit Pindahan Pasir Untuk Longgokan Pasir (*Stockpile*) dengan izin, pasir Transit di Negeri Selangor dan Pekeliling PTGS Bilangan 2/2014 telah bersetuju mengenakan syarat-syarat dan bayaran kepada pemilik tanah bagi longgokan pasir yang dibawa masuk dari luar negeri Selangor di atas tanah mereka bagi tujuan pemindahan kepada pihak ketiga. Sukacita juga saya memaklumkan kepada Yang Berhormat Batu Tiga bahawa pengimport-pengimport pasir daripada luar negeri Selangor telah pun membayar royalti dan Permit *Export* atau pun K3 kepada negeri-negeri yang berkenaan dan mereka perlu mendapat kelulusan bertulis sebelum pasir-pasir tersebut di *export* ke dalam negeri Selangor. Berdasarkan kepada Pekeliling tersebut, syarat-syarat dan fi yang dikenakan adalah seperti berikut:

- i) Permohonan Permit Pindahan Bahan Batuan (Pasir) kepada Pentadbir Tanah perlu dibuat melalui Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) terlebih dahulu. Ini berbeza dengan amalan sebelum ini di mana permohonan permit ini dibuat secara terus kepada Pejabat Daerah dan Tanah yang berkenaan. Namun mulai hujung tahun 2014, proses ini telah di perkemaskan dan tuan tanah tidak boleh lagi memohon secara terus kepada Pejabat Daerah tetapi mesti mengemukakan permohonan kepada KSSB yang kemudiannya akan memanjangkan permohonan tersebut kepada Pejabat Daerah. Hanya permohonan dari KSSB yang boleh dipertimbangkan oleh Pentadbir Tanah;
- ii) Pengenaan Caj Perkhidmatan oleh KSSB bagi menguruskan dan mengawal selia aktiviti pemindahan pasir dari kawasan *stockpile*;
- iii) Pengenaan Fi Tahunan dan Deposit Penggunaan Tanah berdasarkan kepada jenis tanah dan kategori kegunaan tanah; dan

- iv) Pengenaan Bayaran Royalti melalui Permit Bahan Batuan (Borang 4C, KTN 1965) bagi pengalihan dan pengangkutan pasir dari kawasan *stockpile* kepada pihak ketiga melalui KSSB.

Sehingga kini hanya Pejabat Daerah dan Tanah Petaling sahaja yang mengeluarkan Permit 4C bagi pasir-pasir import terutamanya dari negeri Perak. Sehubungan itu pihak KSSB sedang mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada pengusaha-pengusaha yang menjalankan aktiviti pengimportan pasir dari luar negeri Selangor yang berada di sekitar kawasan Lembah Kelang. Anggaran kutipan royalti *stockpile* bagi PTD Petaling dari tahun 2012 hingga 2014 adalah sebanyak RM50,000.00. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjawab soalan tapi ada perkara yang ingin saya bangkitkan di sini iaitu siapakah yang sebenarnya membuat penguatkuasaan bagi memastikan import-import pasir yang mungkin haram ini berlaku sebab di Batu Tiga di sebelah Komuter KTM Batu Tiga kita lihat ada pengimportan dan *stockpile* yang diletakkan di tanah KTM yang telah beberapa kali diusulkan atau diadukan tentang perkara tersebut kerana *stockpile* ini memungkinkan atau *contribute* kepada bila banjir besar, pasir-pasir ini masuk ke landasan KTM. Jadi saya beberapa kali telah pun bertanya tentang penguatkuasaan dan sewajarnya tidak ada *stock-stockpile* di sebelah landasan KTM kerana ia menyebabkan gangguan bila masa banjir kilat. Jadi soalan saya apakah penguatkuasaan dan siapa yang sepatutnya menjalankan penguatkuasaan perkara-perkara ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga. Seperti yang saya jelaskan sebentar tadi, pengimport-pengimport pasir daripada luar negeri Selangor perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan dan mereka perlu membayar royalti dan permit eksport ataupun apa yang disebut sebagai K3 kepada negeri yang berkenaan, itu yang pertama.

Dalam soal penguatkuasaan, daripada maklumat yang telah kita kumpulkan, kebanyakan aktiviti pengimportan pasir ini berlaku daripada negeri Perak dan perbincangan Pihak Berkuasa negeri Selangor khususnya PTGS bersama-sama dengan kerajaan negeri Perak telah memaklumkan kepada kita bahawa penguatkuasaan pada hari ini memang dilakukan oleh kerajaan Negeri Perak di sempadan negeri di antara negeri Perak dan negeri Selangor. Semua aktiviti pemindahan pasir daripada negeri Perak akan dipantau di sempadan yang berkenaan tetapi ianya tidak berlaku sekiranya pengimportan pasir itu datang daripada Negeri Sembilan atau pun negeri Pahang. Walau bagaimanapun, Kerajaan

Negeri sedang mengambil langkah-langkah untuk mengawal aktiviti pengimportan pasir secara haram memandangkan permintaan pasir di Negeri Selangor ini memang tinggi dan KSSB hanya mampu memenuhi sekitar 60% sahaja daripada permintaan industri dan kita masih memerlukan sekitar 40% daripada negeri-negeri jiran bagi membekalkan pasir-pasir yang berkenaan. Oleh kerana keperluan dan permintaan pasir itu agak tinggi di Negeri Selangor, kemungkinan aktiviti yang tidak sihat ini berlaku dan saya bersetuju supaya penguatkuasaan itu perlu dipertingkatkan dan dengan kerjasama kerajaan negeri Perak memang penguatkuasaan ini telah pun diperketatkan di sempadan Perak dan negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker. Dato' Menteri Besar, adakah di sana hala tuju bagi mewujudkan kawalan harga pasir sama ada import atau pun tempatan dan sejauh manakah tanda-tanda awal bahawa persaingan daripada bekalan pasir dari negeri Perak mungkin akan mengancam pengeluaran pasir di Selangor?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tentang perkara kedua yang ingin saya *respond* kepada Yang Berhormat Hulu Kelang, saya telah nyatakan tadi bahawa permintaan pasir di negeri Selangor ini memang tinggi dan memang ada keperluan untuk memenuhi kekurangan yang dapat dikeluarkan oleh KSSB sebanyak sekitar 40%. Jadi soal persaingan itu memang wujud dan oleh kerana permintaannya tinggi di negeri Selangor walau bagaimanapun kita tidak mahu ada pihak yang mengambil kesempatan melalui aktiviti pengimportan secara haram ini dan ianya akan memberikan kesan kepada pendapatan negeri Selangor khususnya dan kepada industri yang sedang berkembang pesat di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN HAJ SAARI BIN SUNGIB:** Kawalan harga?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya?

**Y.B. TUAN HAJ SAARI BIN SUNGIB:** Kawalan harga.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Kawalan harga memang telah ditetapkan oleh KSSB sebagai satu Badan yang menguruskan dan mengawal selia aktiviti pemindahan pasir khususnya daripada kawasan *stockpile* dan pada ketika ini memang kita telah tetapkan kadar-kadar yang telah ditetapkan untuk aktiviti tersebut yang saya nyatakan tadi saya akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat Batu Tiga kerana dia ada jenis-jenis tanah dan kegunaan tanah termasuk kalau tanah kerajaan dia ada tanah di bandar dan di desa, kalau *stockpile* itu berada di

situ. Kalau tanah Hak Milik dia ada Pertanian, Industri, jadualnya agak panjang, saya akan serahkan juga kepada Yang Berhormat Hulu Kelang supaya fakta itu lebih tepat dan lebih terperinci. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Saya nak tanya kerajaan sebab permintaan pasir sebab di kawasan HORAS tu pasir telah banyak digali, masalah dia *stockpile* merata-rata di Ijok sampai tepi masjid, tepi sekolah. Jadi macam mana kata permintaan pasir, pengeluaran pasir di Selangor ini berkurangan padahal Perak *just the border above* Ijok, kenapa *stockpile* terlampau banyak di situ sehingga menimbulkan masalah kepada penduduk.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya saya yakin Yang Berhormat Ijok juga sedia maklum tahap pembangunan di negeri Selangor jauh lebih ke depan daripada negeri Perak, sudah tentu lah permintaan pasir bagi industri dan pembangunan di negeri Selangor ini jauh lebih besar, maka lebihan di negeri Perak itu perlu, amat diperlukan di negeri Selangor kerana Perak ni agak mundur daripada negeri Selangor kerana belum ditadbir oleh Pakatan Rakyat ya tapi berhubung keadaan di Bestari Jaya itu memang kita ada usaha sedang kita bincang sementara kerajaan negeri sedang meneliti keperluan HORAS 3000 di Bestari Jaya, ada cadangan untuk pihak MBI dan juga Kumpulan Hartanah Selangor Berhad untuk memikirkan usaha-usaha supaya pasir-pasir di kawasan yang berkenaan dapat di manfaatkan bagi permintaan industri di negeri Selangor dan ianya dapat meningkatkan pendapatan kerajaan negeri sementara kita menunggu projek HORAS 3000 itu dapat dimuktamadkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:**Sungai Burong. Tidak hadir. Balakong, tidak hadir. Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 74.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK: KEDUDUKAN MENARA TINJAU DI BUKIT AMPANG HULU LANGAT**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah kerajaan sedar lokasi menara tinjau itu mempunyai potensi tinggi untuk menarik pengunjung atau pelancong?

- b) Jika ya, apakah rancangan kerajaan negeri terhadap menara tinjau ini yang sudah terbiar?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengelak tempat itu dari menjadi lokasi maksiat?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Tuan Speaker. Kerajaan Negeri Selangor menyedari bahawa lokasi menara tinjau '*Ampang Look Out Point*' (ALOP) mempunyai potensi yang tinggi untuk menarik ramai pengunjung atau pelancong sebagai salah satu kawasan tarikan berasaskan kepada ekopelancongan. ALPO juga terletak di kawasan Hutan Dipterokarpa Tanah Pamah dengan ketinggian topografi 260 meter dari paras laut yang mudah sampai yang terdapat di negeri Selangor. Di samping itu ia juga mempunyai kepelbagaian biodiversiti yang tinggi dengan pelbagai spesies fauna dan flora yang unik. Dengan wujudnya kepelbagaian biodiversiti yang tinggi ini, maka ianya sangat sesuai dijadikan sebagai Arboretum Negeri Selangor. Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan pihak pengurusan pada masa itu menutup ALOP disebabkan berlaku kejadian tanah runtuh. Pada masa kini, kerajaan negeri telah meluluskan untuk diserahkan pengurusan dan pembangunan semula ALOP kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) melalui peruntukan kerajaan Negeri Selangor.

Berdasarkan kepada keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) Bil. 7/2015 yang telah diadakan pada 26 Februari 2015, '*Ampang Look Out Point*' (ALOP) diserahkan kembali kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) untuk dibangunkan semula selaras dengan Pelan Pembangunan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Selangor melalui peruntukan daripada kerajaan negeri.

JPNS berhasrat untuk membangunkan ALOP sebagai Pusat Kecemerlangan Hutan Negeri Selangor disebabkan oleh lokasinya yang strategik dan sumber semula jadi yang menarik dan unik dengan kepelbagaian biodiversiti yang tinggi. Pusat ini akan dibangunkan secara bersepadu merangkumi aspek pentadbiran, latihan, arboretum, rekreasi, ekopelancongan, penyelidikan dan pendidikan alam semula jadi yang bertaraf dengan izin '*world class*' yang boleh dibanggakan.

Sekiranya kawasan ini dibangunkan sebagai Pusat Kecemerlangan Hutan Selangor segala aktiviti dan program yang dijalankan di kawasan ini akan sentiasa berada di bawah pengawasan dan seliaan JPNS. JPNS akan sentiasa bertanggungjawab dalam mengawal selia segala pengurusan berkaitan rancangan pembangunan ALOP bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengunjung atau pelancong lebih terjamin pada masa sekarang dan juga akan datang.

Untuk menjawab soalan yang terakhir tentang langkah-langkah yang akan diambil dari mengelakkan kawasan ini dari lokasi maksiat, apabila JPNS masuk untuk mengawal selia saya yakin aktiviti maksiat akan mengurang. Walau bagaimanapun, saya juga perlu menekankan bahawa tanggungjawab JPNS bukan untuk mengawal aktiviti-aktiviti maksiat tetapi untuk menjaga pokok-pokok hutan.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Soalan.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Yang Berhormat EXCO telah memberi penjelasan yang saya rasa...

**TUAN SPEAKER:** Soalannya Yang Berhormat Dusun Tua. Soalannya. Soalan tambahannya terus.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Soalan dia, tak apalah saya bagi soalan dia terus. Soalan dia telah 4 tahun dari tahun 2011 hingga sekarang, nampaknya tidak ada apa-apa perkara yang telah dibuat di situ dan saya nampak dan juga ramai orang yang dah beri tahu kepada saya atas berlakunya seperti mana yang EXCO beritahu saya tadi lah tempat tu berkumpulnya pelaku-pelaku yang tak berapa elok ni dan sekarang ni ada di tepi..

**TUAN SPEAKER:** Soalannya Yang Berhormat Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Di tepi bukit tu ada usaha nak menceroboh tak tau la saya nak keluarkan pasir ke *Walluhualam* tapi saya minta kalau boleh disegerakan lah ya untuk dilaksanakan apa juga yang dikatakan oleh EXCO tadi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Itu cadangan Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Ya, cadangan saya disegerakan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Dusun Tua. Kita mengambil maklum cadangan dan juga maklumat yang diberi oleh Dusun Tua untuk makluman semua juga pihak JPNS telah masuk mulai 1 April untuk mengawal sempadan di kawasan *Ampang Look Out Point*. Jadi kalau ada maklumat selanjutnya saya juga harap Dusun Tua atau pun rakan kita daripada Lembah Jaya yang selalu prihatin tentang ALOP boleh bekerjasama dengan pihak JPNS untuk membantu membangunkan dan juga untuk mengawal selia kawasan tersebut.

**Y.B. TUAN HAJ SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJ SAARI BIN SUNGIB:** Ya, Tuan Speaker, ada rekod tak yang datang siang berbanding dengan malam mana lebih ramai? *Simple* je jawab.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Siang, malam, monyet, orang?

**Y.B. TUAN HAJ SAARI BIN SUNGIB:** Pelancong, pengunjung-pengunjung.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Pengunjung? Kebiasaannya dari dulu mereka gemar datang selepas petang malam.

**TUAN HAJ SAARI BIN SUNGIB:** Jadi isu saya nak timbulkan fokus kita adalah pelancongan, kesedaran alam sekitar, pokok hutan rimba dan sebagainya tapi yang saya faham kebanyakan daripada mereka datang bukan nak tengok hutan tapi melihat lampu-lampu neon di Kuala Lumpur. Jadi isu tujuannya tidak tercapai. Apa *respond* EXCO.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Memang itu adalah di bawah Pelan Pembangunan untuk ALOP yang baru cuma kita ingin menitik beratkan juga ekopelancongan ataupun pelancongan yang berasaskan alam sekitar dan juga biodiversiti di Negeri Selangor. Jadi yang akan datang semasa siang, kita akan ada juga pembangunan yang menggalakkan orang untuk datang pada waktu malam untuk melihat pemandangan dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 75.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Terima kasih Puan Speaker, soalan no.75.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: DASAR HUBUNGAN DOMESTIK ANTARA NEGERI-NEGERI**

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri Selangor berkaitan Hubungan Domestik antara negeri-negeri dalam Malaysia?

- b) Berapakah jumlah perdagangan antara Selangor dan negeri-negeri dalam Malaysia?
- c) Nyatakan pelaburan Selangor dalam negeri-negeri dalam Malaysia?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, pada ketika ini tiada suatu dasar khusus di pihak Kerajaan Negeri Selangor berkaitan hubungan domestik antara negeri-negeri dalam Malaysia. Tidak ada mekanisme khusus untuk mengesan jumlah perdagangan antara Negeri Selangor dengan negeri-negeri lain di Malaysia seperti sistem percukaian yang terlibat. Sehingga kini tiada pelaburan Selangor dalam negeri-negeri dalam Malaysia.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menggubal dasar domestik tersebut. Kalau sekarang ini belum ada dasar yang spesifik, ada perancangan untuk berbuat demikian atau tidak.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, soal dasar domestik ini tidak wujud kerana Negeri Selangor merupakan salah satu negeri dalam Malaysia. Jadi tidak ada soal diplomasi di antara negeri dengan negeri seperti dalam sebuah negara yang berdaulat. Terima kasih.

**TUAN SPEKAER:** Bukit Melawati, Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya 77.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TAN POK SHYONG  
(PANDAMARAN)**

**TAJUK : MASALAH KEBERSIHAN DI KLANG**

**77.** Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri selanjutnya untuk mengatasi keadaan kebersihan di Klang yang kini telah berada di tahap yang sangat kritikal selepas manifesto Menteri Besar baru untuk menjadikan Selangor satu negeri yang bersih dalam tempoh 3 bulan telah gagal teruk?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih Pandamaran. Pada umumnya, isu pembersihan di daerah Klang adalah memuaskan tetapi tidak



terbaik dan perlu penambahbaikan dari aspek pemantauan. Peranan penduduk di Klang adalah penting untuk bersama-sama menjaga kebersihan di daerah Klang. Jumlah kutipan sampah yang dikutip oleh Majlis di seluruh Klang adalah sebanyak 600 hingga 650 tan sehari. Majlis telah menubuhkan satu jawatankuasa pemantauan di kalangan Ahli Majlis dan Ketua Jabatan, MPK bagi membantu Majlis dalam memantau pembersihan di Klang. Kerajaan juga memutuskan bahawa semua kerja-kerja pembersihan di jalan-jalan utama iaitu jalan JKR diserahkan kepada PBT kerana ada kawasan-kawasan luar dari kawalan PBT. Perancangan Majlis Perbandaran Klang dalam mengatasi masalah kebersihan di Klang adalah seperti berikut:

- i) Pihak Majlis membuat penyusunan semula iaitu *rezoning* kawasan perkhidmatan pembersihan dengan inventori yang lebih lengkap dan terperinci;
- ii) Tindakan yang lebih tegas kepada kontraktor yang gagal menjalankan kerja-kerja dengan sempurna. Contohnya seramai 15 kontraktor pembersihan dan 8 kontraktor kutipan telah ditamatkan baru-baru ini.
- iii) Meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan bagi operasi-operasi berikut:
  - a) Operasi bersepadu.
  - b) Operasi kutu sampah.
  - c) Operasi pengintipan pembuangan sampah haram.
  - d) Rondaan dan pemantauan berkala di lokasi-lokasi *hot-spot* sampah haram.
  - e) Memperkuatkan dan menyusun semula pasukan *in-house*. Sekian.

Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Pandaraman dulu.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya hormati dan bersetuju bahawa situasi kebersihan di Klang adalah memuaskan, saya hormati dan bersetuju.....

**TUAN SPEAKER:** Soalan.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** ... Ya soalan saya, saya ingin menyatakan bahawa yang sini menyatakan 15 kontraktor pembersihan dan 8 kontraktor kutipan telah ditamatkan. Itu adalah disebabkan oleh dasar tender terendah kerana mereka telah mengambil tender yang terendah, jadi tidak dapat melaksanakan. Saya rasa pemantau di MPK tidak melaksanakan kerja kerana kita sentiasa melihat kontraktor tidak buat bekerja.....

**TUAN SPEAKER:** Soalan.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** .. Ia, jadi itulah masalah yang dihadapi di Klang dan sangat-sangat teruk. Jadi, saya rasa rancangan tambahan diperlukan untuk memperbaiki keadaan yang begitu teruk di Klang. Jadi selain daripada apa yang dinyatakan nampaknya telah dijalankan tetapi tidak mencapai hasil. Apakah rancangan tambahan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Pandamaran. Ya, saya rasa beginilah. Saya berpendapat bahawa memang ada aspek-aspek yang perlu dipertingkatkan di MPK tentang isu pembersihan awam dan juga pengurusan sampah. Salah satu rancangan yang akan dibuat adalah seperti apa yang saya telah maklumkan kepada Dewan yang mulia ini di dalam penggulungan saya bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Audit Luar untuk setiap kawasan PBT. Jadi Yang Berhormat Pandamaran juga akan dijemput masuk dalam Jawatankuasa ini untuk sama-sama kita bantu MPK untuk meningkatkan tahap kebersihan tahap awam di kawasan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Memandangkan MPK di kawasan Klang dikatakan masih, kebersihan tidak memuaskan jadi saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO, adakah apa sasaran yang ditetapkan oleh Yang Berhormat sebagai EXCO PBT untuk membersihkan kawasan di Klang ini dalam satu tempoh masa supaya Klang boleh bersih dan indah. Adakah sasarannya?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Sekinchan dari Klang ke Sabak Bernam. Terima kasih kepada Sekinchan kerana juga prihatin tentang isu-isu di Klang. Sekarang ini kita masih tidak ada satu sasaran yang tetap, tapi kita akan cuba sedaya upaya bukan sahaja di Klang tetapi di seluruh Selangor Kerajaan Negeri memang memandang serius tentang kebersihan awam dan juga pengurusan sampah di kawasan Selangor supaya kita akan cuba sedaya untuk membersihkan semua tempat termasuk di kawasan Sabak Bernam.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Speaker, Selat Klang.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas dulu.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya nak minta EXCO, tadi saya dengar perkataan yang digunakan oleh EXCO itu memuaskan ini ...

**TUAN SPEAKER:** Soalan, soalan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan, soalan... bila baru-baru ini, bila Menteri Besar ambil alih sebagai menteri besar baru dipenggal ini,

dia telah berikan satu dana yang lebih untuk dalam tiga (3) bulan untuk pembersihan kawasan-kawasan tertentu. Apa sasaran dalam tiga (3) bulan ini yang telah digunakan, itu sasaran lain, ini ialah duit yang telah dipanggil dan dibagi kepada, berikan kepada PBT-PBT, dalam tiga (3) bulan kena *clear*, kena-kena bersihkan kawasan dan sebagainya. Apa jadi kepada dana itu dan apa sasaran dia dalam tiga (3) bulan, ada ke tiada yang menambah baik keadaan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Seri Andalas. Dana itu telah digunakan untuk MPK untuk membersihkan kawasan-kawasan khususnya tapak-tapak pelupusan haram yang lama, terbiar di kawasan-kawasan daerah Klang memang dana itu telah digunakan untuk bersihkan tapak tersebut dan saya rasa memang kita nampak ada penambahbaik tentang kawasan tersebut, tetapi lepas kita bersihkan tapi kontraktor yang tidak bertanggungjawab pun masuk lagi untuk buat pembuangan sampah tersebut. Itu sebab kita kenalah satu penguatkuasaan yang lebih ketat dan juga pemantauan yang lebih kekerapan dia perlu dipertingkatkan untuk kita memantau situasi seperti begini.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Speaker, Selat Klang Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sebelum saya benarkan soalan tambahan lagi, saya minta kerjasama semua yang berhormat, kaji dahulu ayat yang berhormat semua cadangan atau soalan sebelum bangun ya...

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Saya nak bertanya kepada EXCO tadi EXCO sebut 15 kontraktor telah ditamatkan oleh MPK sebagai salah satu tindakan. Soalan saya bila ditamatkan adakah MPK mempunyai kontingensi dah tiada kontraktor yang kutip, adakah jalan-jalan lain yang akan membersihkan kawasan itu. Malam tadi saya tengok melambak lagi di sekitar Selat Klangini, kalau kontraktor tak ada siapa yang kutip.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** ... Saya, untuk makluman Selat Klang, saya tiada maklumat tentang siapakah kontraktor yang telah ditamatkan kerana ini di luar pokok soalan tapi biasanya selepas penamatan kontraktor MPK akan menggunakan pasukan *in-house* untuk buat pengurusan sampah untuk sementara, selepas itu baru mereka akan lantik kontraktor yang baru.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Speaker, saya nak ni kan EXCO, adakah EXCO sedar bahawa itu tidak berlaku.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya nak tanya kepada EXCO, dia sebut tentang pemantauan dan rondaan. Soalan saya pemantauan dan rondaan dibuat waktu bila, malam ataupun siang. Kalau malam tak buat tak akan jumpa siapa yang bersalah.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Ya, saya setuju memang ada kontraktor sampah haram mereka buang sampah di seberang malam dan MPK juga ada beberapa pasukan, dia akan jaga ada sesi malam dan juga pada waktu siang tetapi oleh kerana kawasan Klang ini memang besar, tidak mungkin untuk MPK dia menjaga seluruh kawasan setiap masa, jadi kita juga meminta bahawa Yang Berhormat atau pun penduduk bagi lah maklumat kepada MPK supaya kita dapat melaksanakan tindakan penguatkuasaan lebih efektif.

**TUAN SPEAKER:** Ya, kenapa Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya ingat, saya nak dapatkan EXCO, EXCO tadi jawab soalan yang saya bangkit. Dulu saya katakan, seluasnya MPK, adakah Kerajaan Negeri nak pecah dua dia tadi jawab, dia tak boleh jaga sebab kebesarannya, so..ini ada percanggahan dengan soalan atau pun jawapan dari EXCO, so, ketetapan apa, adakah tidak Kerajaan Negeri setuju untuk pecahkan Klang dalam kawasan dua.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya soalan saya katakan bahawa Kerajaan Negeri masih tidak ada pelan untuk pecahkan MPK kepada dua tapi kita boleh kaji semula tentang cadangan daripada yang terhormat, itu yang saya jawab, jangan putar balik apa jawapan saya...

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, soalan 78.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : HUTANG TALAM BERJUMLAH RM391 JUTA**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini hutang ini?
- b) Apakah implikasi kepada Kerajaan Negeri jika MBI gagal mengutip semula hutang ini?

c) Apakah langkah kerajaan dalam memuktamadkan permasalahan ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang yang ingin mendapat penjelasan berkenaan dengan hutang TALAM.

Tuan Speaker, status terkini tentang hutang Syarikat TALAM keseluruhannya berjumlah RM392 juta telah pun dibayar sepenuhnya melalui penyerahan tanah seluas 458 ekar yang mengikut penilaian semasa maka tiada implikasi pihak Kerajaan Negeri kerana syarikat hutang TALAM telah diselesaikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, soalan no. 79.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK: PELAN PERANCANGAN TEBATAN BANJIR**

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Jawatankuasa Khas Tebatan Banjir Selangor ditubuhkan dan objektif penubuhan jawatankuasa ini?
- b) Siapakah anggota dalam Jawatankuasa Tebatan Banjir Selangor?
- c) Apakah strategi dan pendekatan jawatankuasa ini untuk mengatasi keadaan banjir Selangor dengan mengambil kira faktor perubahan cuaca?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Rawang yang bertanya berkenaan dengan Jawatankuasa Khas Tebatan Banjir yang saya kira telah pun kita bicarakan semalam dengan panjang lebar. Ianya telah ditubuhkan pada bulan Mac 2015 bertujuan atau pun objektifnya untuk merangka dan merancang secara yang lebih menyeluruh ke arah penyelesaian banjir secara bersepadu dan mampan melalui penyelarasan dan penglibatan pelbagai agensi dan di antara jawatankuasa yang terlibat dalam *Task Force* tebatan banjir ini yang dipengerusikan oleh Jawatankuasa Tetap EXCO, Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam dan di antara ahli tetapnya adalah EXCO Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, EXCO Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Unit Perancang Negeri, Pengarah Kerja Raya, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Pengarah Perancang Bandar dan Desa, Pengarah Lembaga Urus Air Selangor, Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Pengarah Jabatan Perhutanan, Pegawai-pegawai Daerah, Datuk Bandar juga Yang Dipertua

Majlis, Setiausaha Unit Bencana Negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri adalah merupakan urus setia.

Di antara strategik dan pendekatan yang diambil yang saya sebutkan semalam, melihat kepada bidang tugas *Task Force* tebatan banjir yang kita berasaskan kepada pelaksanaan 6P antaranya penyelarasan maklumat, mengumpul dan mewujudkan dan satu *data base* atau inventori yang lengkap meliputi rekod-rekod banjir yang lepas lokasi kawasan banjir, kekerapan banjir, sebab berlakunya banjir dan segala-gala yang berkaitan dengan banjir itu.

Yang keduanya, berkenaan dengan penilaian dan perancangan. Penilaian juga dibuat kepada projek-projek tebatan banjir yang telah dilaksanakan dan juga dalam perancangan untuk dilihat dan ditambah baik dan yang ketiganya adalah dari sudut pemantauan yang akan dilakukan diatas pembangunan-pembangunan yang meliputi kawasan-kawasan banjir.

Yang keempat, penguatkuasaan dimana akan mengerakkan operasi penguatkuasaan secara berkala dan bersepadu di antara agensi seperti *Out Lumpur* bertujuan untuk memastikan pemaju mematuhi syarat-syarat pembangunan seperti penyediaan dan pelaksanaan pelan kawalan hakisan dan mendapan ESCP untuk mencegah kejadian banjir lumpur. Begitu juga dengan ..... yang kelima, P yang kelima dari sudut persediaan, menyediakan dan menyelaraskan senarai semak untuk dilaksanakan oleh semua agensi bagi persediaan menghadapi musim-musim tengkujuh atau pun bulan yang akan berlakunya hujan lebat. Maka *Task Force* ini akan dipastikan dapat disempurnakan sebelum atau pun dalam persediaan kita menghadapi banjir dan musim-musim tengkujuh. Dan keenam, pengesyoran daripada proses, penyelarasan maklumat, penilaian perancangan, pemantauan, penguatkuasaan dan penyediaan. Jawatankuasa ini juga akan merumus dan mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk tindakan-tindakan yang perlu diambil antaranya seperti arahan, pemberhentian kerja, denda mengikut perundangan sedia ada, pelaksanaan projek tebatan banjir mengikut keutamaan, penyediaan peruntukan penyelenggaraan mencukupi, penambah baik garis panduan-garis panduan yang sedia ada, begitu juga kajian keperluan, mengadakan kajian pelan induk dan saliran dan begitu juga kajian semula terhadap projek-projek pembangunan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya sama ada sebab saya ambil contoh di Rawang salah satu kegagalan situasi isu banjir adalah dari segi peruntukan tapi saya ucapkan terima kasih kerana JPS Gombak dapat banyak peruntukan untuk selesaikan isu banjir di Rawang. Tetapi saya nampak PBT pula yang di katakan

kekurangan peruntukan untuk selaraskan sistem saliran itu. Sungai telah di dalamkan, dilebarkan tetapi dikatakan pula longkang itu tak boleh *cater*. Jadi saya ingin tanya sama ada caruman parit itu juga dibuka kepada PBT untuk memohon bagi naik taraf sistem perparitan mereka.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Rawang yang bertanya. Permasalahan besar sebeginilah sebenarnya yang akan kita bangkit dan bincangkan dalam *task force* di mana *task force* tebatan banjir ini di mana kedapatan pelbagai agensi yang terlibat. Bukan sahaja malahan peringkat JPS, tetapi juga di peringkat PBT dan juga sebagainya yang kita fokus padakawasan-kawasan yang kerap berlaku banjir seperti yang saya sebutkan tadi lebih kurang 1,028 kes atau pun kejadian banjir sejak daripada 10 tahun daripada 2004 hingga 2014 melibatkan 357 kawasan. Dan kita fokus sekarang kepada 2014 sebanyak 116 insiden berlakunya banjir dan 92 kawasan yang terlibat. Jadi fokus kepada 90 kawasan yang terlibat itu dan pada Mac 2015 tahun ini ada 27 insiden yang melibatkan 24 kawasan. Jadi kita fokus di sana dan melibatkan pelbagai agensi JPS, PBT dan pelbagai yang lain. Berkaitan dengan caruman parit ya kita akan buka pada semua agensi-agensi untuk menyelesaikan permasalahan banjir ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 80 telah dijawab bersekali dengan soalan 30. Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:**Terima kasih Tuan Speaker, soalan 81.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : INDUSTRI PENTERNAKAN**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan Negeri Selangor menggalakkan industri penternakan ikan air masin di persisiran pantai dan muara sungai dan apakah pandangan Kerajaan Negeri Selangor terhadap cadangan ini?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Sungai Pelek yang bertanya Tuan Speaker. Sungai Pelek bertanyakan berkenaan dengan industri penternakan ikan air masin. Kerajaan Selangor sememangnya menggalakkanmana-mana pelabur atau pun penternak untuk terlibat di dalam industri penternakan ikan air masin ini, ini adalah kerana industri ini mampu memberikan pulangan yang besar kepada Kerajaan Negeri Selangor sekiranya ia dikawal dengan sempurna dan di urus tadbir dengan baik. Justeru itu pelbagai bantuan sebenarnya telah pun disediakan oleh kerajaan kepada penternak-penternak industri ini terutamanya yang

terlibat dalam penternakan ikan dalam sangkar. Jadi antara bantuan yang diberikan adalah seperti benih, makanan ikan, pukut dan sebagainya. Selain itu kerajaan juga sentiasa memantau dan memberi khidmat nasihat dalam usaha meningkatkan pengeluaran ternakan. Untuk meningkatkan pengeluaran akuakultur, Kerajaan Negeri Selangor sedang membuat satu kajian bagi pembukaan kawasan-kawasan baru untuk industri ternakan ikan sangkar dan juga pembinaan tangki air tawar di Pulau Ketam untuk rawatan penyakit.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:**Soalan Tambahan.

**TUAN SPEKER:** Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:**Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang membantu golongan yang di DUN Sungai Pelek kerana pendapatan mereka terjejas bila tiba ia musim tengkujuh dan keadaan cuaca yang tidak menentu.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Sungai Pelek yang bertanya sudah pasti Kerajaan Negeri Selangor ada program-program bantuan yang saya tidak boleh bekalkan di sini kerana soalan pokok ini adalah berkenaan dengan menggalakkan industri penternakan ikan air masin.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:**Soalan saya jika ikan air masin di ternakan di pesisir pantai atau di muara sungai? Boleh tak Kerajaan Negeri menolong itu nelayan untuk menggalakkan industri penternak ikan air masin di pesisir pantai atau di muara sungai?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Sungai Pelek yang bertanya. Ia Kerajaan Negeri Selangor akan melihat bagaimana kah bantuan-bantuan yang boleh diberikan kepada mereka yang menternak ikan air laut di laut atau pun di muara sungai?

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras. Tidak hadir, Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 83.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : ISU PENGURANGAN KADAR JENAYAH**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-



- a) Penjelasan EXCO Kerajaan Tempatan tentang status terkini kadar penjenayah di Selangor.
- b) Apakah keberkesanan pemasangan CCTV, *Spotlight*, LED dan sebagainya bagi mengatasi masalah jenayah di Selangor?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Kajang, Tuan Speaker, menurut laporan statistik yang diperolehi oleh pihak Polis DiRaja Malaysia PDRM kadar jenayah di negeri Selangor pada tahun 2014 adalah sebanyak 6,608 kes manakala pada tahun 2015 sebanyak 5,304 kes jenayah dilaporkan. Ini menunjukkan penurunan kadar jenayah sebanyak 19.37%.

b) Keberkesanan pemasangan CCTV, *Spotlight*, LED di kawasan PBT Selangor dapat dilihat berdasarkan pengurangan kawasan indeks jenayah hotspots di mana CCTV sedia ada berfungsi untuk mencegah masalah jenayah yang dapat membantu pihak polis untuk memantau aktiviti jenayah. CCTV yang sedia ada juga mempunyai link di antara PBT dan Ibu Pejabat Polis Daerah masing-masing. Pemasangan ..... atau pun *Spotlight* di Taman-taman di Melati berkesan untuk bentong aktiviti yang sihat seperti vandalisme berkelakuan sumbang serta mengawal kegiatan minum-minuman keras di kawasan Taman Awam, Taman Permainan bagi menjamin keselamatan penduduk yang menggunakan kawasan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan saya berapakah pecahan penjenayah-penjenayah hanya kepada orang luar dan apakah penempatan Pusat Penahanan yang di Semenyih itu memberi kesan bahawa kerana saya dalam mesyuarat tindakan daerah diberitahubahawa tidak ada penyandang yang mencukupi antara pusat tahanan dan mereka yang ditahan di situ dan boleh membuatkan jenayah tinggi kadar jenayah tinggi di tempat itu.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, tentang isu Pusat Pertahanan di kawasan Semenyih kerana ini bukan dalam soalan jadi saya tak ada maklumat tentang perkara tersebut tetapi saya akan minta agensi yang berkaitan untuk bagi saya maklumat tentang isu tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Minta maaf, apakah pecahan apakah orang luar yang menjadi penjenayah atau pun orang *local*?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tentang isu ini juga saya tak ada maklumat daripada pihak Polis kerana ini memang pihak Polis saya akan cuba untuk carikan maklumat tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya dengan YB EXCO apakah strategi atau pun *focus point* dengan izin untuk jawatankuasa keselamatan yang diwujudkan di peringkat PBT? Sebab sebelum ini saya nampak Kerajaan Negeri kita beri peruntukan bagi pasang CCTV. Jadi apakah sasarannya dan kalau boleh, boleh bekalkan secara tulis KPI untuk maksudnya pengurangan dari segi indeks jenayah untuk setiap PBT dengan adanya Jawatankuasa Keselamatan di bawah setiap PBT ini.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya akan bagi jawapan secara lisan kepada Yang Berhormat selepas ini.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya nak minta EXCO bahawa di kawasan-kawasan tertentu Polis dia tak nak kerja dengan ADUN-ADUN sebab ini ialah isu politik dan dia sahaja nak kerja dengan NGO-NGO tempatan. Ini jawapan yang saya dapat dari Polis di kawasan Klang. So saya ingat Kerajaan negeri kena ambil berat tentang isu ini sebab ADUN-ADUN dipilih oleh

**TUAN SPEAKER:** Soalannya ada ke tak ada Kerajaan tahu bahawa Polis kata dia tak ada nak kerja dengan ADUN-ADUN sebab ADUN ialah Ahli Politik di dalam kawasan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Sri Andalas, memang kita menggalakkan bahawa pihak Polis perlu bekerjasama dengan Wakil Rakyat di kawasan tersebut. Tak kiralah dia daripada Pembangkang atau pun dari Kerajaan tapi pihak Polis adalah di luar kawasan Kerajaan Negeri. Itu yang kita hanyalah boleh meminta atau pun berkomunikasi lebih baik dengan pihak Polis supaya satu hubungan yang lebih erat diperkuatkan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Tuan Speaker soalan no. 84.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. PUAN HALIMATONSAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PERUMAHAN TERBENGGKALAI**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek perumahan terbengkalai di Selangor pada tahun 2014?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri bagi memastikan pemaju bermasalah tidak dibenarkan melaksanakan sebarang projek di Selangor?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Assamualaikum Warahmatullahi Hiwabarakatuh*, salam sejahtera *Bismillahi Rahmanir Rahim*, terima kasih kepada Kota Damansara. Senarai projek rumah terbengkalai di Selangor pada tahun 2014 ini termasuk yang terbengkalai sebelum ini adalah keseluruhannya adalah sebanyak untuk projek perumahan sebanyak 113 dan untuk projek pembesaran kampung sebanyak 9. Keseluruhannya adalah 122 projek dan jumlah unit adalah 31,402 projek. Buat masa ini Lembaga Perumahan Hartanah Selangor sentiasa memantau projek-projek yang dijalankan dengan mendapat maklumat daripada pihak berkuasa tempatan dan kita ada satu sistem di mana sekiranya ianya lewat satu makluman akan diberikan kepada Lembaga dan seterusnya Lembaga akan memanggil atau pun melakukan atau pun membuat satu mesyuarat dengan mereka-mereka yang terlibat untuk memastikan apa masalah yang dihadapi oleh projek-projek tersebut. Jadi untuk mengulangi bahawa terdapat 122 projek dengan jumlah unit sebanyak 31,862. Sepanjang 2008 hingga 2014 jumlah projek yang telah diselesaikan adalah 28 projek berlesen dan 23 projek tanpa lesen berjaya diselesaikan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Apakah usaha Kerajaan untuk membela nasib pembeli-pembeli rumah terbengkalai ini yang ada di antara mereka yang telah pun *diblacklisted*?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Beberapa cara yang 1) adalah dengan penubuhan tabung projek perumahan terbengkalai atau tempat di mana tempat itu kita telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta. Kebanyakan RM20 juta kebanyakan projek-projek yang terbengkalai terutamanya projek-projek rumah kos rendah. Ianya mempunyai defisit atau pun kekurangan wang untuk menyiapkannya. Itu sebab Kerajaan negeri telah memperuntukkan RM20 juta untuk menyelamatkan projek-projek tersebut sebab tiada siapa yang masuk untuk menyelamatkannya.

Dulu kita ada TPPT asalnya dulu lepas itu kita ada SPNB juga tapi tidak banyak yang kita dapat lihat tapi di sebabkan Kerajaan negeri sendiri terpaksa campur tangan dan RM20 juta telah diperuntukkan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih, saya ingin juga bertanya berkaitan dengan isu perkara terbengkalai rumah terbengkalai. Ini adalah isu yang ada di Taman Tanah Merah MPSJ di mana rumah yang ingin sepatutnya dibina rumah kos rendah dan kos sederhana tetapi tidak dibina. Yang saya definisikan sebagai terbengkalai juga lah dan apakah soalan saya apakah tindakan yang dibuat oleh Lembaga Perumahan kepada pemaju-pemaju yang tidak membina rumah-rumah kos sederhana yang sepatutnya dibuat semenjak 2002. Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Biar dilakukan oleh Lembaga Perumahan adalah seperti mana Rumah Selangor Ku yang tidak dibina walaupun telah mendapat kelulusan daripada EXCO kesemuanya akan dipanggil oleh Lembaga Perumahan dan kita nak tengok apakah tindakan mereka dan kita bagi masa untuk mereka apabila mereka nak bina sebenarnya bukan daripada 2002 sahaja tetapi ada rumah kos rendah yang telah diluluskan sebelum 2002 tetapi tidak masih belum dibina sehingga ke hari ini. Jadi untuk menjawab soalan tersebut adalah kita akan panggil pemaju-pemaju yang terlibat. Tetapi masalahnya ada pemaju-pemaju yang tidak ada atau pun yang telah digulung atau pun telah bankrap. Yang ini Kerajaan Negeri mungkin ada satu pendekatan baru seperti untuk mencari pemaju penyelamat terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO. Tentang projek pembesaran kampung telah nyata terbukti dia merupakan yang satu tindakan yang mengelirukan bermotif politik dan tujuan untuk memberikan keuntungan kepada kroni itu telah dinyatakan. Persoalan saya adakah sendiri projek pembesaran kampung ini hendaklah diteruskan?. Adakah dasarbaru atau bagaimana?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Apa yang berlaku dulu pembesaran kampung ini diserahkan kepada JKKK, JKKK berapa K 3 K. Jadi bermakna bahawa JKKK ini kebanyakannya tidak mempunyai *Specialist* dengan izin seperti kepakaran. Mereka akan *tie up* dengan kontraktor dan kontraktor ini akan buat rumah dan jual kepada mereka di kampung itu atau di tempat lain. Dalam banyak kes keseluruhan kos projek itu tidak dimasukkan ke dalam kira-kira projek. Contohnya kadangkala pembetulan tidak masuk apa ini infra tidak dimasukkan. Akhirnya apabila dia

hendak jual rumah tersebut memanglah rumah itu murah tidak sebab tidak dimasukkan kos-kos yang sepatutnya dimasukkan terutamanya kos-kos infrastruktur. Jadi apabila separuh jalan hendak diteruskan projek itu akhirnya kontraktor mendapati bahawa mereka tidak cukup *funding* tak cukup.

Jadi bermakna projek itu terbengkalai. Kalau kita hendak buat projek yang baru pembesaran yang baru jadi ianya kena buat lebih profesional. Maknanya kena masukkan keseluruhan harga-harga dan keseluruhan kos-kos yang terlibat. Jadi oleh sebab banyak kos-kos yang apabila kita bercerita kita hendak bangun rumah generasi kedua FELDA. Itu sebab sampai RM150,000 sebab kita telah masukkan keseluruhan kos-kosnya. Jadi untuk yang baru ini kena masuklah keseluruhan kos-kos infrastruktur dan juga dari segi perjanjian kena betul-betul perjanjian menurut akta. Sebab sebelum ini mereka yang membeli projek-projek pembesaran kampung ini, mereka *sign* apa yang dikatakan *construction agreement* dengan izin. Buka SMP. *Sales and purchase agreement* jadi bermakna mereka ini tidak dilindungi oleh akta. Jadi kalau kita hendak buat kena buat betul-betul ikut akta dan masukkan keseluruhan kos projek tersebut. Terima kasih.

**Y.B PUAN LEE KEE HIONG:**Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER:**Kuala Kubu Baharu.

**Y.B PUAN LEE KEE HIONG:** Saya hendak bertanya Y.B EXCO memandangkan banyak projek-projek yang terbengkalai itu adalah kerana pemajunya bankrap atau *insolvent* adakah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bercadang untuk mengadakan deposit kepada pemaju supaya selepas mereka menghadapi masalah sekurang-kurangnya PBT atau sesiapa boleh menggunakan wang deposit itu untuk membuat kemudahan awam.

**Y.B DATO' ISKANDAR BIN AHMAD SAMAD:**Akta ada. Akta Pelesenan Pemaju ada dikenakan deposit. Jadi bermakna bahawa keberkesanan itulah yang samada boleh lagi. Boleh jadi satuleteran kepada pemaju atau tidak. Kalau tidak saya rasa terbaik kita tukar akta tersebut. Jangan kita ada 2. *2 steps rule*. Maknanya ada 2 undang-undang. Maknanya deposit yang diberikan mengikut akta dan deposit yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Kita perbaiki akta diperingkat Persekutuan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:**Teluk Datuk.

**Y.B TUAN LOH CHEE HENG:**Tuan Speaker, soalan saya 85.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELUK DATUK)**

## **TAJUK: CUKAI IKLAN**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah iklan haram Berjaya diturunkan oleh setiap PBT sejak Awal tahun 2015?.
- b) Adakah *billboard* jenis LED disepanjang Jalan Persekutuan dikenakan cukai lesen oleh PBT?
- c) Berapakah jumlah kutipan setiap tahun diperolehi oleh setiao PBT?

**Y.B TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker. Terima kasih kepada Teluk Datuk. Berikut adalah jumlah iklan haram berjaya diturunkan oleh setiap PBT mula awal tahun 2015. Untuk MBSA 41,794, MBPJ 206,807, MPK 7422, MPAJ 1936, MPSJ 338 MPS 5119, MPKJ 12575, MBSP 742, MBKL 6755, MBHS 1359, MBKS 6568, MBSP 134.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini hanya MBPJ yang mempunyai *billboard* LED di sepanjang Jalan Persekutuan. MBPJ mengeluarkan lesen dengan kadar 1 meter persegi persamaan RM100 berdasarkan peruntukan bil 6 UK 6 dan 9 fi lesen UK iklan 2007 MBPJ dan tentang kutipan cukai setiap tahun yang diperolehi oleh setiap PBT saya akan bagi jawapan secara lisan kepada Y.B. kerana terlalu *detail*.Sekian.

**TUAN SPEAKER:**Gombak Setia.

**Y.B TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:**Tuan Speaker Soalan 86.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN (N17 GOMBAK SETIA)**

## **TAJUK : SKIM GOLONGAN MISKIN**

86. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah skim bantuan yang ada dan diberikan kepada golongan miskin di Negeri Selangor.
- b) Berapa ramai yang sudah menerima manfaat daripada skim tersebut?.

**Y.B TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker izinkan saya menjawab Soal 86 bersekali dengan Soalan 95 dari YB Taman Medan 271 dari YB Selat Klang.

a) dan b). Tuan Speaker, pelbagai program pembasmian kemiskinan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu keluarga yang berpendapatan rendah bagi meringankan beban kos sara hidup yang semakin meningkat di samping menajana dan meningkatkan pendapatan serta seterusnya membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Secara ringkasnya, terdapat tiga (3) program teras pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan seperti berikut:-

Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan taraf ekonomi bagi golongan yang berpendapatan di bawah RM1500.00 sebulanterutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan bagi membantu menajana serta meningkatkan pendapatan keluarga. Sehingga Disember 2014 penerima bantuan bagi Program Bantuan *Blueprint* adalah seramai 2087 orang.

Mengikut Statistik kaum 2008 sehingga 2014 adalah daripada kaum Melayu adalah 1816 iaitu 87.1%. Bagi kaum Cina 68 orang. Iaitu 3.1%. Bagi kaum India 203 orang iaitu 9.73%.

Bagi bantuan Program Tajaan Kemahiran Teknikal Melalui Kolej Antarabangsa INPENS bagi Tahun 2008 hingga 2014 adalah daripada jumlah daripada kaum Melayu 1816 iaitu 87.1% bagi kaum Cina 68 orang iaitu 3.21%. Bagi kaum India 203 orang iaitu 9.73%.

Bagi Program Tajaan Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor telah membantu keluarga yang berpendapatan rendah bagi meningkatkan dan meringankan beban sara kos hidup yang semakin meningkat melalui tajaan pendidikan ianya bertujuan memberi peluang kepada golongan generasi muda daripada golongan yang berpendapatan rendah melanjutkan Sijil Kemahiran Malaysia. Ini secara tidak langsungsupaya memudahkan peluang kepada mereka untuk bersaing mendapatkan pekerjaan. Program ini memberi penajaan kepada pelajar-pelajar Kolej Antarabangsa INPENS daripada golongan berpendapatan seisi rumah sebulan RM3000 dan ke bawah. Sehingga Januari 2015 penerima bantuan bagi Program Tajaan Kemahiran Teknikal Melalui Kolej Antarabangsa INPENS adalah seramai 2297 orang iaitu dan mengikut pecahan kaum daripada 2008 hingga 2014 adalah kaum Melayu 1524 orang iaitu 66.35%. Kaum Cina 226 orang iaitu 9.83%. Kaum India adalah 547 orang iaitu 23.83%.

Bagi Program Bantuan Bersempenaan Hari Perayaan. Program Pemberian Bantuan Sempena Perayaan merupakan program bantuan secara tahunan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan. Khususnya untuk golongan yang berpendapatan rendah di Negeri Selangor.

Objektif program ini adalah untuk meringankan bebanan keluarga yang berpendapatan rendah dalam membantu persiapan menyambut perayaan. Ini secara tidak langsung bantu melaksanakan agenda Kerajaan Negeri dalam meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos sara hidup. Sehingga Disember 2014 penerima bantuan Program Bantuan Sempena Perayaan adalah seperti berikut: iaitu daripada 2012 hingga 2014 kaum Melayu 111.3 orang iaitu 49.67%. bagi kaum Cina 39,200 orang iaitu 17.49% dan bagi kaum India 73,600 orang iaitu 32.84%.

Program Bantuan Persekolahan Bersempena *Back To School* merupakan program bantuan kepada pelajar sekolah daripada golongan berpendapatan rendah di negeri Selangor untuk membantu meringankan beban keluarga dalam menyediakan keperluan sekolah. Sehingga Disember 2014 Penerima Bantuan Program Bantuan Persekolahan Bersempena *Back To School* adalah seramai 308,400 orang.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri melalui Yayasan AL-Qadar AL-Hassan Selangor telah memperkenalkan program Hijrah Selangor. Yang mana merupakan program Mikro Kredit yang menggabungkan 3 skim iaitu skim SEL, MIMPA dan WALA. Ianya merupakan projek penyelidikan tindakan *action reseach project* dengan izin yang bertujuan untuk menggalakkan golongan yang berpendapatan rendah menceburkan diri dalam bidang keusahawanan serta melebarkan golongan kelas menengah. Micro Kredit adalah satu sistem menyalurkan modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil. Berdasarkan...

**TUAN SPEAKER:** Y.B. boleh pendekkan jawapan.

**Y.B TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan Program Mikro Kredit bukti salah satu *instrument* dalam meningkatkan pendapatan dan seterusnya mengurangkan insiden kemiskinan. Melalui program Hijrah serta Program Pembasmian Kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan yang telah disediakan ini diharap dapat mengurangkan kadar kemiskinan melalui penajaan dan peningkatan pendapatan bagi melepasi garis kemiskinan bagi melahirkan lapisan kelas menengah.

Tuan Speaker saya perlu habiskan beberapa para lagi untuk siapkan jawapan yang sepenuhnya.

**TUAN SPEAKER:** Boleh bagi secara bertulis kepada...

**Y.B TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Kalau begitu saya tidak ada masalah.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan 87.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN TEKNOLOGI HIJAU**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program-program pembangunan teknologi hijau di Negeri Selangor?
- b) Berapakah bajet disediakan untuk program ini?
- c) Bila ia dilaksanakan?

**Y.B PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat terdapat empat (4) sektor utama yang akan diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri bagi Teknologi Hijau iaitu tenaga pengangkutan bangunan sisa pepejal dan air.

Antara program-program teknologi dan telah dan akan dilaksanakan di Negeri Selangor adalah berikut:-

1. Perbandaran Hijau melalui Bandar Rendah Karbon Selangor
2. Penggalakan Penggunaan Kenderaan elektrik.
3. Perolehan Hijau.
4. Penggalakan pemasangan bumbung solar lampu dan LED di bangunan premis kerajaan.
5. Program kitar semula sisa pepejal.
6. Pusat Bio-Mas Bersepadu
7. Penyediaan Pejalan Kaki dan laluan basikal
8. Menggalakkan kebun komuniti kebun kejiranan
9. Menggalakkan pengkomposan sisa perumahan

Bagi tahun 2015 Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau menerima peruntukan sebanyak RM100,000 bagi vot belanja mengurus dan RM1 juta bagi vot belanja pembangunan yang dikongsi bersama Jawatankuasa Tetap alam sekitar. Melalui PBT terdapat pelbagai program dan inisiatif Teknologi Hijau yang telah dilaksanakan.

Di MBPJ terdapat skim insentif rebat cukai taksiran kepada rumah mesra alam hijau Petaling Jaya. Skim meletak kereta percuma kepada pemilik kereta High Brick dan kereta elektrik yang dibeli di Petaling Jaya.

3. Pemasangan lampu LED secara percuma di lorong belakang rumah kediaman.
4. Projek perintis pengomposan sisa pepejal makanan di kantin. Ibu pejabat MBPJ.
5. Anugerah Tokoh Hijau Petaling Jaya
6. Pengumpulan Minyak terpakai dan 3 R
7. Projek Penukaran Lampu Konvensional kepada LED di Ibu Pejabat MBPJ

Terdapat juga projek sistem penuaian air hujan di Ibu Pejabat MBPJ dan juga MBPJ *Carbon Management Plan*. Jumlah kos setakat ini adalah yang digunakan RM266,000.

Di MBSA juga terdapat pelbagai program-program termasuk aktiviti terdapat Program Transformasi Lorong Belakang, Kapasiti *Building* Kepada Kakitangan Dan Juga Pihak Perunding Berkaitan Sistem Pengumpulan Air Hujan, Pelancaran Inisiatif Penghijauan Dusun Komuniti dan sebagainya dan juga laluan basikal. Jumlah yang dibelanjakan adalah RM3,002,300. Di MPSJ, kos yang telah dibelanjakan setakat ini adalah RM6 juta untuk beberapa program seperti pembangunan pusat BIOMAS di Bandar Bukit Puchong yang memproseskan bahan buangan domestik dari rumah serta daun-daun kering yang dijadikan baja penggunaan bas elektrik atau dikenali sebagai Bas Komuniti yang memberi perkhidmatan di kawasan MPSJ. Di Majlis Perbandaran Selayang juga terdapat beberapa program seperti Program Kitar Semula Pengeposan Sisa Makanan di jabatan MPS. Jumlah yang digunakan adalah setakat ini RM20 ribu dan di MPS di Sepang terdapat juga Skim Teknologi Hijau Majlis Perbandaran Sepang yang merupakan juga rebat cukai taksiran kepada pemilik bangunan yang berstatus hijau iaitu dengan GBI (*Green Building Index*) ataupun LEADS di kawasan pentadbiran MP Sepang.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### III. USUL

**SETIAUSAHA DEWAN:**Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk memberikan penjelasan di atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:**Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Sebelum saya memulakan penggulungan perbahasan pada pagi ini, izinkan saya bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk merakamkan rasa sedih atas tragedi kemalangan helikopter di Kampung Pasir Baru Semenyih pada 4 April 2015 yang lalu. Kerajaan Negeri Selangor merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Jamaluddin Jarjis, Ahli Parlimen Rompin dan Allahyarham Dato' Azlin Alias, Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri serta kesemua mangsa yang terlibat dalam kemalangan ini. Kita mendoakan agar ahli keluarga mangsa dikurniakan kesabaran dan ketabahan dalam menghadapi musibah ini. Kerajaan negeri berharap laporan forensik dan siasatan menyeluruh secara profesional dapat menjawab persoalan punca kemalangan dan mengelak daripada berulangnya tragedi seumpama ini. Kerajaan Negeri Selangor juga ingin merakamkan ucapan takziah kepada yang terhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Ahli Dewan Negeri, Kajang dan Dato' Seri Anwar Ibrahim di atas kembalinya ke Rahmatullah ayahanda Datuk Ibrahim Abdul Rahman, bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, pada 5 April 2015 yang lalu dalam usia 96 tahun. Kita mendoakan semoga Almarhum Datuk Ibrahim Abdul Rahman dikurniakan Husnul Khatimah iaitu pengakhiran yang baik dan rohnya di tempatkan di dalam syurga yang penuh dengan nikmat Allah SWT Kerajaan Negeri Selangor juga merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Haji Nur Azmawi bin Hj. Abdul Aziz, Pengurus Kanan Perhubungan Korporat Invest Selangor yang meninggal dunia sekitar jam 9.45 malam tadi. Dan jenazahnya sedang dikebumikan di Tanah Perkuburan Sungai Ramal Luar Kajang. Allahyarham berusia 44 tahun. Kita mendoakan semoga Allahyarham Haji Nor Azmawi Hj Abdul Aziz dianugerahkan Husnul Khatimah serta ditempatkan di kalangan golongan yang soleh, *insya-Allah*. Ketika hayatnya beliau adalah seorang pegawai yang cukup disenangi dedikasi dan amanah serta menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab. Allahyarham berkhidmat selama lima belas tahun bersama *invest* Selangor. Yang Berhormat Tuan Speaker...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Boleh saya celah sikit?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Celah sikit ya. Saya nak dapatkan kepastian betul ke Mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir juga datang menziarahi keluarga Datuk Seri Anwar Ibrahim?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Ya, betul. Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Bin Mohamed dan isteri Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali telah daripada awal menziarahi keluarga Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kita mengucapkan terima kasih dan sebenarnya UMNO gerun dengan kunjungan Dr. Mahathir baru-baru ini.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Saya juga ingin mencelah, Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya ingin mencelah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Tuan Speaker. Tuan Speaker penjelasan...

**TUAN SPEAKER:**Hulu Bernam dulu, Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Ok. Bahawa saya ingin memaklumkan di dalam dewan ini yang Berbahagia Datuk Seri Sharizat dan saya sendiri juga menziarah di rumah Datuk Ibrahim ya, sebagai seorang Islam kita menghormati mana-mana sahaja tidak kira parti sebab kita bukan berpolitik soal-soal seperti ini. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Ya, terima kasih Yang Berhormat Hulu Bernam. Saya nampak kehadiran Yang Berhormat Hulu Bernam dengan Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, jadi bagi pihak keluarga, kami juga merakamkan terima kasih di atas kunjungan Hulu Bernam pada hari yang berkenaan. Yang Berhormat Tuan Speaker, eh, Sg. Burung tak hadir hari itu.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Saya... Ya, saya tahu, tapi saya...

Ahli Dewan bersorak.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Tapi.... saya walaupun saya tiada, saya mendoakan dengan apa orang kata, tanda simpati dan hormat rasa Al-Fatihah dan untuk itu saya ingin mencadangkanlah sama-sama sebagai kita orang siapa yang beragama Islam kita menyedekahkan Al-Fatihah kepada yang bukan Islam bolehlah bertafakur. Boleh? Saya ingin mencadangkan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pohon izin Yang Berhormat Speaker bagi yang beragama Islam untuk menyampaikan,

membaca surah Al-Fatihah dan yang bukan Islam untuk bertafakur selama satu minit.

(Ahli Dewan berdiri sambil membaca Al-Fatihah bagi yang beragama Islam dan bertafakur bagi yang bukan Islam selama satu minit.)

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sg. Burung dan saya kira inilah semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang harus kita tunjukkan dalam keadaan kita menghadapi musibah dan ujian yang getir daripada Allah SWT kita harus bersatu menegakkan keadilan dan kebenaran. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin membuka gelanggang perbahasan dan penggulungan pada pagi ini dengan mengucapkan syabas dan tahniah kepada tiga puluh Ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan selama enam hari. Dan ini merupakan satu tempoh perbahasan yang paling panjang dalam rekod sidang dewan di Negara Malaysia ini.

Dewan bersorak.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Kalau kita bandingkan dengan Negeri Perak, Dewan Negeri Selangor bersidang pada 30 Mac sampai hari ini belum habis. Negeri Perak bersidang satu hari kemudian iaitu 31 Mac tapi telah pun habis. Saya menyambut baik pandangan dan teguran dalam usaha kita untuk membangunkan negeri Selangor ini sebagai sebuah negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan. Secara umumnya perbahasan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah baik dan berkualiti. Namun saya berpandangan adalah lebih adil sekiranya saranan dan cadangan dan kritikan ahli-ahli Yang Berhormat dibuat di dalam Dewan yang mulia ini. Dan bukannya duduk di rumah dan mengkritik pentadbiran melalui *Facebook* dan *blog*. Bila kita bicara soal kredibiliti dan integriti kita harus menjalankan tanggungjawab untuk hadir dalam sesi dewan sepanjang masa kerana kalau tidak, kita akan mengalami apa yang disebut sebagai penyakit *selective amnesia*. Ada benda yang dia nak ingat, dia ingat, ada benda yang dia pilih tak mahu ingat, dia tak ingat, ataupun dia buat-buat tak ingat. Penyakit ini tidak harus di hinggapi oleh ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Saya juga mahu perbahasan dan perkara-perkara yang dibangkitkan termasuk melalui soalan mulut dan soalan lisan. Ataupun soalan bertulis. Dibuat dengan kesedaran dan mesti tercerna dari hati yang ikhlas dan murni dan bukan disuruh oleh pihak luar. Saya membangkitkan perkara ini kerana saya telah berjaya mengesan ada dua soalan bertulis yang di ciplak oleh dua Ahli Dewan Negeri yang berbeza. Tetapi mengemukakan soalan yang sama dalam bentuk skrip yang sama, istilah yang sama, penulisan yang sama. Saya boleh faham sekiranya Ahli Dewan Negeri membangkitkan isu yang sama tetapi sukar untuk saya faham sekiranya skripnya pun sama. Dua ADUN yang saya maksudkan ialah seorang daripada Kuang, seorang dari Hulu Bernam. Apa soalan Kuang bertulis kepada saya:

Bertanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

<b>KUANG</b>	<b>HULU BERNAM</b>
a) Nyatakan struktur dan perjawatan dalam Pejabat Menteri Besar.	a) Nyatakan struktur dan perjawatan dalam Pejabat Menteri Besar.
b) Apakah fungsi dan skop kerja setiap pegawai yang terlibat	b) Apakah fungsi dan skop kerja setiap pegawai yang terlibat
c) Berapakah gaji dan elaun pegawai terbabit serta pihak mana yang membiayainya.	d) Berapakah gaji dan elaun pegawai terbabit serta pihak mana yang membiayainya.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Saya ingin mencelah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Ha..

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tuan Speaker, benarkan saya mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Sebenarnya ini bukan satu soalan yang boleh digembar-gemburkan. Sebagai Menteri Besar kalau terjumpa soalan macam ini, satu saja jawab yang satu tak perlu jawab. Kerana perkara ini secara spontan bukan kita rancang dan sebagainya. Jadi, bukan kita rancang, kebetulan. Jadi perkara ini tak perlu nak digembar-gemburkan dan mintalah supaya jawab sahaja mana-mana satu soalan yang berkenaan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan mulut boleh jawab bersekali, Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Lain duduk dulu, biar Menteri Besar jawab.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Ada penulis upahan Speaker.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Kita... Kita dalam budaya orang Melayu ini kita ada peribahasa. Tidur sebantol tapi mimpi lain-lain. Tapi dalam konteks UMNO ni tidur sebantol, mimpi sama, skrip pun sama..

Dewan bersorak.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Huh, Makna 1 Hati, 1 Jiwa, 1 Malaysia.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya nak tanya penjelasan. Boleh tak?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Nanti jap, saya jawab sikit saja, sekejap. Sekejap saya bagi. Yang keduanya Yang Berhormat Hulu Bernam, bukan saya tak boleh jawab. Cuma saya nak minta izin daripada Speaker, saya nak jawab pada siapa? Saya nak jawab pada Kuang, saya nak jawab pada Hulu Bernam atau saya nak jawab pada sumber yang beri soalan ini, NORMA? Saya tak tahu. Jadi, itu yang saya tangguh jawapan bertulis ini. Sebab kalau apa ini, soalan ini telah di *outsourcean* kepada satu syarikat lain, mungkin 1MDB yang menggubal soalan ini jadi saya kira dari segi prinsip saya kena jawab pada 1MDB. Bukan kepada Hulu Bernam ataupun Kuang, jadi saya minta panduan daripada Speaker pada siapa saya patut jawab?

**TUAN SPEAKER:** Kepada ADUN yang bertanya Yang Berhormat Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Oh ADUN yang bertanya.

Dewan bersorak.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Jadi kalau begitu, jawapan saya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Minta penjelasan ya.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:**Tuan Speaker, minta saya mencelah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Nanti kejap-kejap. Kalau begitu jawapan saya pun kena sama pada dua-dua orang.

**TUAN SPEAKER:**Fotostat

**Y.B. DATO' MENTERI BESAR:**Fotostat.

**TUAN SPEAKER:**Kena soalan sama. Sila kan Sg. Burung.

**Y.B. DATO HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Penjelasan. Ya. Penjelasan saya perkara ini boleh berlakulah kan ya. Ah! Orang bertanya soalan yang sama itu ayat ..

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burung, tanya penjelasan, nak penjelasan atau pun nak beri penjelasan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Apa pun yang apa sangat yang Yang Amat Berhormat hendak gembarkan gemburkan pula soalan ini. Sama ada ia hendak *franchise* kan dengan orang lain ke, itu ya, atau hendak pandangan konsultan orang lain buat kerja itu terpulang kepada Adun masing-masing, ya. Hai itu, itu *creativity* budi bicara dia dan sebagainya, ya. Kalau ini, itu soalan macam mana cara hendak buat soalan, kita pulangkanlah orang yang membuat soalan itu. Tapi, ya soalnya saya tak habis lagi, nak minta penjelasan ini. Untuk menjawab soalan itu tak kan lah Yang Amat Berhormat Menteri Besar tak boleh nak fikir, kan. Jawab aje pada orang yang bertanya soalan. Boleh dijawab bersekali, katakan soalan Kuang dijawab sekali dengan soalan yang, oleh kerana soalan yang sama jawapannya pun sama. Itu tidak menjadi soal, ya. Apa yang hendak yang nak ni, dan yang keduanya yang saya hendak bentang soalan ni, ini budaya lah mentaliti ni Pakatan Rakyat ni kadang-kadang ya, dia suka kalau suka, kalau ini dia suka memfitnah dan menuduh, ya. Tidak, dia, dia kata, dia kata ini mungkin MDB yang dan mungkin 1MDB yang buat, ini saya ingat tuduhan yang melampau, ya. Sangkaan jahat hendak memesongkan rakyat..

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR:**Saya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Tak kanlah tengok orang, orang berfikiran waras ini, ya, tak kanlah...

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG :** 1MDB, 1MDB itu syarikat yang baik. Ya. Mana ada sangkaan yang jahat. Ia ditubuhkan oleh Perdana Menteri. Itu syarikat yang baik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ia bukan ketua pembangkang lah.

**Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Itulah bak kata orang, tidak seabodoh itu.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, baiklah saya minta semua duduk. Ini masa untuk Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memberi penjelasan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan.

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR:** Tuan Speaker, Tuan Speaker. Bagi saya peluang sikit, sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam, soalan akan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR:** Saya mohon mencelah, mahu beri penjelasan sedikit. Terima kasih. Saya tidak menegakkan benang basah. Tetapi Tuan Speaker, sebagai seorang Menteri Besar, sepatutnya, soalan-soalan remeh seperti



ini tak perlu disoal kepada lain, hendak dijawab macam mana. Itu sangat, sangat kecil sebenarnya. Tak perlu dibesar-besarkan. Ini seorang pemimpin negeri, sepatutnya membawa isu-isu yang lebih besar. Bukan soalan-soalan seperti ini dibawa di dalam dewan ini.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:**Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, terima kasih. Saya setuju, ini soalan ni soalan yang boleh saya jawab. Tak ada masalah, cuma saya mula tadi dengan teguran, ya. Kalau nak *out source* kan pun ini bukan soal kreativiti, ini soal ciplak. Kalau di universiti mana-mana pensyarah yang ciplak, dia kena ambil tindakan. Ah!

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya.

**Y.A.B. DATO' MENTEIR BESAR:**Jadi, kalaulah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya hendak minta penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Nanti, nanti, kalaulah ada sebuah syarikat milik UMNO yang menggubal soalan-soalan ini. Kreativitinya ialah di kalangan Adun BN pilih-pilihlah elok-elok. Ini maknanya tak pilih. Main angkat muat sahaja. Tengok-tengok, keluar dua yang sama. Itu aje. Itu teguran saya. Tapi dari segi *content* soalan, boleh jawab. Kita akan jawab. *Insyah-Allah*. Cuma kita minta panduan Speaker nak jawab pada siapa. Oleh kerana Speaker dan buat *ruling* fotostat sahaja jawapan, maka saya, saya, saya akan patuh kepada arahan Speaker. Saya akan fotostat jawapan kepada Hulu Bernam, Kuang, satu lagi tak payah lah. Dua *okay*. Baik. Yang Berhormat Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Puan, Puan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Dah. Dah habis dah. Cukuplah tu.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Tak. Mohon penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Banyak lagi. *Okey*.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIAF:**Saya nak tanya sikit aja. Itu soalan yang samalah. Apa pandangan Yang Amat Berhormat berkenaan dengan soalan yang salah diajukan dalam dewan ini, seperti Sri Andalas seolah-olah tak buat *homework* macam semalam soalan pasal Perangsang. Saya minta pandangan

Yang Amat Berhormat pula. Soalannya soalan salah. Tidak ada kena mengena dengan jawapan Yang Amat Berhormat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya. Sebagai manusia kita tidak lepas daripada kesilapan. Dia tanya soalan, saya akan jawab. Bahawa itu tidak benar. Yang masalahnya soal sikap ciplak. Ciplak tak boleh. Ha. Okey. Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya gembira, ya. Saya, Ini gelanggalah, ya baik. Saya gembira kerana wacana *Maqasid Syariah* dapat perhatian melalui perbahasan yang aktif di dalam dewan yang mulia ini. Perkara ini turut dibahaskan oleh Yang Berhormat Kajang, Sabak, Paya Jaras, Selat Kelang, Permatang, Dusun Tua, Lembah Jaya dan juga Sri Andalas. Ini satu perkembangan yang baik ya. Dalam konteks keutamaan dalam penggubalan asar-dasar pentadbiran kerajaan negeri, saya yakin melalui penghayatan *Maqasid Syariah* ini kita akan merealisasikan Islam sebagai *rahmatan lil-alamin* di mana semua pihak akan memperolehi rahmat daripada *Allah subhanahuwata'ala* seperti yang berlaku pada di zaman pemerintahan khalifah kedua Umar Al-Khatab. Sayidina Umar Al-Khatab merupakan seorang pemimpin yang amat prihatin dengan kebajikan rakyat. Pada suatu hari, beliau bertemu dengan seorang perempuan tua yang bertanya entang sebuah pintu. Ketika mengetahui bahawa orang tua itu adalah seorang Yahudi Sayidina Umar Al-Khatab bertanya apa yang membuat mu berlindung pada apa yang aku lihat. Orang tua itu menjawab aku dibebani *jiziah* atau pun cukai. Keperluan hidup dan keuzuran. Lalu Sayidina Umar Al-Khatab membawa orang tua Yahudi ini dan menghantarnya sampai depan rumahnya. Sayidina Umar Al-Khatab lantas memberi wanita bekalan hidup seharian. Kemudian, Sayidina Umar Al-Khatab berjalan menuju ke baitulmal dan berkata kepada pegawai-pegawai baitulmal tidakkah kamu melihat kesusahan yang sedang dialami oleh orang tua ini. Demi Allah kita tidak menunaikan haknya kerana kita telah memerahnya di usia muda beliau dan kita mensia-siakannya pada usia tua. Ini pengajaran yang cukup besar. Jangan perah orang tua termasuk kenakan GST pada orang yang pencen.

Dewan bertepuk.

Lalu Allah berfirman “ *Azubillah himinasyaitau nirrajim, iannamas sadakhau tu, lil fukharha tu, wal massa kin* “ Sesungguhnya sedekah atau zakat itu untuk orang-orang kafir dan miskin. Dari moral cerita ini kita dapat memahami bagaimana Sayidina Umar telah menunaikan amanahnya sebagai seorang pemimpin yang telah melaksanakan tuntutan *Maqasid Syariah* yang berkaitan dengan penjagaan diri, penjagaan harta dan penjagaan kehormatan diri dalam zaman pemerintahannya yang adil dan berjiwa rakyat. *Maqasid Syariah* wajarnya dihayati semaksimalnya dalam pentadbiran kerajaan negeri Selangor. Bagi merealisasikan gagasan murni ini kerajaan negeri ingin menekankan prinsip amanah dan keadilan dalam pentadbiran sebagai paksi utama dalam pengurusan kerajaan negeri demi kebajikan dan kebaikan seluruh rakyat adi Selangor. Amanah dan keadilan dalam pentadbiran akan terus diperkukuhkan agar rakyat mempunyai keyakinan yang tinggi kepada

kerajaan. Baginda *Rasulullah Sallallahualaihis sallam* menekankan kepentingan penghayatan amanah untuk para pimpinan pentadbiran kerana kedudukannya dari segi agama Islam sangat penting. Baginda bersabda “*laa imana lima la amanatahlan, waladina liman la ahdadah*” tidak sempurna iman bagi sesiapa yang tiada amanah pada dirinya dan tiada agama bagi orang yang tidak dipercayai janjinya. Penghayatan *Maqasid Syariah* juga dapat dilihat dengan jelas ketika pemerintahan Sayidina Umar Abdul Aziz. Seorang khalifah yang sarat dengan prinsip keadilan, amanah, telus dan sentiasa mementingkan kebajikan rakyat. Beliau tidak mahu pentadbirannya bersifat legalistik tanpa mengambil matlamat tinggi syariah atau *Maqasid Syariah* sebaliknya pendekatan beliau lebih bersifat mendidik rakyat supaya dapat menghayati Islam secara tadarus atau pun berperingkat-peringkat. Kita lihat jawapan Sayidina Umar Abdul Aziz kepada anaknya yang mahukan segala hukum syariah dilaksanakan sekali gus. Apa jawab Sayidina Umar kepada anaknya “*la tak jalya bunaiya*” wahai anak ku jangan kamu jangan gopoh, *Allah SubhanahuWataala* mencela arak sebanyak dua kali dan hanya mengharamkannya pada kali ketiga aku tidak mahu menegakkan hak secara total nanti ia akan ditolak keseluruhannya. Mesej ini juga penting supaya disampaikan kepada Perdana Menteri jangan gopoh untuk laksanakan GST, “*la tak jal yaa Najib*” itu Sungai Burung kena beritahu tu. Wahai Najib jangan gopoh laksanakan GST dengar dulu.

**Y.B. DATO’ HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Penjelasan.

**Y.A.B. DATO’ MENTERI BESAR:** Boleh.

**Y.B. DATO’ HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dalam konteks apa ni *maqasid* syariah ni ya, sebenar ya, tahu kah Yang Amat Berhormat bahawa penekanan daripada konsep kebajikan itu adalah penting. Dan saya sangat bersetujulah bahawa contoh zaman *Khulafak Ar Rashidin* terutamanya *Umar Ibni Khatab* sebagai contoh di mana kebajikan rakyat diberikan. Ya. Dari segi konteks GST yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri, ya, bukan dia bertujuan untuk menzalimi rakyat, ya. Pada masa yang sama, ya dalam konteks *maqasid* syariah juga negara, kerajaan persekutuan juga melaksanakan program-program kebajikan yang begitu banyak, ya. Itu kita lihat daripada program terus bantuan apa orang kata tunai untuk mengurangkan beban kepada rakyat golongan berpendapatan rendah kurang daripada tiga ribu sebulan *direct* dan Selangor rakyat negeri Selangor tu yang paling banyak ah! bantuan-bantuan untuk rakyat termiskin, bantuan kebajikan sebagai contohnya RM109 juta dibagi kepada rakyat negeri Selangor sedangkan rakyat, kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor tak sampai pun ya, sebanyak itu jauh orang kata *ciputlah* kalau orang kata nak sebut kalau dibandingkan dari segi bantuan kebajikan ini.

**Y.A.B. DATO’ MENTERI BESAR:** Terima kasih. Saya.

**Y.B. DATO HAI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Jadi soal kebajikan, ya, ini diberikan bagi mengimbangi ya, apa juga keadaan bebanan kos hidup termasuk kenaikan harga akibat pelaksanaan GST yang mungkin berlaku bagi setengah-setengah barangan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya akan menjawab Sungai Burung pada topik khas tentang GST selepas ini. *Maqasid Syariahnya*. Jadi jelaslah kepada kita bahawa Sayidina Abdul Aziz telah melakukan “*Aula wiat*” dalam pentadbirannya. Dengan melaksanakan prinsip *Maqasid Syariah* secara komprehensif dan realistik dengan zaman dan persekitaran. Memasyarakatkan *Maqasid Syariah* dengan menggunakan pendekatan yang mudah dan efektif akan dianjurkan kepada semua pimpinan pentadbiran pengurusan kakitangan di semua peringkat termasuk di akar umbi di dalam negeri Selangor. Selain itu institusi pendidikan milik kerajaan negeri seperti Unisel, KUIS, INSPENS wajar menjadikan *Maqasid Syariah* sebagai subjek mata pelajaran umum yang punyai nilai tambah akademik. Antara tujuan utama *Maqasid Syariah* ialah memelihara keluarga. Kita sedang berhadapan berbagai cabaran dan halangan luaran yang menggugat integriti institusi kekeluargaan bukan sahaja di bandar tetapi juga di luar bandar. Pemeliharaan keluarga merupakan salah satu tujuan utama dalam *Maqasid Syariah* seperti yang ditegaskan oleh Al-Quran dalam surah *An-Nissa* “*auzubillahi minsasyaita nirrajim, wal yah shalladzina lau tharaku minkhalfihim zurriatan dhiafan khafu alaihim falyatakullah walyakulu khaulan sadidah*” dan hendaklah takut kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh orang-orang yang menjadi penjaganya yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif, yatim di belakang mereka tentulah mereka akan merasa bimbang terhadap masa depan dan keselamatan anak-anak mereka. Oleh itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul dan menepati kebenaran. Ini menekankan keperluan ibu bapa memastikan zuriat mereka tidak lemah dari segi mental dan fizikal. Hari ini institusi keluarga sedang berhadapan dengan berbagai-bagai masalah sosial yang kronik seperti perceraian, anak-anak ketagih dadah, lari dari rumah, pergaulan bebas yang melampaui batas, ketagih bahan-bahan lucah dan lain-lain bentuk kejatuhan moral yang boleh menjejaskan pembinaan sebuah masyarakat madani. Dalam hubungan ini langkah merealisasikan salah satu tujuan *Maqasid Syariah* ialah dengan mengambil langkah-langkah pendidikan kekeluargaan yang bersifat komprehensif dan berkesan.

Saya ingin mencadangkan supaya ditubuhkan Lembaga Pembangunan Keluarga sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab untuk menyemarakkan program-program pendidikan keluarga di negeri Selangor. Sebagai sebuah negeri yang pesat membangun Selangor berdepan dengan perubahan sosial, ekonomi dan teknologi. Pelbagai perubahan ini membawa cabaran baru. Selangor sudah tentu tidak boleh menangani semua cabaran ini secara serentak kerana kekangan dana dan sumber daya manusia. Justeru itu, adalah penting bagi Selangor memiliki a *correct sense of priority* menangani cabaran mengikut urutan keutamaan.

Sheikh Yusof Al-Qardawi telah mengemukakan konsep Fiqh Awlawiyyat dalam menangani permasalahan umat, mengamalkan prinsip keutamaan dalam menyelesaikan permasalahan umat. Keutamaan yang tertinggi dalam menyelesaikan keutamaan yang tertinggi adalah untuk menjaga perpaduan di kalangan rakyat. Perpaduan hanya boleh dicapai melalui pembangunan yang menyeluruh dan bersifat *inclusive* tidak ada mana-mana pihak yang dipinggirkan dan terkeluar dari arus perdana pembangunan.

Inilah matlamat falsafah pembangunan berkualiti, pembangunan yang tidak mencipta kesenjangan pendapatan dan ekonomi di kalangan rakyat. Dalam menggubal dasar, selain daripada konsep *Maqasid Syariah* Negeri Selangor memberi perhatian kepada pandangan beberapa tokoh ekonomi dunia seperti Thomas Piketty dan pemenang hadiah novel ekonomi Paul Croupment yang menegaskan bahaya kesenjangan pendapatan kepada kestabilan sosial dan demokrasi.

Mengambil iktibar dari ajaran Al-Quran kita tidak mahu kekayaan negeri Selangor berlegar di segelintir mereka yang kaya dan berkuasa. Justeru itu, program Hijrah mengambil inspirasi dari kisah Umar Al Khattab yang disebutkan tadi adalah instrumen yang sangat penting dalam pembangunan Selangor. Melalui program ini, kita mahu semua rakyat yang miskin berhijrah ke dalam kelompok berpendapatan menengah. Negeri Selangor akan mempertahankan prinsip keadilan dan kesederhanaan *justice and moderation* iaitu teras kepada *Maqasid Syariah*.

Saya ingin mengalih kepada isu GST yang banyak dibangkitkan dan dibahaskan termasuk Yang Berhormat Sekinchan, Kajang, Sungai Burong, Paya Jaras, Seri Andalas, Kota Anggerik, Hulu Kelang, Selat Kelang, Morib, Permatang, Kinrara, Teratai dan Taman Medan.

Saya ingin memulakan dengan menjawab dakwaan Yang Berhormat Sungai Burong bahawa perkara ini telah pun dipersetujui oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Mengapakah sekarang Pakatan Rakyat membantah dan menyerang pelaksanaan GST.

Yang Berhormat Sungai Burong untuk menjawab dakwaan Yang Berhormat, saya membawa *hansard* daripada Parlimen ya pada tahun 1992. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim pada ketika itu, selaku Menteri Kewangan sekali gus menjawab dakwaan Yang Berhormat Sungai Burong adalah tidak berasas sama sekali dan berniat jahat. Ini perbahasan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 30 Oktober 1992. Seperti mana yang diperakui, ini kata Dato' Seri Anwar Ibrahim. Seperti mana yang diakui struktur cukai penggunaan sekarang mempunyai beberapa kelemahan masih ada ruang untuk ditingkatkan kecekapan dan memastikan kutipan hasil yang setimpal dengan kemajuan ekonomi. Sudah sampai

ketikanya kita memperkenalkan satu struktur cukai penggunaan yang lebih cekap, telus dan moden.

Saya bercadang menggabungkan dan menyusun semula cukai-cukai jualan dan perkhidmatan yang sedia ada kepada satu cukai penggunaan. Dengan penggabungan ini kita akan dapat mengatasi beberapa masalah seperti kegiatan mencari keuntungan atas cukai, pindahan harga, kecenderungan layanan istimewa ke atas barangan import dan lain-lain penyelewengan.

Oleh sebab cukai ini dikenakan ke atas penggunaan dan bukan ke atas pelaburan ia akan membantu menggalakkan tabungan. Cukai tersebut tidak akan membebankan golongan berpendapatan rendah. Sekali lagi saya ulangi, cukai tersebut tidak akan membebankan golongan berpendapatan rendah. Beberapa rancangan dan perkhidmatan perlu dan perniagaan kecilan akan dikecualikan dari cukai ini.

Sebelum cadangan ini dilaksanakan semua pihak seperti Badan-badan Profesional dan Kesatuan Pengguna akan dijemput berbincang dengan pihak Perbendaharaan. Ini perlu dilakukan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan bahawa perubahan ini sekadar meniru reformasi cukai yang diperkenalkan di negara lain.

Dato' Seri Anwar Ibrahim menegaskan jangan semata-mata nak tiru 162 negara yang lain yang melaksanakan GST. Kita mesti ada model kita sendiri tertakluk kepada kekuatan ekonomi negara. Jangan membebankan golongan yang berpendapatan rendah. Yang kita lakukan ialah untuk memperkemaskan sistem cukai yang kita warisi berdasarkan pengalaman kita sendiri. Sementara itu jentera Jabatan Kastam dan Eksais Diraja akan diperkemas dan dipermodenkan untuk meningkatkan prestasi dan pertanggungjawaban serta menghadapi cabaran tanggungjawab yang bertambah. Dia tidak menyatakan persetujuan. Yang dinyatakan ialah keperluan untuk melihat satu sistem percukaian yang komprehensif dan efektif tetapi tidak menekan kepada golongan yang berpendapatan rendah dan beliau minta supaya perkara ini dibincangkan terlebih dahulu dengan semua *stakeholders* dan pihak yang bertanggungjawab sebelum dilaksanakan.

Yang keduanya seperti yang saya tegaskan sebelum ini, ialah sementara kita menyedari bahawa *taxs base*.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tuan Speaker, boleh minta penjelasan tentang isu ini yang mengatakan tadi saya tidak saya Sungai Burong membuat tuduhan tidak berasas berhubung dengan kenyataan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan *hansard* yang telah digunakan. Saya telah meneliti apa yang diungkapkan oleh ucapan tersebut dan mendapati bahawa sebenarnya tidak ada perbezaan apa yang dicakapkan ya oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim pada masa itu dengan konsep transformasi penstrukturan percukaian negara ya dan kalau dilihat ya dalam ini pun ya Kerajaan yang melaksanakan GST pada hari ini bukannya

menciplak bulat-bulat GST yang ada di luar negara. Kalau kita lihat ya terdapat imbalan ya imbalan ya dari segi pengecualian-pengecualian. Terdapat 4,000 lebih pengecualian termasuk apa mereka yang apabila pelaksanaan cukai ini dikenakan akan memberikan kesan bebanan kepada mereka, kepada barangan-barangan dan dalam ungkapan tersebut saya melihat bahawa perkataan penggunaan, cukai penggunaan. Cukai GST ini adalah ditumpukan kepada penggunaan barangan. Cukai yang diberikan kepada penjualan ya barangan dan perkhidmatan. Perkataan *goods and services taxes*, GST. Ini konsepnya, tak ada bezanya dengan apa yang dikatakan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dan penekanan yang diberikannya pada konsep keadilan tadi dengan menitikberatkan, memastikan bahawa golongan ya golongan miskin itu akan diberikan perhatian. Ini sememangnya diberikan perhatian oleh Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Itu yang membezakan cadangan yang dibuat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan pelaksanaan GST hari ini. Cadangan beliau ialah sementara ada keperluan, ini yang saya nak sebut tadi. Sementara ada satu keperluan untuk melakukan reformasi sistem percukaian kerana kita punya *taxs base* hari ini terlalu *narrow* ya. Kita perlu persembahkan dan lebih komprehensif tetapi kita kena pastikan untuk mewujudkan satu *broadbase* sistem percukaian dan lebih komprehensif ianya mesti berpegang kepada prinsip yang adil kepada orang yang berhak mendapat keadilan itu, iaitu yang ditegaskan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim ialah jangan cukai orang miskin. Nak cukai, cukai orang kaya tetapi hujah Sungai Burong dan rakan-rakan yang sewaktu dengannya dalam perbahasan ialah mengapa kita nak pertikaikan GST sementara 162 negara telah melaksanakan sistem percukaian yang sama.

Izinkan saya menjawab, Yang Berhormat Sungai Burong kalau Sungai Burong nak ikut 162 negara yang lain. Negara-negara yang lain juga nanti dulu belum habis hujah saya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Minta penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya tidak benarkan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya nak betulkan sedikit apa kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dengar, dengar, dengar dulu....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya dalam mukadimah GST saya, saya dah terangkan saya bukan saja pada negara...

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, kalau nak minta penjelasan kena dapatkan kebenaran daripada ADUN, Ahli Dewan Negeri.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya tidak membenarkan. Belum saya jawab tuduhan yang pertama pun ya. Di mana negara-negara maju yang nak dikaitkan oleh Yang Berhormat Sungai Burong itu juga melaksanakan *Capital Gains Taxes*. Mengapa tidak dilaksanakan oleh UMNO. *Capital Gains Taxes* ini cukai terhadap orang-orang yang kaya yang ada saham besar dalam syarikat-syarikat gergasi yang melepaskan penjualan saham.

Kita tidak ada *Capital Gains Taxes*. Mengapa tak ikut dengan negara-negara maju? Itu yang pertama. Negara-negara yang maju juga bila dilaksanakan GST mereka memberikan...

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Boleh mendapatkan penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Mereka memberikan perkhidmatan kepada rakyat seperti di United Kingdom, dia ada *National Health Service*.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Boleh-boleh dapatkan penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Nanti dulu...dengar... ada *humility* untuk dengar. Dia ada sistem pendidikan percuma. Dia ada sistem kesihatan percuma untuk rakyat miskin. Dia mesti ada program-program sebegitu. Kita tak boleh cukai orang miskin dan tidak kepada orang kaya tetapi pada masa yang sama Kerajaan tidak memberi balik kepada orang miskin dalam bentuk program dan perkhidmatan serta program-program yang saya nyatakan tadi. Seperti saya ada angka di sini, Jerman 90.9% tetapi dia dapat pendidikan percuma, dia dapat sistem kesihatan percuma. Di United Kingdom 17.5%, dia ada *free house care* melalui NHS program, dia ada sistem pengangkutan awam yang baik. Jadi jangan mudah lompat dan terjun mengaitkan dengan 162 negara yang lain sedangkan kita tidak melihat realiti di dalam negara.

Yang keduanya Yang Berhormat Sungai Burong, kita juga sedia maklum tenaga kerja di Malaysia ini hanya 10% yang membayar cukai. 90% tidak membayar cukai. Bukan kerana mereka tidak mahu membayar cukai tetapi pendapatan mereka yang rendah menyebabkan mereka tidak termasuk dalam *income tax bracket* itu. Yang tidak memerlukan mereka membayar cukai. 10% sahaja yang membayar cukai yang gaji mereka besar para usahawan dan peniaga-peniaga besar.

Dalam konteks GST ini, kalau kita melihat prinsip yang sebenarnya yang juga di salah faham oleh UMNO dan Barisan Nasional boleh semak kenyataan Yang Berhormat Menteri, tujuan GST ialah untuk mencipta pendapatan baru bagi negara. Itu salah. Tujuan pelaksanaan GST ataupun Sistem Percukaian Baru ini bukan



tujuan untuk mencipta hasil baru. Bukan tujuan mendapat pendapatan yang lebih tinggi tetapi mewujudkan sistem percukaian yang lebih komprehensif dan adil kepada semua rakyat. Itu tujuan GST. Sebab itu bagi negara-negara maju bila dia laksanakan GST, dia akan turunkan *income tax*. Dia bergerak secara bertentangan. GST naik, *income tax* turun tetapi di Malaysia *income tax* hanya turun 2 mata dan ini juga di kalangan orang-orang yang membayar cukai hanya 10% sahaja.

Maka dia punya *nett effect* bagi 10% ini *almost zero*. Dibayar GST tapi *income tax* dia turun tapi bagaimana 90% rakyat Malaysia yang tidak pernah membayar cukai kerana pendapatan mereka rendah, gaji mereka rendah. Mereka tak bayar cukai tetapi sekarang kena bayar cukai. Itu persoalan yang perlu dijawab oleh Sungai Burong.

Yang ketiganya, prinsip Yang Sungai Burong sebut tadi tidak dilaksanakan. Prinsip GST ini ialah *You pay if you consume*. Makna you bayar kalau you membeli, *consume*, mudah. Tetapi masalahnya barangan yang dikenakan GST, yang di *consume* oleh rakyat biasa ini dikenakan GST. Yang tidak dibeli oleh rakyat biasa tidak dikenakan GST. Saya dah bagi contoh, nasi lemak yang orang SungaiBurong makan kena GST, roti canai kena GST, teh tarik kena GST tetapi *lobster* tak kena GST. Betullah *You pay if you consume* kalau you tak *consume lobster* you tak payah pay.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Minta penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Nanti kejap ya tapi siapa..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Minta penjelasan. Seperti teh tarik, nasi lemak... hah ini semua tak betul. Saya baru makan teh tarik di kedai mamak ya tak adapun kena GST. Tapi kalau di *White House Coffee* tu kenalah GST hah kerana ada *service charges* dan sebagainya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ok... Ok.. Jadi...

**Y.B. TUAN DR. YAAKB BIN SAPARI:** Ini... ini... ikut buku ni. Jelas menyatakan bahawa nasi putih....

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik. Kalau nak (ketawa) berbahas kena minta kebenaran Bukit Antarabangsa dulu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya benarkan Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya sebut memang ada pengecualian GST iaitu udang putih bersaiz besar, ketam tetapi nasi putih satu

pinggan kena GST. Ini buku daripada panduan harga pengguna, Kementerian. Macam mana Sungai Burong tak baca. (TEPUK)

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Nanti, bagi saya jawab. Ini *floor* saya. Bila dia bertanya saya kena jawab. Bukan Sungai Burong. Dak, Ketua Pembangkang pun tak dapat nak jawab soalan. Macam mana. Ni, maklumat Kota Anggerik itu penting. Sebab saya kata, bila kita nak berkawan dengan seseorang jangan berjangkit penyakit-penyakit orang itu. *Selective amnesia* tu tadi. Kita tak dapat tau maklumat yang penting dalam buku itu. Buku itu dikeluarkan oleh Kerajaan. Nanti dulu. Lailahailallah....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Minta penjelasan. lalah sebab ia tuduhan lah. Katakan, kalau nak berkawan pun dengan orang yang

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Sungai Burong

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** orang yang berpenyakit. Saya bukan orang yang berpenyakit. Kot, *moral mentaliti*.. Itu saja. Saya nak cakap dengan izin. Tapi sebenarnya...

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Siapa dia.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dia baca buku sekerat. Dia tak tengok lagi yang sekerat. Dalam konteks penstrukturan semula tu. Dia tak tahu yang apa ni, mesti ada *turn over* RM500,000.00. Kebanyakan kedai-kedai di kampung, saya duduk di kawasan Sungai Burong, saya pergi pasar tak kena GST, saya pergi kedai kopi, tak kena GST. Mana ada kena GST. Tak ada saya tengok. Ada tak bagi 6% GST, tak ada, kod GST pun tak ada. Sebab syarikat-syarikat ini, pendapatannya, *turn over* nya, jualan nya kurang daripada RM500,000.00 setahun. Itu la,

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nasi lemak kedai Yang Berhormat Sekinchan kena GST kot..

**TUAN SPEAKER:**Yang lain semua tolong duduk. Biar Bukit Antarabangsa habiskan dulu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya boleh jawab. Dia kalau dalam peraturan Dewan, dia kena jawab satu-satu. Dia, soalan boleh hantar sama. (Tepuk). Soalan sama. Jawab kena satu-satu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Ni baru ni.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Nanti, nanti. Ni belum jawab. Saya belum jawab Sungai Burong. Baik, apa yang dibuat oleh Kota Anggerik, memberi beberapa contoh yang terlalu jelas. *Lobster*, ketam, udang, yang besar-besar, semua tak kena GST. Yang bahan makanan biasa, rakyat di bawah kena GST. Satu lagi contoh yang saya nak bagi la. *Ink*.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh mencelah. Ini, tak, pasal yang dibangkitkan tadi itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Lepas ini, lepas ini. *Ink cartridge* tu. *Ink* untuk *printer*. *Cartridge* itu. Dulu harganya RM45.00. sekarang harganya sudah RM47.70. ini yang kegunaan pelajar-pelajar universiti di IPTA. Ini masalah kita. Senarai barangan itu, membebankan rakyat, pelajar dan mahasiswa. Tuduhan Sungai Burong mengatakan, ooh, ini syarikat, syarikat yang hanya RM500,000.00 ke atas yang perlu bayar GST. Betul. Yang kurang RM500,000.00, tak bayar. Tetapi mereka perlu dapat barangan itu daripada pemborong yang berkenaan. Pemborong berkenaan dia akan *transfers* kos itu kepada peruncit. Peruncit akan *transfers* kos kepada pengguna. Tak kan tak faham falsafah ekonomi. Kan dah kawan yang kononnya pakar ekonomi. Belajar la.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Tapi ini bila ada penyakit *Selective amnesia*, tak belajar lah. Dia lupa fakta-fakta...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mencelah sedikit.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tuan Speaker, bagi saya peluang sedikit. Mana dulu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Permatanglah, sebab dia tanya soalan lain. Dia tak sama.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Saya, terima kasih Menteri Besar. Sekurang-kurangnya, sahabat saya dengan Hulu Bernam ni, kalau ter *share* pun soalan, dari parti yang sama. Tapi di Pulau Pinang penggal yang lepas, lebih memalukan, ADUN Pulau Pinang ciplak soalan 100% soalan dari ADUN BN. Tak payah nafilah, cukuplah, saya nak bagi fakta. Yang kedua, itu sungguh memalukan. Ambil pihak lawan. Terima, ya. Itu DAP tu. Saya nak bercakap juga dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tadi, di dalam ucapan awal tadi, saya kagum lah, di Selangor ini, kita di bagi peluang dua minggu berdebat. Di Perak dah habis dah, walaupun tak sampai berapa hari. Sebab di sana tu, pembangkangnya bukan pembangkang. Gangster, samseng. Di sini bagus,

pembangkannya. Kita boleh berdebat dengan elok. Sebab itu di sini, di sini boleh elok. Hormat dan sebagainya.

Ok, saya nak bertanya kepada Dato' Menteri Besar, apa yang disebut oleh Kota Anggerik, isu mengenai, nasi lemak.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan dan Sungai Burong, jangan ada *private conversation*. Teruskan Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok, nasi putih, Kota Anggerik, kalau kena GST apabila Kota Anggerik makan nasi putih di Hotel Hilton. Kalau, sekejap, nanti dulu, kalau Kota Anggerik,

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Fakta salah., fakta salah.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kalau Kota Anggerik makan nasi putih di gerai, di restoran, yang di bawah RM500,000.00 pendapatan, tak ada GST. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya nak bagi tahu.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Fakta salah., fakta salah.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kita kena tahu. Ya, ini fakta. Ini fakta. Sebab saya sendiri. Okey, itu fakta.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, dia sebut...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang kedua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Kerajaan juga, di mana yang mengatakan rakyat yang miskin dianiaya. Sebab kita menyediakan beribu jenis barang yang tidak termasuk dalam GST. Kalau Yang Berhormat, pergi pasar raya, beli 10 jenis barang, kalau yang kena GST 2, 2 sahaja. Kalau yang 8 itu, bahan-bahan asas yang tak termasuk dalam GST, tak dikenakan GST. Ini sebenarnya hakikat GST yang diberikan kepada rakyat-rakyat yang berpendapatan rendah, memang tak kena GST pun. Dan kalau Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Sungai Burong. Kita balik kawasan, makan, kalau dulu sebelum GST, kita bayar RM10.00 untuk makan makanan sarapan yang macam biasa, sekarang ni pun. Tak ada GST. Mereka tak kena GST, sebab mereka tak kutip GST. Jadi tak ada masalah. Yang naik harga tu, Sungai Pinang, ialah sikap. Sebab itu... teori yang dikeluarkan, minyak turun, barang turun. Bila minyak turun, barang tak turun pun. Sekarang nak kata barang naik kerana GST. Sebenarnya ialah sikap yang ada kepada peniaga-peniaga. Jadi saya minta, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya minta penjelasan. Yang mengenai soalan Pulau Pinang, tak payah jawab. Biar umum tahu saja. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Kenapa Permatang halang saya untuk menjawab. Nanti, nanti...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Boleh, boleh, nak jawab.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tak ada bukti, ini tuduhan yang tidak benar.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Ada Yang Berhormat, masuk surat khabar. Tak pe, saya boleh bawa besok untuk bukti dia.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Surat khabar, Utusan Malaysia.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ahli Berhormat berkenaan minta maaf kepada Dewan kerana ambil soalan daripada Barisan Nasional di Pulau Pinang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tak apa, tak apa. Saya nak beritahu begini. Ini soal *transfers of* kos yang kena faham. Dia makan nasi putih di Hotel Hilton, kena bayar GST, di gerai biasa pun kena bayar. Walaupun dia punya modal perniagaan kurang daripada RM500,000.00, tetapi dia kena dapat bekalan berkenaan daripada pemborong yang telah pun dikenakan GST. Untuk menampung kos GST yang ditanggung oleh pemborong tersebut, dia akan naikkan harga barang yang berkenaan. Jadi, apabila peruncit dapat barang harga yang mahal, takkan dia nak jual dengan harga yang murah. *Simple logik*, Permatang. Benak. Nanti dulu.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Penjelasan sikit. Mydin, naik harga. Pasaraya Mydin.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Benar dia tidak dikenakan GST, tetapi oleh sebab harga barang yang mahal, dapat daripada pemborong, maka dia terpaksa *transfers* kos itu pada pengunjung restoran yang berkenaan. Itu yang menyebabkan harga yang mahal. Jadi kita punya persoalan, mengapa dilaksanakan GST di dalam keadaan negara hari ini sedang menghadapi ekonomi yang merudum. Saya telah nyatakan, prinsipnya ini mesti adil. Bukan *regressive* Yang kita boleh dukung, kalau sistem percukaian itu satu sistem yang progresif. Yang adil kepada semua pihak. Yang kaya bayar cukai, yang miskin mesti dibela. Ini prinsip yang mesti dipertahankan oleh Kerajaan Persekutuan. Yang mana, kalau tidak, kesan daripada pelaksanaan GST ini, mengikut pakar-pakar ekonomi, dia akan menyebabkan inflasi akan naik. Pada tahun ini sahaja, inflasi dijangka akan naik sebanyak 2%. Kerana harga-harga barang ini telah mula dinaikkan. Jadi persoalannya, akhirnya, dia memberi kesan yang menyeluruh kepada masyarakat yang terbanyak, sedangkan mereka yang kaya akan terus menikmati kemudahan-kemudahan tanpa dikenakan cukai. Akhirnya soal percukaian ini, saya nak jelaskan....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Boleh penjelasan.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tadi bagi giliran, giliran sayalah pula.

**TUAN SPEAKER:** Sebelum Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar nak benarkan atau tidak, ini saya ingatkan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, sudah satu jam, baru isu kedua.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Teruskanlah. Saya gulung tentang GST ini, di mana bila saya bicara soal kemiskinan, golongan yang miskin tadi, saya tidak hanya merujuk kepada golongan miskin tegar sahaja. Kita juga harus memberi perhatian kepada golongan yang mempunyai beban hutang yang semakin tinggi. Iaitu di kalangan *young workers*. Ataupun *newly married couples* yang mempunyai tanggungan yang ramai. Kalau kita lihat statistik hari ini, *household debt* negara, sudah melebihi RM500 million, RM500 bilion. Ini satu angka yang amat membimbangkan negara apabila *household debt* itu tinggi yang menyebabkan bank negara terpaksa mengenakan satu kawalan sistem dasar fiskal yang lebih ketat, menyebabkan banyak rakyat yang berpendapatan sederhana nak dapat pinjaman bank pun susah. Oleh sebab *household debt* yang semakin tinggi. Kegagalan Kerajaan Persekutuan ialah untuk membincangkan isu *dispost ber income*. Iaitu pendapatan yang boleh guna. Sekarang ini kalau gaji RM3,000.00, bawa balik rumah mungkin RM300 – RM400 sahaja. Sebab terpaksa bayar pinjaman kenderaan, pinjaman perumahan, pendidikan, kedit kad. Ini yang disebut *household debt*. Terlalu tinggi sekarang. Dimanakah langkah-langkah Kerajaan untuk melihat satu usaha bagi meneliti semua, semula *dispost ber income*, dan salah satu caranya ialah menaikkan gaji minimum yang masih gagal dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Kemudian saya nak beralih tentang isu air. Ada orang yang mendakwa...

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Sikit. Tuan Speaker. Maaf saya. Sebelum beralih ke isu air, saya ingin mengatakan sedikit mengenai isu GST sebelum ke isu air, bahawa didalam ucapan permulaan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, ada menyebutkan bahawa Singapura dikenakan GST sebanyak 3%, kalau tidak silap saya. Tetapi saya ingin membetulkan bahawa GST untuk Singapura ialah 7%. Dan di negara Asean semua melebihi 6%. Jadi kena ada pembetulan, supaya saya ingin nyatakan supaya perkara-perkara ini kita tak perlu nak perbandingkan dengan negara yang maju. Tetapi negara-negara Asean yang mundur pun dikenakan GST. Lebih banyak yang kurang sokongan bantuan dan sebagainya.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Salah, salah

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Begitu juga saya juga ingin menyarankan kepada Kerajaan Negeri supaya menurunkan kadar cukai PBT yang 400% naik

kepada pengusaha kecil di Majlis Perbandaran Subang dan Majlis Bandar raya Petaling Jaya. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih. Maklumat Hulu Bernam tak tepat. 3% itu pada permulaan pelaksanaan. Kemudian dia bergerak secara perlahan-lahan. Bukan terus 6%, Hulu Bernam.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Minta mencelah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Okey.

**TUAN SPEAKER:**Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Menteri Besar, kita punya hutang negara sekarang ialah RM700 bilion. Apa simpanan Singapura, kalau Menteri Besar tau. Saya tau jawapan tu, tapi ....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Yang Berhormat Seri Andalas. Statistik yang ada yang biasanya kita buat perbezaan ialah pendapatan per kapitabagi rakyat negara yang dikenakan bukan soal rizabnya sahaja. Seperti di Sarawak, rizabnya besar, RM22 bilion, tetapi pendapatan per kapita rakyat Sarawak rendah. Yang penting di Singapura, dia 7% GST, tetapi pendapatan per kapita di Singapura ialah RM197,000.00. Di Malaysia, GST 6%, pendapatan per kapita kita RM37,000.00. jadi janganlah gunakan dengan perbandingan

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Mencelah sikit. Indonesia 10%. Kita yang paling rendah. Antara negara Asean. Sila perjelaskan keadaan yang benar.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, Dato' Menteri Besar. Soalan saya senang saja, iaitu sekiranya Singapura boleh menganjak dari 3% ke 7%, adakah ini bermakna pada masa-masa yang akan datang, sekiranya Kerajaan Persekutuan, menghadapi kesukaran dari segi kewangan, kadar 6% ini juga akan dinaikkan ke satu kadar lebih tinggi daripada 6%. Adakah ini akan berlaku.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Terima kasih, Yang Berhormat Kampung Tunku. Kalau melihat watak dan cara pentadbiran yang ada pada hari ini di Putrajaya, saya tidak terkejut kadar ini akan terus meningkat, kerana negara sudah hampir bankrap. Kerana keborosan, ketirisan dan penyelewengan yang berlaku di peringkat pusat.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Saya bantahlah, negara hampir bankrap. Sudah berkali-kali, sedangkan apa sokongan, bantuan kepada rakyat masih tetap disediakan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kena kebenaran dulu.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Sebenarnya Y.A.B. Dato' Menteri Besar tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan seperti ini. Maaf, Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Speaker, hendak mencelah sedikit.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Sepatutnya mencelah kemukakan soalan secara bertulis jangan ikut ruang.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Saya ingin menyatakan, saya mohon soalan kepada Dato' Menteri Besar supaya memperbetulkan kenyataan yang berniat jahat ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tuan Speaker.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya teruskan kepada isu air kerana ada Yang Berhormat yang membuat dakwaan bahawa kenyataan saya ini berubah-ubah ya. Menghubung penstrukturan semula air. Setakat yang saya ingat mengikut rekod yang dicatatkan dalam mesyuarat MMKN, daripada awal saya diberikan amanah pendirian saya amat jelas bahawa saya mahu perjanjian utama ini dimuktamadkan. *Period.* Tetapi saya juga berpegang kepada prinsip untuk memuktamadkan perjanjian ini mestilah kedua-dua belah pihak berpegang kepada fakta, terma dan semangat perjanjian utama ditandatangani. Apa yang menjadi pertikaian pada hari ini? Yang pertama tentang aset bekalan air yang terletak di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Yang Berhormat Pelabuhan Klang, Yang Berhormat Sungai Burong, Dengkil dan Batang Kali masih membangkitkan tentang pendirian Kerajaan Negeri berkaitan pemindahan aset air dalam penstrukturan industri perkhidmatan air seperti yang terkandung dalam perjanjian utama. Seperti yang saya maklumkan sebentar tadi kepada Ahli-ahli Dewan, perjanjian utama mempersetujui aset milik kerajaan negeri berserta tanah bernilai sehingga RM2 Bilion akan dipindah milik kepada PAP oleh Air Selangor untuk air Selangor mendapatkan bayaran tunai berjumlah RM2 Bilion bagi membiayai pengambilalihan syarikat konsesi. Antara aset air yang telah disenaraikan untuk dipindah milik adalah Loji Rawatan Air Sungai Semenyih dan Loji



Rawatan Air Bukit Nanas. Kedua-dua aset ini telah pun disenaraikan di dalam 'Appendix 3' Perjanjian Utama yang telah diteliti oleh Kerajaan Persekutuan dan ditandatangani bersama dengan Kerajaan Negeri pada 12 September 2014. 'Appendix3' ini adalah *appendix* yang menunjukkan dan menyenaraikan aset yang dimiliki oleh Air Selangor. *Appendix 3* ini adalah sebahagian daripada perjanjian itu. Maksudnya di sini Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bersetuju bahawa Loji Rawatan Semenyih dan Loji Rawatan Bukit Nanas adalah sebahagian daripada aset yang dimiliki oleh air Selangor. Tiada istilah merompak seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batang Kali. Yang Berhormat Pelabuhan Klang juga harus bersetuju bahawa aset ini telah disenaraikan oleh beliau sendiri sebahagian aset air Selangor. Apa yang saya hendak jelaskan....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Nanti. Apa yang hendak saya jelaskan di sini.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tang situ sahaja.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Dengar. Dengar dulu, belum habis.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** lalah sebab saya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Dengar dulu. Duduk. Dalam perjanjian utama ya, ada dua komponen. Satu, aset yang dimiliki oleh kerajaan. Satu, aset yang dimiliki oleh syarikat konsesi ataupun CCWE. Maka saya percaya dalam proses *negotiate* dan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan yang ketika itu diketuai oleh Pelabuhan Klang. Dia patut tahu apa aset yang dia telah serah kepada Kerajaan Persekutuan sebab dalam perjanjian utama ada *Appendix 3* yang bertajuk *Air Selangor Water Asset*. Tajuknya pun telah membuktikan bahawa ini ialah aset air milik Air Selangor. Apakah aset-aset tersebut : - Sungai Selangor Fasa 1, Sungai Semenyih, Sungai Langat dan Bukit Nanas. Maknanya ini adalah *water treatment plans* yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri dan disenaraikan dengan terperinci dalam *Appendix 3* dan ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan yang bersetuju ini adalah aset-aset Kerajaan Negeri yang akan diserahkan kepada PAP. Mengapa pada hari ini Kerajaan Persekutuan datang semula mengatakan ini aset aku. Macam mana saya boleh hendak bersetuju, itu yang pertama. Yang kedua, kalau Yang Berhormat Batang Kali mengatakan kami perompak. Kalau benarlah dakwaan itu, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Kerajaan Persekutuan menandatangani perjanjian ini bersetuju supaya dirompak. Jadi saya ingat. Sebab itu saya kata daripada kita berbalah dan mempunyai penyakit *selective immisia* lebih baik kita rujuk kepada perjanjian.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Boleh dapat penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dengan jelas tajuknya Air Selangor *Water Asset*. Kalau setuju dengan ini yang telah tandatangani besok kita boleh selesaikan perjanjian ini, itu yang pertama.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Boleh. Boleh dapat penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya memang bersetujulah dalam isu perjanjian ini mesti ada orang kata kesetiaan untuk kita apa kata bersama-sama menyelesaikan apa juga pertikaian. Dan, saya setuju juga bahawa isu ini berbangkit kerana ada tuduhan saling tuduh menuduh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menuduh bahawa Kerajaan Persekutuan telah ingkar dalam apa orang kata melaksanakan persetujuan perjanjian utama perjanjian air ini. Sedangkan suka saya menjelaskan bahawa kita ini kadang-kadang bila kita buat sesuatu dalam undang-undang ini, ada pendekatan sebagai kata niat suci dan ini telah dinyatakan ya dengan jelasnya oleh menteri berkenaan di dalam Parlimen semasa perdebatan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan menteri sendiri. Menteri telah menjelaskan bahawa niat kerajaan persetujuan bukan orang kata untuk perkataan yang digunakan tadi merompak dan sebagainya. Tapi niatnya adalah baik untuk menyelesaikan penstrukturan air di negeri Selangor. Isunya ialah dalam penyenaiaan tersebut. Terdapat dua senarai. Satu ialah Loji Semenyih dan satu Loji Bukit Nanas. Yang disenaraikan oleh pentadbiran dulu sebagai ini adalah senarai milik Selangor ya. Dan, Kerajaan Persekutuan pun dengan niat baik menganggap ini benar, tetapi dari segi undang-undang ia perlu merujuk kepada pihak berkuasa berkenaan. Jadi apabila Kerajaan Persekutuan merujuk kepada Pesuruhjaya Tanah mendapati bahawa kedua-dua aset ini adalah milik Wilayah Persekutuan dan Putrajaya kerana itu perkara itu walaupun sudah dimasukkan ini tidak boleh. Sebab ini apa pun undang-undang tidak boleh *ultra virus* kepada akta ataupun peruntukan undang-undang yang lain.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya. Jangan berucap panjang. Saya masa tiada.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Jelas.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ok. Yang Berhormat

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** menjelaskan

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Sungai Burong saya menjelaskan saya faham soalan ini. Tetapi ini penjelasan Sungai Burong membongkar dan mendedahkan betapa lemahnya Kerajaan Persekutuan dalam

menyediakan draf perjanjian yang begitu penting untuk ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan, itu yang pertama. Di mana peranan Peguam Negara. Kalau Peguam Negara tidak boleh tahu apa yang boleh dipertahankan oleh Kerajaan Persekutuan memang wajib Peguam Negara letak jawatan dan serah kepada sesiapa.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan sedikit.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Nanti dulu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ini pasal isu yang samalah!

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya belum jelas. Duduk dulu. Ok. Ini. Kalau ini Peguam Negara yang ada maknanya negara juga boleh tergadai dan dijual kerana gagal meneliti satu perjanjian. Saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat Sungai Burong.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Nanti. Dengar dululah!

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Sebenarnya benda yang sama.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Rolling you are stop.*

**TUAN SPEAKER:** Tolong duduk. Dan bertanya kena kebenaran. Jika Menteri Besar benarkan baru boleh bersuara.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Sedikit saja

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dengarlah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Benda yang sama, boleh, Pentadbiran Pakatan Rakyat yang lama menyenaraikan

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Menyenaraikan dari segi undang-undang pun tidak betul.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong saya minta duduk dan dengar dulu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dan kenapa terima orang lama. Kata Barisan Nasional kata hendak lantik sebagai ketua pembangkang.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya minta penjelasanlah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tidak.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya tidak benarkan sebab saya belum habis penjelasan tersebut.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Isu yang sama juga.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tidak boleh.

**TUAN SPEAKER:** Tidak benarkan Permatang, sila duduk.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat ini bekas pegawai kerajaan. Bekas Pegawai Daerah. Amat memalukan kalau ini lah fahaman seorang Pegawai Daerah, dalam mana yang ada dalam perjanjian sebelum tandatangan, semak dulu, teliti dulu. Pertahankan kepentingan

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Memalukan

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Yang Berhormat

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Memalukan Pakatan Rakyat Negeri Selangor

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sungai Burong, Batang Kali, duduk. Duduk dulu.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Bukan dia punya

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Semak dulu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya hendak bertanya ini. Menyensaraikan itu Kerajaan Negeri Selangor bukan Kerajaan Persekutuan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Dengar dulu.

**TUAN SPEAKER:** Permatang, Batang Kali duduk dulu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Saya boleh jawab, tiada masalah. Baik. Nanti. Maknanya perjanjian itu tidak boleh disemak setelah ditandatangani. Niat suci ke, niat tidak suci ke sebelum.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Yang Berhormat

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Ditandatangani, disemak

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Hendak tanya ini

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Yang keduanya, kalau benarlah

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kerajaan Negeri tiada niat suci.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Sungai Burong dan juga Permatang, bahawa Pelabuhan Klang yang kemukakan senarai tersebut. Baik. Benar. Saya tunjuk tadi, Pelabuhan Klang dan pentadbiran mengemukakan atas tajuk Air Selangor *Water Asset*. Kenapa? punya, saya tidak hendak guna istilah itulah.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kita hendak tanya fasal *list* tu. Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Satu hingga lima. Baik. Katalah! Sekarang negeri Selangor pentadbiran lama mengemukakan. Ini hak kami satu, dua, tiga, empat kenapa Kerajaan Persekutuan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Itulah, Dato' Menteri Besar ini tidak faham.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Yang ketiga. Saya hendak habiskan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kenapa *list* itu.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Siapa yang membuat *list* tu?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya tidak hendak memberi ruang

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Siapa yang membuat *list* tu? Ada *injunction*.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dua lojiini.

**TUAN SPEAKER :** Duduk dulu. Duduk dulu. Saya beri amaran terakhir kalau hendak berbahas kena tanya kebenaran Bukit Antarabangsa terlebih dahulu. Ya. Kalau tidak beri duduk.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon penjelasan. Boleh.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Pesuruhjaya Tanah mengapa Kerajaan Persekutuan tidak, ini, ini, ini Yang Berhormat Pelabuan Klang mengambil masa 5 tahun untuk sampai ke tahap ini. Tidak kan Kerajaan Persekutuan tidak boleh rujuk kepada Pesuruhjaya Tanah, Peguam Negara dalam tempoh 5 tahun. Saya baru 6 bulan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Minta penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tidak. Duduk.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Bila ia ditandatangani?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang keduanya, setelah 5 tahun baru boleh sampai ke tahap ini. Itu pun

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Langkah-langkahkan barulah Menteri Besar, yang mantan Menteri Besar itu hendak tandatangan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya lah, itu pun.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Barulah masa itu ada *meeting*. 32 *meeting*.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Itulah kualiti. Menteri Besar PKR sebelum ini, itulah kualitinya. Mohon mencelah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Kalau 32

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Boleh duduk tak.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya mohon mencelah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tidak. Kalau 32 mesyuarat telah diadakan

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya hendak mohon mencelah sekejap.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tidak.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali, Dato' Menteri Besar telah kata tidak boleh.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya hendak potong *trip*.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali. Baca Peraturan Tetap 37 dulu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Kalau Sungai Burong mengesahkan ada 32 mesyuarat, mengapa dalam 32 mesyuarat itu tidak dipanggil wakil Peguam Negara, tidak dipanggil wakil Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, mengapa? Tidur?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Sebab di peringkat pegawai, pegawai DK

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ooo... nak salahkan pegawai. Inilah UMNO yang akan salahkan pegawai.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dia bawa LA negeri dalam perbincangan itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Semaklah.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Itulah. Minta mencelah tak nak bagi.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dia tidak bawa ke persekutuan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Bagi kerajaan

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Lagi satu saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dari segi

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, saya bagi amaran terakhir.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Sebab

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong. Saya selalu beri peluang pada Sungai Burong untuk berbahas tapi jika terlalu mengganggu sampai kita tidak boleh dengar perbahasan atau pun jawapan Dato' Menteri Besar, susah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Suruh jawab.

**TUAN SPEAKER:** Susah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Minta dia jelaskan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli lain tidak boleh dengar. Saya pun tidak boleh dengar. Saya minta kerjasama.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dia tidak mahu kita berikan fakta. Ia akan terus dengan pembohongan seperti ini. Yang ketiganya fakta, fakta yang saya hendak beri mengapa pentadbiran pada ketika itu mengemukakan senarai ini. Kita ada merit kita. Sebab untuk maklumat Yang Berhormat, negeri Selangor mempunyai merit dalam hal ini kerana Loji Rawatan Semenyih adalah salah sebuah loji yang pembinaannya dan pembiayaan pampasan tanah itu dibiayai oleh Kerajaan Negeri bernilai RM400 Juta. Jadi Kerajaan Negeri telah membiayai pengambilan tanah. Kerajaan Negeri membiayai pembinaan Loji Rawatan Air Semenyih. Nilai RM400 Juta jadi *base of date* merit kita kemukakan bahawa ini hak kami. Tetapi kalau Kerajaan Persekutuan mengatakan itu hak mereka mengapa tidak di bahas atau dibincang sebelum tandatangan perjanjian tersebut. Cukup. *Simple*. Kalau itu pun tidak boleh tadbir hentikanlah UMNO dan Barisan Nasional di peringkat Persekutuan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan sedikit Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Itu fasa yang pertama.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh benarkan saya minta penjelasan sedikit.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tidak. Saya ada fasa yang kedua iaitu CCWA. Ini adalah aset-aset air syarikat konsesi. Yang ini juga ada pertikaian sebab apa yang telah dipersetujui dan di dalam perjanjian utama sekali lagi saya bawa salinan perjanjian utama '*appendix 7 list of concession company water asset* maknanya aset air milik syarikat konsesi dan ditulis Puncak Niaga apa, SYABAS yang mana,



Konsortium ABAS yang mana, *details* dan dijelaskan Yang Berhormat Sungai Burong *upgraded and billeted art of the following that or only*.

Maknanya aset air milik Syarikat Konsesi dan ditulis Puncak Niaga apa, Syabas yang mana, Konsortium ABASS yang mana, *detail* dan dijelaskan di situ Yang Berhormat Sungai Burong *upgraded and be grated part of the following WTP only*. Maknanya yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan ialah aset-aset air milik Syarikat Konsesi tanpa tanah inilah dia yang akan diserahkan. Kerajaan Persekutuan *sign*, sekarang dia datang semula kepada Kerajaan Negeri bukan sahaja aset ini tetapi tanah-tanah yang aset-aset ini diduduki juga perlu diserahkan. Yang saya bantah ialah sebagai contoh aset-aset air yang dimiliki oleh Syarikat Konsesi ini adalah aset yang telah dinaiktarafkan dan dibaiki *upgraded and be grated*, itu yang dipersetujui. Katalah ada satu loji rawatan milik Kerajaan Negeri. Jadi kita setuju serah aset yang telah di baik pulih dan dinaiktarafkan oleh Syarikat Konsesi tersebut kepada PUB. Sebab bila dia naik taraf dan dia baiki bahagian aset itu dia perlukan pinjaman. Sekarang ini pinjaman itu akan diserahkan kepada PUB. Jadi kita macam mana kita nak serahkan tanah bagi keseluruhan loji rawatan tersebut sebab kita hanya kalau perlu serah tanah pun, kita serah tanah di mana aset itu telah dibaiki. Tetapi kalau sekarang nak minta tak keseluruhan tanah maka Kerajaan Negeri akan hilang kedaulatan ke atas tanah tersebut kerana walau pun pajakan yang diminta untuk 45 tahun Kerajaan Negeri tidak ada hak ke atas tanah itu selama 45 tahun. Apabila Kerajaan Negeri tidak ada hak ke atas tanah selama 45 tahun Kerajaan Negeri tidak mendapat lesen kemudahan untuk *operate* aset tersebut kerana salah satu syarat untuk mendapat kemudahan lesen kemudahan bagi mengoperasi aset tersebut. Orang yang memohon lesen itu mestilah pemilik tanah dan aset yang berkenaan. Jadi kalau kami dah serahkan tanah terhadap keseluruhan aset tanah itu bukan lagi milik Kerajaan Negeri dan walaupun dipajak pada Kerajaan Persekutuan selama 45 tahun, kami sudah tidak dapat lesen itu. Maka lesen kemudahan akan diberikan kepada PUB bila lesen kemudahan diberikan kepada PUB ini bercanggah dengan semangat menstrukturkan semula industri air ini. Di mana semangat asalnya ialah untuk Kerajaan Negeri mengambil alih kesemua operasi air ini dan dikendalikan oleh sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Tetapi PUB bukan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Boleh minta penjelasan.

**Y. A. B. DATO' MENTERI BESAR:**Tetapi PUB bukan Kerajaan Negeri tetapi itu sebuah perbadanan yang dikuasai oleh Kerajaan Persekutuan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Minta penjelasan.

**Y. A. B. DATO' MENTERI BESAR:**Ya

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Terima kasih, minta penjelasan dah tenang sikit Tuan Speaker. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan penjelasan mengenai aset-aset air. Saya nak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa apa yang ada dalam terma-terma yang dibuat dalam perjanjian antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan. Juga sama dengan terma-terma yang dibuat dengan enam negeri yang lain termasuk di Johor, Melaka dan Pulau Pinang sendiri. Pulau Pinang sendiri negeri DAP pun dapat terma yang sama dari segi aset-aset air termasuk tanah. Saya nak minta pendapat Menteri Besar.

**Y. A. B. DATO' MENTERI BESAR:**Tidak-tidak, memang ada dalam jawapan saya. Tidak sama saya nak beritahu apa yang membezakan Selangor dengan Pulau Pinang dengan Johor khususnya tidak sama sebab apa yang berlaku di Selangor ini ialah untuk kita menstrukturkan semula industri perkhidmatan air. Kita terpaksa mengambil alih empat-empat syarikat konsesi tersebut melalui pembelian ekuiti. Itu yang jumlahnya sekitar 2 bilion ringgit tetapi aset air yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, nilainya jauh lebih besar daripada nilai jumlah ekuiti nak kita beli dari empat syarikat ini. Kita ada 14.9 bilion ringgit, berbeza dengan Pulau Pinang, Pulau Pinang syarikat-syarikat yang mengoperasikan industri air itu masih lagi syarikat milik Kerajaan Negeri. Jadi dia tidak perlu ada dana untuk membiayai pembelian ekuiti tersebut. Di Johor yang membezakan kita ialah Kerajaan Johor walaupun melakukan penstrukturan semula tetapi mengekalkan syarikat yang sama untuk mengoperasikan industri air. Sekali lagi tidak memerlukan dana untuk membiayai penstrukturan tersebut. Berbeza dengan Selangor kini, kita terpaksa membiayai 2 bilion ringgit untuk membeli empat syarikat tersebut melalui pembelian ekuiti. Jadi dengan penjelasan tersebut pohon tolonglah bisik kepada kawan-kawan yang baru, Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru UMNO supaya dia lebih faham, jangan lupa fakta kerana dia juga terlibat secara langsung dalam perjanjian ini. Jangan cepat lupa atau pun jangan terikut-ikut dengan “Kata Melayu Mudah Lupa” Akhirnya Yang Berhormat, saya tidak boleh sambung petangkan.

**TUAN SPEAKER:** Boleh saya benarkan kerana isu-isu berbangkit Yang Berhormat belum dijawab lagi.

**Y. A. B. DATO' MENTERI BESAR:**Itulah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker.

**Y. A. B. DATO' MENTERI BESAR:**Itulah Sungai Burong banyak kacau banyak sangat.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker mohon penjelasan isu air.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya juga minta penjelasan berkenaan isu air.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya dulu ya.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa benarkan siapa. Dengkil ataupun Kampung Tunku.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Kampung Tunku dulu, masa telah banyak diambil.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ada satu persoalan tentang SPLASH dan ini adalah satu isu yang terpanggil di mana Kerajaan Negeri menghadapi masalah dari segi rundingan dengan syarikat SPLASH. Walaupun semua syarikat konsesi air yang lain telah pun hampir selesai. Jadi saya mendapat tahu bahawa Kerajaan mempunyai tempoh masa lagi setahun iaitu di mana tarikh luputnya adalah pada bulan September tahun ini. Kita masih ada lebih kurang 6 bulan lagi. Jadi saya ingin bertanya apakah perkembangan terkini terhadap rundingan ini. Soalan saya tanya kerana saya khuatir sekiranya rundingan dengan SPLASH ini gagal, dia akan menjejaskan pasukan rundingan kita atau pun keputusan yang dicapai oleh ketiga-tiga syarikat yang lain terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB B. SAPARI:** Minta penjelasan SPLASH juga.

**Y. A. B. DATO' MENTERI BESAR:**Ya.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB B. SAPARI:** Berhubung dengan SPLASH adakah Dato' Menteri Besar tahu yang kerajaan Pelabuhan Klang sebelum ini telah menawarkan harga yang tinggi kepada SPLASH sebanyak dua kali?

**Y. A. B. DATO' MENTERI BESAR:**Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku dan yang juga Yang Berhormat Kota Anggerik, ini juga ada kaitan dengan perbincangan Yang Berhormat Permatang bagaimana kedudukan dengan SPLASH dan telah mula bibit-bibit untuk membuat dakwaan bahawa SPLASH ini kroni Kerajaan Pakatan Rakyat. Sebab itu langkah-langkah, tidak benar Permatang. Sekali lagi balik kepada perjanjian asal, balik ke pangkal jalan, lihat terma yang telah ditandatangani. Apa dia terma yang telah ditandatangani dalam perjanjian utama. Saya bacakan perjanjian pembelian saham atau pun SPA di antara air Selangor, Puncak Niaga Holdings Berhad sebagai pemegang saham utama di dalam Puncak Niaga Sdn. Bhd. Dan Syabas hendaklah ditandatangani dalam tempoh 60 hari. Ini dalam perjanjian tersebut dengan Puncak Niaga, dengan Syabas mesti muktamadkan dalam tempoh 60 hari. Kedua air Selangor juga diberi tempoh selama 6 bulan untuk memuktamadkan perjanjian dan pembelian-pembelian saham untuk pengambilan saham Titisan Modal Sdn. Bhd. iaitu Syarikat Induk Konsortium ABBAS. ABBAS diberikan 6 bulan. Apa fasal yang ketiga dalam perjanjian ini air Selangor diberi tempoh selama 12 bulan untuk mengambil alih ekuiti dalam syarikat

pengeluaran air Sungai Selangor Sdn. Bhd. SPLASH. Jangan salahkan saya mengapa dakwa saya melengah-lengahkan keputusan dengan SPLASH sedangkan dalam perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dengan sahabat Sungai Burong yang baru SPLASH diberi satu tahun untuk memuktamadkan penstrukturan. Jadi patuhlah kepada terma ini, itu yang pertama. Jadi Yang Berhormat Kampung Tunku tanya apa dia status sekarang. Statusnya ialah seperti yang saya sebut tadi ialah salah satu senarai yang disenaraikan di para 4.1(j) dalam perjanjian utama air Selangor hendaklah berusaha memperoleh ekuiti dalam SPLASH dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penyelesaian perjanjian utama. Dalam perjanjian utama juga telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah dengan sedaya upaya memudahkan *to facilitate* air Selangor dalam memperoleh SPLASH. Ketiga memandangkan tempoh rundingan SPLASH akan berakhir 12 bulan daripada penyelesaian perjanjian utama perbincangan di antara air Selangor dengan SPLASH tiada keputusan. Dalam menentukan nilai yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi air sedia ada saya sudah menghidu Permatang dan Pelabuhan Klang sedang bergabung tenaga untuk menyerang saya dalam konteks ini. Kerajaan Negeri amat menitik beratkan kepentingan pengguna dan pada masa tidak merugikan mana-mana pihak. Ini adalah kerana nilai yang diputuskan akan memberi implikasi dan kesan ke atas kadar sewa pajak dan tarif air kepada pengguna. Menjawab soalan dari Yang Berhormat Kota Anggerik apakah benar Yang Berhormat Pelabuhan Klang pernah memberikan tawaran yang begitu tinggi kepada SPLASH sebelum ini saya tidak mahu membuat apa-apa pengumuman kerana proses rundingan sedang berjalan dengan pihak SPLASH. Namun memang jumlah yang ditawarkan oleh Pelabuhan Klang kepada SPLASH secara hitam putih itu amat mengejutkan kerana terlalu besar. Jadi saya harap perkara ini akan kita dedahkan apabila tiba waktu dan ketika yang sesuai. Yang Berhormat Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar, saya ingin bertanya selepas penstrukturan semula air ini selesai, *insya-Allah* kita doakan ianya selesai di atas semangat berbincang dan bersemuka dengan Kerajaan Persekutuan. Selepas ianya selesai adakah, siapakah yang akan menjadi *paymaster* untuk membiayai loji-loji air untuk dinaiktarafkan dan juga untuk membiayai paip-paip air untuk menggantikan paip-paip yang baru. Adakah Yang Amat Berhormat setuju bahawanya PUB agensi Kerajaan Persekutuan yang akan membiayai menggantikan paip-paip baru, menaik taraf loji air dan sudah semestinyalah ianya harus diberikan pindah milik kepada PUB dalam tempoh sekatan 45 tahun iaitu untuk membekalkan bekalan air awam untuk rakyat Negeri Selangor. Pandangan.

**Y. A. B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya saya memahami persoalan Yang Berhormat Dengkil di mana PUB memerlukan satu sekuriti atau jaminan bahawa pembayaran akan dibuat. Untuk makluman Yang Berhormat Dengkil memang sudah ada satu mekanisme dipanggil *refencing* di antara PUB dengan air Selangor telah bersetuju pun maknanya setiap sen yang kita terima daripada pengguna air di Selangor sama

ada domestik atau industri ada satu akaun yang telah dipersetujui bersama akan masuk dalam akaun itu dan setiap bulan penerima pertama daripada akaun itu ialah PUB. Jadi tidak perlu jaminan lain setelah ada persetujuan di antara PUB dan juga air Selangor untuk bersetuju dengan mekanisme ini supaya setiap penggunaan air itu akan dibayar semula kepada PUB oleh kerana ini *our rental list* kerana kita memajak aset-aset ini daripada PUB kita perlu bayar dengan kadar yang telah dipersetujui bukan setakat kadar tetapi kaedah mekanisme pembayaran pun telah dipersetujui secara bersama dan tidak perlu ada jaminan sekuriti yang lain bagi mencapai matlamat tersebut.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Minta penjelasan sedikit Menteri Besar.

**Y. A. B. DATO' MENTERI BESAR:**Ya.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Sebelum pindah ke tajuk lain saya nak tanya mengenai rundingan yang sedang berjalan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Jadi kita tengok memang sedang ada satu bentuk kena diselesaikan dalam tempoh-tempoh tertentu. Jadi sekiranya saya membuat andaian sebab kita sebagai Wakil Rakyat ataupun ADUN kita berhak untuk mengetahui juga. *What is the our back up plan* sekiranya, seandainya isu kedua mengenai penstrukturan semula ini tidak menemui titik pertemuan di antara kedua-dua pihak. Apakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada rancangan lain untuk ada dana-dana lain termasuk membuat pinjaman dan sebagainya untuk membiayai pengambilan 2 bilion yang dijangkakan atas ke empat-empat syarikat konsesi ini sama ada melalui pinjaman atau pun apa-apa bentuk rancangan untuk mengambil alih keempat-empat syarikat sekiranya rundingan ini tidak berjaya.

**Y. A. B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang pada ketika ini saya ingin memaklumkan kepada dewan bahawa Kerajaan Negeri cukup komited untuk memuktamadkan perjanjian utama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan saya yakin kalau kedua-dua pihak kembali dan berpegang kepada terma dan prinsip asal terma perjanjian utama ini ianya dapat dimuktamadkan dalam masa yang terdekat dan memang hasrat Kerajaan Negeri mahu perkara ini diselesaikan secara bersama di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dengan semangat kerjasama yang juga dititahkan oleh Tuanku dalam semangat bersemuka dan berbincang. *Insyah-Allah* saya akan teruskan semangat ini bagi kepentingan rakyat di Negeri Selangor. Cuma saya harap isu yang paling penting yang agak panas dibincangkan sekarang ialah isu CCWA yang saya sebut tadi aset-aset milik syarikat konsesi kalau boleh kita mahu perkara ini kita hendak diselesaikan dengan semangat yang sama.

**TUAN SPEAKER:** Yang Amat Berhormat sambung nanti ya. Jam telah menunjukkan pukul 1 maka saya tangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER:** Dewan disambung semula. Saya persilakan Dato' Menteri Besar untuk sambung penggulangan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Izinkan saya menyentuh satu perkara baru berhubung isu tanah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Kampung Tunku, Yang Berhormat Paya Jaras dan Yang Berhormat Dusun Tua telah membangkitkan tentang isu mengenai tanah rizab Melayu. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Kampung Tunku dan Yang Berhormat Paya Jaras berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 2 mengenai pengurusan tanah rizab Melayu. Di negeri Selangor jumlah keluasan asal tanah rizab Melayu di negeri Selangor adalah seluas 406622.56 ekar. Daripada jumlah tersebut seluas 11077.8 ekar tanah rizab Melayu telah dibatalkan pewartaannya. Sehingga Februari 2014 seluas 7210.73 ekar tanah telah diganti. Kerajaan negeri memandang serius ke atas penggantian tanah-tanah rizab Melayu yang telah dibatalkan. Sehubungan dengan itu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 1 Oktober 2014 iaitu Mesyuarat MMKN yang pertama yang saya pengerusikan telah meluluskan penggantian tanah di daerah Hulu Selangor seluas 940.4 ekar dan MMKN bertarikh 8 Oktober 2014 meluluskan tanah di daerah Gombak seluas 895.0 ekar untuk diwartakan sebagai tanah rizab Melayu. Kelulusan cadangan penggantian tersebut menjadikan baki keluasan tanah rizab Melayu yang belum diganti sehingga kini adalah seluas 2031.74 ekar iaitu 18.34% daripada jumlah keseluruhan tanah rizab Melayu yang telah dibatalkan. Pada Disember 2014 Kerajaan Negeri telah mengenal pasti tanah-tanah bersesuaian di daerah Kuala Langat seluas 2496.53 ekar dan daerah Kuala Selangor seluas 500 ekar untuk dicadangkan sebagai tanah ganti tanah rizab Melayu. Kertas cadangan mengenai penggantian tersebut sedang disediakan oleh pejabat Tanah dan Daerah yang berkaitan untuk pertimbangan Mesyuarat MMKN. Apabila kertas cadangan mengenai penggantian ini diluluskan maka jumlah keseluruhan tanah rizab Melayu yang telah dibatalkan akan terlebih ganti sebanyak 964.79 ekar dan ini secara tidak langsung akan menambah lagi jumlah keluasan tanah rizab Melayu di negeri Selangor menjadi seluas 407587.35 ekar. Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Kampung Tunku dan Yang Berhormat Dusun Tua mengenai usaha kerajaan dalam membangunkan tanah rizab Melayu untuk maklumat Yang Berhormat tanah rizab Melayu di negeri Selangor sebahagiannya adalah melibatkan tanah-tanah hak milik. Walau bagaimanapun bagi tanah-tanah rizab Melayu milik kerajaan pihak kerajaan akan mempertimbangkan cadangan untuk memberi milik tanah-tanah ini kepada anak-anak syarikat kerajaan negeri Selangor untuk dibangunkan bagi memberi pulangan dan seterusnya dapat meningkatkan nilai tanah rizab Melayu tersebut. Berhubung Yang Berhormat Tanjung Sepat yang

mencadangkan supaya kerajaan negeri memberi milik tanah kepada golongan yang memerlukan dan menetapkan syarat-syarat supaya tanah tersebut tidak boleh dijual dan dipindah milik kecuali dipindah milik secara kasih sayang. Untuk makluman Yang Berhormat buat masa ini kerajaan negeri belum ada dasar untuk memberi milik tanah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tanjung Sepat. Walau bagaimanapun kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk mengeluarkan lesen TOL ke atas tanah-tanah kerajaan yang terbiar dan bersesuaian bagi tujuan pertanian kepada golongan belia. Langkah ini adalah bagi menggalakkan golongan tersebut menceburi bidang pertanian dan seterusnya membantu mereka menjana pendapatan melalui aktiviti pertanian.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan? Terima kasih Menteri Besar sukacita saya dengar tadi katakan TOL dibenarkan. Adakah TOL ini yang belia-belia dan orang awam yang nak minta ni melalui SUK atau pun Pejabat Tanah yang boleh luluskan TOL.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Pejabat Daerah dan Tanah. Saya akan beri perincian yang ada keluasan-keluasan yang telah ditetapkan oleh MMKN baru-baru ini. Yang Berhormat Hulu Kelang telah bertanyakan status tapak Sekolah Bukit Antarabangsa, sekolah rendah dan menengah. Berdasarkan maklum balas yang diterima sebahagian pembangunan Kementerian Pendidikan Malaysia cadangan pembinaan Sekolah Bukit Antarabangsa di Sungai Sering masih lagi tertanggung disebabkan fizikal tanah tapak sekolah tersebut adalah kawasan bercerun curam. Ini telah menyebabkan kos untuk menjalankan kerja-kerja tanah memerlukan peruntukan yang sangat tinggi. Oleh yang demikian pembangunan sekolah tersebut belum dapat dimulakan sehingga pihak kementerian dapatkan peruntukan tambahan untuk pembina sekolah dan menyelenggara cerun. Pada masa yang sama pihak Kementerian Pendidikan sedang meneliti cadangan untuk mendapatkan tanah ganti seluas 6 ekar di kawasan yang berhampiran untuk membina sekolah bagi anak-anak yang tinggal di beberapa tempat taman perumahan di puncak Bukit Antarabangsa. Yang Berhormat Kuala Kubu Baru telah membangkitkan isu tukar syarat tanah untuk penternakan ayam komersial dalam kawasan pertanian. Kerajaan negeri mengambil maklum mengenai isu penternakan ayam secara komersial dan berteknologi tinggi di atas tanah pertanian di mukim Kerling daerah Hulu Selangor. Isu ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah yang diadakan pada 27 Mac 2015 yang lalu. Memandangkan terdapat aliran sungai di dalam kawasan ini mesyuarat telah bersetuju supaya permohonan tersebut ditangguhkan terlebih dahulu sehingga jabatan-jabatan teknikal seperti LUAS, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Veterinar mengkaji kesesuaian aktiviti menternak ayam di kawasan yang berkenaan. Yang Berhormat Bukit Gasing dan Yang Berhormat Kinrara ada membangkitkan isu lesen pendudukan sementara ataupun TOL bagi tujuan *billboard* yang memakan masa yang terlalu lama di daerah Petaling dan Yang Berhormat Kinrara bertanya mengenai proses kelulusan TOL di daerah Petaling yang melibatkan tanah rintis TNB yang juga mengambil masa yang agak



lama walaupun telah memperoleh kelulusan daripada TNB. Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah mengeluarkan garis panduan lesen pendudukan sementara. Melalui pekeliling PTGS bilangan 7/2011 yang telah menetapkan bahawa lesen pendudukan sementara LPS bagi tujuan *billboard* hanya boleh dipohon Pihak Berkuasa Tempatan. Permohonan tersebut perlu mendapat kelulusan dari semua jabatan teknikal melalui jawatankuasa teknikal peringkat Pejabat Tanah dan Daerah. Walau bagaimanapun bagi permohonan LPS bagi tujuan *billboard* di atas jalan-jalan negeri ia terpaksa ditangguhkan atas sebab pihak JKR sedang mengkaji dan menyemak semula tatacara permohonan mendirikan struktur papan iklan ataupun *billboard*. Arahan rasmi yang tidak membenarkan pemasangan iklan di jalan-jalan negeri telah dikeluarkan oleh pihak JKR pada 13 Februari 2015 yang baru lalu. Untuk makluman Yang Berhormat Kinrara kerajaan negeri melalui arahan PTGS bilangan 1/2012 pada 16 Ogos 2012 telah mengarahkan pemberhentian penjualan pelan bagi tanah rizab kerajaan kepada orang awam sama ada bagi tujuan pemberimilikan tanah atau lesen pendudukan sementara. Kerajaan negeri juga telah mengarahkan agar semua permohonan pemberimilikan tanah dan LPS untuk tanah yang di peruntukan sebagai tanah rizab kerajaan tidak boleh diproses dan hendaklah ditolak terus menurut kaedah 3(d) dan (e) kaedah-kaedah tanah Selangor 2003. Sehubungan dengan itu permohonan LPS ke atas tanah rintis TNB yang merupakan tanah rizab kerajaan yang di peruntuk untuk laluan transmisi TNB juga tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam bil.2/2015 yang bersidang pada 27 Mac 2015 yang baru lalu telah membincangkan semula perkara ini dan hasil keputusan mesyuarat tersebut bersetuju supaya pengeluaran LPS atas tanah rizab kerajaan dibenarkan bagi tujuan seperti berikut. Pertama, tanaman kontan. Kedua, tempat letak kereta. Ketiga, tapak semeaian pokok hiasan atau nurseri. Keempat, papan iklan atau *billboard*. Kelima, pondok pengawal.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Mohon mencelah. Terima kasih Yang Amat Berhormat. Berkenaan dengan isu *billboard* dan tempoh masa yang panjang saya cuba maklum bahawa bukan pengusaha *billboard* yang memohon tapi pihak PBT yang memohon tapi walaupun pihak PBT yang memohon *government to government* tetapi masih terdapat kes aduan yang saya terima yang ambil sehingga setahun untuk TOL diluluskan. Dan ini adalah di kawasan Subang Jaya di mana tak ada jalan JKR kecuali satu jalan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya mengambil maklum perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing sebab itu yang saya nyatakan tadi dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam bil.2 yang diadakan pada 27 Mac 2015 yang lalu mengambil kira semua aduan yang kita terima sebelum ini termasuk kelewatan kelulusan kerana terikat dengan beberapa tafsiran dan surat pekeliling. Maka untuk memberikan penjelasan kepada semua pihak PBT dan pejabat Daerah dan Tanah supaya menerima pakai arahan dan

keputusan kerajaan negeri yang baru kita telah menyenaraikan apakah aktiviti yang dibenarkan bagi tujuan pengeluaran pembermilikan LPS ini untuk tujuan dan aktiviti yang tersebut yang disenaraikan dan saya percaya dengan garis panduan yang baru ini ia akan mempercepatkan proses pengeluaran LPS kepada pemohon yang berkenaan. Seterusnya pembinaan dewan di atas tanah rizab

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Untuk garis panduan yang baru ini adakah pihak swasta boleh terus memohon dengan pejabat Daerah ataupun masih lagi kena melalui PBT?.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Saya tidak dapat memberikan penjelasan secara khusus tentang mekanisme permohonan tetapi apa yang boleh saya beri jaminan di sini adalah garis panduan yang baru ini telah pun dimuktamadkan dan akan dibawa dalam Mesyuarat MMKN untuk kelulusan termasuk perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seri Andalas tentang bidang kuasa kelulusan sama ada ia di peringkat daerah atau di peringkat PTG ataupun di peringkat Pejabat Menteri Besar. Jadi perincian itu akan kita edarkan kepada semua pihak yang bertanggungjawab tentang proses pembermilikan LPS ini.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, tentang *billboard*. Jadi dalam perbahasan baru-baru ini, Kota Anggerik telah menimbulkan tentang kita sebagai kerajaan kenapa masih lagi *banner* yang memaparkan aktiviti-aktiviti dan program Dato' Menteri Besar pun pakai *banner* plastik jadi tidak bolehkah diselaraskan membina di setiap DUN satu lagi *billboard* yang ada gambar Menteri Besar dan gambar ADUN. Boleh?.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Ia saya setuju supaya *billboard* yang ada ni khususnya yang menjadi milik MBI dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Tapi tak perlulah gambar Menteri Besar seorang. Saya cadangkan biarlah gambar wakil rakyat di kawasan berkenaan dipamerkan bersama Menteri Besar. Dengan mesej yang jelas yang penting mesej itu penting tentang dasar-dasar yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri tetapi sekarang ada juga cadangan yang lebih kata orang proaktif untuk menggunakan *billboard* yang elektronik ini kerana ia dapat menjana pendapatan bagi PBT yang berkenaan khususnya mereka yang ingin mempromosikan produk jadi kita boleh gunakan dengan lebih lancar dan efisien *billboard* yang berkenaan dan ini sedang diteliti oleh pihak MBI kesesuaian projek tersebut. Yang Berhormat Lembah Jaya ada memaklumkan tentang terdapat dewan orang ramai yang dibina atas rizab jalan dan meminta kerajaan negeri membuat pembatalan rizab ke atas tanah tersebut. Kerajaan negeri mengambil maklum mengenai terdapatnya dewan-dewan orang ramai yang telah dibina di atas rizab jalan dan kawasan lapang. Merujuk kepada kaedah tanah Selangor 2003 tiada sebarang struktur binaan dibenarkan di atas tanah rizab kerajaan melainkan mendapat kebenaran daripada pegawai pengawal.

Sehubungan dengan itu kerajaan negeri sedang membuat kajian semula ke atas struktur binaan di atas tanah-tanah rizab kerajaan sebelum membuat keputusan sama ada tanah rizab tersebut perlu dibatalkan atau struktur binaan itu perlu dialihkan di atas tapak yang lebih bersesuaian. Kemudian Yang Berhormat Semenyih dan juga Yang Berhormat Hulu Kelang ada membangkitkan isu pengambilan tanah dan juga isu pampasan di Beranang bagi tujuan jalan keluar masuk ke Bandar Akademia di Negeri Sembilan. Untuk makluman Yang Berhormat Semenyih dan juga Yang Berhormat Hulu Kelang, permohonan kebenaran merancang bagi Cadangan Membina Jalan Keluar Masuk untuk Bandar Akademia dalam mukim Beranang oleh Syarikat Tetuan Akurjaya Sendirian Berhad telah dimohon kepada Majlis Perbandaran Kajang pada 9 Disember 2013 lagi. Dan telah diluluskan oleh MPKJ pada 19 Februari 2014. Seterusnya permohonan ini telah dibawa ke pertimbangan jawatankuasa khas pengambilan tanah negeri Selangor pada 14 Julai 2014 dan MMKN pada 6 Ogos 2014 pula telah menimbang dan meluluskan pengambilan tanah ini. Pengambilan tanah ini diluluskan setelah mengambil kira pandangan dan sokongan Jabatan Teknikal seperti Jabatan Kerja Raya pada 29 November 2013 yang lalu sebelum kebenaran merancang diberikan pada 9 Disember 2013. Rangkaian perhubungan yang sedia ada akan membentuk satu akses koridor pembangunan yang berterusan dengan kelebaran seluas 100 kaki. Jalan-jalan sedia ada di sekitar tapak iaitu Jalan Kampung Sungai Jai, Jalan Sesapan Batu Rembau, Jalan Sesapan Kelubi, Jalan Sesapan Batu Minangkabau, Jalan Ulu Beranang berkapasiti rendah bagi tujuan pembangunan berterusan dan tidak sesuai dijadikan jalan utama bagi pembangunan di kawasan sekitar untuk masa yang akan datang.

Kerajaan negeri berpandangan projek ini memberi impak yang baik dari segi ekonomi kepada kawasan sekitar terutamanya dalam meningkatkan nilai harga pasaran tanah-tanah *reserve* Melayu di kawasan yang berdekatan dan sekali gus membantu masyarakat Melayu mendapat impak positif daripada pembangunan Bandar Akademia. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun kelulusan MPKj telah diberikan pada 19 Februari 2014 namun ianya adalah bersyarat seperti berikut :

- cadangan laluan baru tidak melalui di atas kawasan penempatan sedia ada;
- kerja-kerja pembinaan jalan tersebut perlu mendapatkan kelulusan Jabatan Kejuruteraan MPKj terlebih dahulu;
- kerja-kerja pembinaan dijalankan tidak memberi gangguan di sekitar;
- jentera dan lori tidak dibenarkan melalui jalan dalam kawasan rumah kampung bagi memastikan keselamatan dan kesesakan penduduk;
- cadangan laluan jalan baru di atas lot-lot tanah persendirian perlu membuat pengambilan tanah di bawah Akta 486, Akta Pengambilan Balik Tanah 1960;
- pemotongan tanah bagi cadangan penstabilan di kawasan bersempadan hendaklah dibuat bagi memastikan tahap yang selamat;

- dan bertanggungjawab ke atas aduan-aduan yang diterima kesan kerja tapak dilaksanakan.

Berdasarkan rekod tempoh masa yang diambil bagi tujuan kelulusan pengambilan tanah bermula dari bulan November 2013 dan diluluskan MMKN pada 6 Ogos 2014. Nilai yang telah ditetapkan oleh JPPH adalah setelah kajian terperinci ke atas semua kerugian yang boleh dituntut dan seterusnya menasihati Pentadbir Tanah agar amaun yang diperoleh adalah berpatutan. Nilai tanah bagi pampasan yang telah ditawarkan kepada pemilik-pemilik yang terlibat adalah sekitar RM110.00 bagi satu meter persegi hingga RM220.00 satu meter persegi. Kesemua lot merupakan tanah pertanian dengan potensi perumahan kecuali Lot 1204 yang merupakan syarat nyata kediaman. Berdasarkan kepada rekod Pentadbir Tanah Hulu Langat semasa siasatan pengambilan balik dilaksanakan hanya 1 pemilik tanah berdaftar dan 1 pewaris tanah yang membantah secara rasmi daripada 70 pemilik tanah atau pihak berkepentingan bagi 27 lot tanah yang terlibat berkaitan tujuan pengambilan balik tanah. Selain itu petisyen membantah tujuan pengambilan balik tanah yang dihantar diterima pada 12 Disember 2014 oleh Pejabat Menteri Besar Selangor juga hanya melibatkan 10 pemilik tanah dan pihak berkepentingan yang melibatkan 6 lot tanah. Ok ...

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Saya dulu.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang dahulu.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ya, kita menerima aduan mungkin Yang Berhormat Semenyih pun menerima aduan sebagai Adun di kawasan. Jadi saya menerima aduan daripada seorang penduduk yang dia tidak puas hati. Jadi sekarang ini penerangan telah diberikan oleh jabatan berkenaan melalui sidang dewan oleh Dato' Menteri Besar. Apa mekanisme yang masih ada *still available* dengan izin untuk merungkaikan masalah ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang ya. Kita sedia maklum saya dah beri beberapa fakta sebentar tadi ada penduduk yang membantah tentang nilai pampasan yang telah diberikan. Berdasarkan Seksyen 35 Akta Pengambilan Balik Tanah 1960, pihak berkuasa negeri berhak untuk menarik balik pengambilan balik tanah yang telah diluluskan. Namun begitu implikasi terhadap penarikan balik tindakan pengambilan balik ini akan menyebabkan perkara-perkara yang perlu ditanggung oleh kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat mereka-mereka yang membantah tentang pengambilan ini masih ada ruang untuk mengemukakan bantahannya di mahkamah bagi pertimbangan mahkamah membuat keputusan sama ada nilai

yang telah diputuskan oleh JPPH itu adil atau pun sebaliknya. Dan kerajaan negeri akan patuh kepada keputusan yang dibuat oleh mahkamah sekiranya ada pihak yang mengambil keputusan untuk menyemak semula penilaian yang berkenaan. Jadi sama ada mereka ada ruang ya mengikut perundangan mereka boleh mengemukakan bantahan di mahkamah bagi menyemak penilaian yang telah dibuat oleh JPPH. Tapi di pihak kerajaan negeri kita terikat apa jua pampasan yang perlu dibuat mestilah mengikut penilaian yang telah diputuskan oleh JPPH.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Sikit lagi. Kos mahkamah akan ditanggung oleh kerajaan negeri atau oleh yang membuat rayuan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Oleh sebab mereka yang merayu mereka tanggunglah kos tersebut, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya difahamkan tadi, 9 Disember permohonan dilakukan pada tahun 2013 dan ianya diluluskan pada 9.2.2014 dan hampir sekitar dalam 2 bulan. Apa yang saya dapat aduan bahawa tiada sebarang notis pemberitahuan di kawasan kampung itu, jadi penduduk-penduduk di situ tak tahu tiba-tiba dapat borang untuk mengambil alih untuk membuat pampasan, itu yang pertama tiada notis. Yang keduanya tentang status tanah ini ada yang tanah boleh *reserved*, adakah gantian tanah boleh *reserved* ini dilakukan, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Semenyih yang mewakili penduduk-penduduk yang berkenaan untuk mendapatkan keadilan mereka, saya amat memahami perkara ini yang sering menjadi pertimbangan kerajaan negeri. Cuma saya hendak nyatakan sekali lagi, faktanya ialah permohonan dikemukakan pada 9 Disember 2013, kelulusan yang diberikan pada 19 Februari 2014 adalah dipihak MPKj belum sampai ke peringkat negeri lagi kerana setelah itu barulah kita mendapatkan kertas-kertas maklum balas dan Jawatankuasa Khas Pengambilan Balik Tanah Negeri Selangor yang bersidang pada 14 Julai 2014 meluluskan dan MMKN meluluskan hanya pada 6 Ogos 2014. Jadi makna proses itu memang dilalui tetapi Yang Berhormat ada membangkitkan tidak ada notis, tidak ada maklumat itu, saya akan semak tapi saya percaya Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat perlu mematuhi beberapa proses dalam pengambilan balik tanah yang berkenaan. Berhubung tanah rizab Melayu yang telah dibatalkan dan untuk tujuan pembangunan ini saya memberi jaminan kerajaan negeri akan menggantikan dan dalam menjawab soalan isu tanah rizab Melayu itu tadi pun setelah beberapa cadangan dikemukakan baru-baru ini, kita ada lebih gantian tanah *reserved* Melayu sebanyak 904 ekar. Jadi saya percaya proses ini akan berterusan dan saya bagi pihak kerajaan negeri memberi jaminan tanah-tanah *reserved* Melayu yang

dibatalkan bagi tujuan pembangunan akan diganti segera bagi memenuhi titah Tuanku baru-baru ini.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Minta penjelasan sedikit. Saya mengenai tanah rizab Melayu yang banyak diperkatakan, saya cuma hendak tanya dari segi kalau sama ada formula yang digunakan katakan pengambilan 1 ekar diganti 1 ekar dibuat bagaimana dengan nilainya. Contohnya diambil di kawasan bandar yang mempunyai nilai 1 juta, apakah diganti dengan 1 ekar juga tapi di kawasan yang tidak dinilai dengan sama, jadi bagaimana kerajaan negeri tentukan supaya *in case* nya dengan izin tetap sama tapi nilai itu juga mendapat pulangan atau pun mungkin dia 1 ekar RM1 juta dia gantikan dengan 10 ekar yang nilainya hampir RM1 juta.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Untuk maklumat Yang Berhormat Permatang dalam kes pembangunan jalan keluar masuk di Beranang ini, syarikat telah bersetuju untuk menanggung kos infra dan juga pengambilan tanah yang berkenaan dan permohonan untuk mengganti tanah *reserved* Melayu ini juga akan dibuat oleh syarikat berkenaan. Itu antara persetujuan yang telah dipersetujui dengan Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat dan juga pihak PTG Negeri Selangor. Yang Berhormat Tuan Speaker izinkan saya teruskan kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan dan juga Yang Berhormat Bukit Gasing tentang penurunan kuasa dan pembayaran premium tanah. Yang Berhormat Sekinchan telah mencadangkan penurunan kuasa untuk meluluskan permohonan kebenaran pindah milik menyeluruh atau *blanked approval* daripada Dato' Menteri Besar kepada Pengarah Tanah dan Galian Selangor dan mencadangkan supaya pemberian diskaun 30% untuk pembayaran premium juga diberikan kepada perniagaan dan industri. Manakala Yang Berhormat Bukit Gasing mencadangkan supaya mewujudkan skim untuk bayaran ansuran premium agar jumlah premium yang perlu dibayar itu mampu dibayar.

Untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan, penurunan kuasa daripada pihak berkuasa negeri kepada Menteri Besar bagi permohonan kebenaran pindah milik daripada Bumiputera kepada pemohon bukan Bumiputera dan kebenaran pindah milik menyeluruh atau *blanket approval* telah pun dilaksanakan melalui warta Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 7 Jun 1984. Apabila berlaku perubahan kepimpinan pada 23 September 2014, saya telah berbincang dengan Pengarah Tanah Dan Galian Selangor supaya penurunan kuasa tersebut disemak semula bagi menambah baik sistem penyampaian atau pun *delivery system* supaya lebih efisien dan mengurangkan birokrasi serta mempercepatkan pengeluaran keputusan bagi permohonan *straight forward case*. Pejabat Tanah Galian Dan Selangor telah diarahkan untuk membuat kajian berhubung perkara tersebut. Hasil kajian tersebut telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Tanah Dan Sumber Alam pada 27 Mac 2015 yang baru lalu yang mana mesyuarat telah bersetuju adalah wajar dipinda perwakilan kuasa yang diturunkan pada pihak berkuasa negeri kepada

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dipinda kepada Pengarah Tanah Dan Galian Selangor ke atas kebenaran permohonan pindah milik daripada Bumiputera kepada Bumiputera dan kebenaran pindah milik menyeluruh atau *blanket approval*. Jadi sebelum Yang Berhormat bangkit pun saya sendiri telah turunkan kuasa saya. Jadi saya memang *delegate*, saya memang tak diktator. Mesyuarat juga telah menetapkan bahawa alasan yang boleh dipertimbangkan ke atas rayuan pindah milik adalah berpandukan alasan yang kukuh seperti keperluan kewangan bagi menampung perbelanjaan perubatan dan juga pelajaran. Namun begitu bagi urusan rayuan ke atas permohonan kebenaran pindah milik yang telah ditolak oleh Pengarah Tanah Dan Galian Selangor mesyuarat bersetuju rayuan seterusnya boleh diangkat untuk pertimbangan untuk Dato' Menteri Besar.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pengarah Tanah Dan Galian sedang menyiapkan kertas cadangan bagi penurunan kuasa tersebut untuk pertimbangan MMKN yang akan datang. Untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan, kerajaan negeri belum ada perancangan dalam pemberian diskaun 30%, bayaran premium kepada perniagaan dan industri, hanya permohonan pemberian milikan dan melanjutkan tempoh pajakan bagi tujuan kediaman sahaja yang mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 2011 Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bilangan 6/2011. Diskaun 30% diberikan kepada pemohon individu sekiranya premium dijelaskan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh penyampaian notis borang 5A. Skim ini dilaksanakan selaras dengan dasar induk Merakyatkan Ekonomi Selangor yang antara matlamatnya adalah seperti berikut :

- Memberikan hak milik kepada individu yang telah lama menduduki tanah kerajaan tanpa kebenaran;
- Melanjutkan pajakan hak milik tanah individu yang telah luput tempoh pajakan dengan pengenaan premium yang mampu dijelaskan ;
- Memutihkan hak milik individu yang telah melanggar syarat kegunaan tanah;
- Menyamaratakan kegunaan premium kepada rakyat Negeri Selangor tanpa mengira kawasan dan lokasi tanah tersebut berada dan akhirnya;
- Menyelesaikan masalah orang ramai yang berkaitan ketidakmampuan menjelaskan bayaran premium tanah.

Selain memberikan diskaun 30% skim ini juga memberi peluang kepada rakyat Negeri Selangor membuat pilihan untuk menentukan kaedah pembayaran premium mengikut kemampuan masing-masing sama ada menjelaskan bayaran premium dalam tempoh 6 bulan dan mendapat diskaun 30% atau pun menjelaskan nominal pada kadar RM1,000 bagi setiap hak milik setelah diluluskan dan menjelaskan bayaran khas apabila tanah hendak dipindah milik daripada proses jual beli iaitu bayaran khas tanah adalah kadar bayaran *fee* sebenar dijelaskan sebelum urusan pindah milik didaftarkan. Untuk makluman Yang Berhormat, skim pemberian diskaun 30% diwujudkan untuk menggalakkan pemohon individu agar menjelaskan bayaran

premium dalam tempoh yang ditetapkan bagi permohonan pemberimilikan atau melanjutkan tempoh pajakan bagi tujuan kediaman sahaja kerana kediaman adalah keperluan asas rakyat. Manakala bagi tujuan perniagaan dan industri pemilik tidak layak menerima skim ini kerana ia bersifat keuntungan ataupun *profit making* serta hartanah tersebut mempunyai nilai tambah yang tinggi untuk tujuan jualan dan cagaran kepada institusi kewangan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, bagi aktiviti perniagaan dan industri dalam kawasan Kg. Baru Cina, pihak berkuasa negeri melalui Pekeliling Bil. 4/1999 yang dikuatkuasakan sejak 1999 masih digunapakai di mana diskaun diberikan sebanyak 50% ke atas kadar premium yang dikenakan untuk pemberimilikan dan lanjut tempoh pajakan bagi tujuan perniagaan dan industri.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta sedikit..Terima kasih Tuan Speaker. Minta sedikit penjelasan berkenaan dengan premium tanah ini. Saya mengucapkan tahniah kerana kerajaan negeri prihatin terhadap masalah Kg. Baru khususnya pemilik individu. Cuma dalam konteks ini, saya lebih nak nyatakan dengan soal bangunan perniagaan yang di pekan Sekinchan dan sebagainya. Mungkin ada di antara mereka adalah generasi yang ketiga, yang kedua, yang mewarisi, dan tempoh pajakan mereka dah sampai dan perniagaan mereka kedai kopi lama dan kadang-kadang pun tak berniaga pun. Dan mereka miskin, kalau..saya bagi contoh, lanjutan yang diluluskan 99 tahun RM150,000 premium. Kalau ada insentif seperti 30% mungkin mereka dapat kurang RM45,000, mungkin akan ringan sedikit bebanan. Saya minta Yang Berhormat Dato' Menteri Besar boleh pertimbangkan di dalam konteks ini, tapi perindustrian tak payah. Silakan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Saya memahami masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil khususnya termasuk di bandar Sekinchan. Walau bagaimanapun, ketika ini kita terikat dengan garis panduan yang sedia ada namun saya percaya pihak PTG pun boleh menimbangkan perkara tersebut. Mungkin dengan suasana ekonomi hari ini yang memerlukan sedikit bantuan dan dukungan daripada kerajaan negeri. Yang ini kita kena teliti dansemak dulu apakah dasar baru yang boleh kita perkenalkan untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh rakyat khususnya yang berpendapatan kecil dan sederhana. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Gasing, pembayaran premium secara ansuran pernah dilaksanakan sebelum ini namun, terdapat masalah di mana ansuran tidak dijelaskan sepenuhnya sehingga proses pengeluaran hak milik tertangguh, fail permohonan tidak dapat ditutup dan cukai tanah tidak dapat dikutip. Sehubungan dengan itu, pihak berkuasa negeri terpaksa membatalkan kaedah pembayaran premium secara ansuran sejak 1 Jun 2011. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Bukit Gasing juga, bagi pembayaran premium, pemberimilikan dan melanjutkan tempoh pajakan, pihak berkuasa negeri telah melanjutkan tempoh bayaran dari 3 bulan kepada 6 bulan berkuat kuasa pada 1 Jun 2011 untuk pemohon menjelaskan bayaran premium tersebut. Tempoh tersebut adalah satu tempoh yang panjang yang kepada pemohon untuk mendapatkan sumber kewangan



bagi membiayai bayaran premium tersebut walau bagaimanapun, pihak berkuasa negeri mengambil maklum isu bayaran ansuran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan akan mengkaji semula kaedah bayaran premium untuk membantu rakyat bagi tujuan perniagaan dan industri selaras dengan hasrat Yang Berhormat Sekinchan sebentar tadi.

Yang Berhormat Kg. Tunku bertanya tentang transaksi tanah yang melibatkan pecah bahagi hak milik strata telah mengambil masa sehingga 7 hingga 8 bulan dan kadangkala setahun walaupun bayaran telah dibuat dan beliau telah memberi contoh terdapat 455 permohonan pecah bahagi bangunan hak milik strata yang masih diproses di Pejabat Tanah dan Daerah Petaling sejak tahun 2008. Saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kg. Tunku mengenai proses ini. Dan ingin memaklumkan bahawa masalah tersebut berlaku disebabkan perkara-perkara berikut, pertama, masalah dari segi dokumen yang tidak lengkap yang dihantar oleh pihak pemohon melalui juruukur berlesen yang telah dilantik oleh pihak pemaju, kedua, pinda syarat nyata tanah dari status kediaman kepada kediaman dan perniagaan, yang ketiga, kuiri yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor yang gagal dijawab oleh juruukur berlesen, keempat, cukai tanah yang belum dijelaskan, yang kelima, tanah yang masih dalam status hak milik sementara, keenam, pindaan pelan cadangan strata, pelan bangunan dan *Certificate of Fitness and Compliance (CCC)* yang dibuat oleh pemohon dan yang ketujuh, pihak juruukur berlesen gagal menghantar pelan cadangan strata kepada pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan bagi maksud kelulusan pelan strata. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, kerajaan negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah memanggil pemohon atau pemaju untuk berbincang dan memberi khidmat nasihat dalam memastikan segala permohonan pecah bahagi bangunan selaras dengan Akta Hak milik Strata 1985. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, melalui akta ini, pihak berkuasa negeri tidak boleh menjalankan penguatkuasaan ke atas pemaju yang ingkar mematuhi syarat-syarat permohonan. Untuk makluman Yang Berhormat, melalui pindaan Akta Hak milik Strata yang baru iaitu Akta 318 yang dikuatkuasakan pada bulan Januari 2015, pihak berkuasa negeri telah diberikan kuasa untuk menguatkuasakan tindakan ke atas pemaju yang ingkar dan tidak mematuhi syarat-syarat permohonan hak milik strata. Sebagai langkah proaktif, bagi mengelakkan kelewatan proses yang melibatkan hak milik strata, kerajaan negeri telah mewujudkan sistem e-strata yang membantu proses segala urusan pendaftaran hak milik strata mengikut kadar tempoh hak milik yang lebih efisien. Pelaksanaan sistem e-strata ini telah diperkenalkan pada Januari 2015 di setiap Pejabat Tanah dan Daerah dan PTG Selangor. Melalui sistem tersebut, pihak PTD dan PTG telah membuat perancangan bagi memastikan segala tunggakan pendaftaran hak milik strata diselesaikan dalam tempoh yang terdekat. Berhubung Yang Berhormat Sabak yang membangkitkan isu tanah di Ladang Air Manis, saya ingin..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta mencelah. Tentang hak milik strata di mana saya memohon tadi Yang Amat Berhormat telah pun memberi sedikit penerangan terhadap kategori-kategori masalah yang menyebabkan kelewatan. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sama ada, mungkin bilangan kes-kes yang melibatkan, yang tergolong dalam kategori-kategori ini diberi kepada saya secara bertulis supaya kita dapat meneliti mana satu yang sebenarnya, masalah itu berpunca daripada pemaju sendiri. Walaupun bilangannya sebenarnya sangat banyak, 400 lebih di daerah Petaling, dan sekiranya saya bertanya sama ada ini mungkin dilakukan atau tidak. Dan saya berharap ia boleh dilakukan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Kg. Tunku. Saya bersedia untuk mengemukakan secara bertulis untuk rujukan Yang Berhormat dalam menyelesaikan isu ini secara bersama dengan kerajaan negeri dan juga pihak PTG. Yang Berhormat Sabak ingin mengetahui status pembangunan projek Ladang Air Manis. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Sabak, kerajaan negeri telah memberi milik tanah di Ladang Air Manis daerah Sabak Bernam kepada PNSB pada 24 Julai 2012 dan perkara ini telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat daripada Cempaka dalam penggulungan yang baru lalu dan kita menjangkakan projek ini dapat disiapkan pada akhir tahun 2015 ini, *Insyah-Allah*. Saya ingin menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Jaras, tentang penyelesaian setinggan yang berada berhampiran lebuhraya di Kg. Sri Indah. Isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Paya Jaras berkenaan penyelesaian setinggan ataupun peneroka bandar yang berada berhampiran lebuhraya di Kg. Sri Indah B telah mendapat perhatian khusus daripada kerajaan negeri, mereka akan dipindahkan ke tanah kerajaan, di lot-lot penempatan sedia ada di Kg. Sri Indah A dan B dan kertas ringkasan berkenaan isu ini telah pun disediakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Gombak untuk dibentangkan dalam MMKN dalam masa yang terdekat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengalih ada satu isu yang agak penting tentang pembangunan di Datum Jelatek. Sukacita saya menyatakan bahawa kerajaan negeri cukup komited untuk meneruskan pembangunan projek Datum Jelatek oleh Datum Corporation (Int) Sdn. Bhd. bagi tujuan pembangunan bercampur yang mengandungi bangunan perniagaan dan pejabat serta pangsapuri perkhidmatan atau *serviced apartment*. Dan kuota jualan minimum kepada Bumiputera adalah 50% dengan potongan harga 10% berdasarkan dasar semasa yang digunapakai oleh Pejabat Tanah dan Galian negeri Selangor. Untuk makluman dewan yang mulia ini, ini adalah langkah kerajaan negeri Selangor yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat untuk mengangkat martabat Bumiputera dan orang Melayu, bagi memiliki hartanah yang mempunyai nilai yang baik khususnya yang berada di bandar dan di pinggir bandar. Persoalannya mengapa apabila dirujuk orang Melayu, ia mesti setinggan, ia mesti rumah kos rendah? Itu dasar UMNO sebelum ini. Pakatan Rakyat ingin mengangkat martabat rakyat negeri Selangor tanpa mengira kaum dan latar belakang untuk memiliki hartanah yang ada nilai. Sebab itu lah

projek Datum Jelatek ini perlu diteruskan dan penjelasan perlu diberikan dan jangan ada pihak yang cuba memutarbelitkan keadaan seolah-olah orang Cina akan masuk ke kawasan orang Melayu. Saya tidak boleh menerima hujah dan alasan seumpama ini kalau ada pihak yang cuba main sentimen perkauman. Pembangunan di negeri Selangor ini adalah untuk semua rakyat di negeri Selangor ini tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang. Ini juga titah tuanku ketika merasmikan sidang dewan yang baru lalu.

Apa fakta yang perlu saya jelaskan pada petang ini? Projek Datum Jelatek ini akan berlaku di atas tanah seluas 5.65 ekar tanah. 5.65 ekar tanah. Sebelum ini, ini saya nak beritahu Sg. Burong. Mungkin Sg. Burong belum sampai ke tempat itu lah ya, tapi nampak minat sungguh tentang Datum Jelatek ini. Atas tanah ini, seluas 5.65 ekar ini, ada 4 blok pangsapuri yang dibina pada tahun 1970 ya. Di mana terdapat 144 kediaman dan 48 kedai dalam 4 blok itu. Daripada 144 kediaman yang telah dijual dan dimiliki oleh pemiliknya ialah hanya 50 kediaman. 50 kediaman. Kedai yang telah dijual 19 unit tetapi yang disewa oleh PKNS, kediaman ada 20, kedai ada 25 yang lain itu adalah unit kosong. Jadi, bila kita nak bangunkan projek ini, kita bayar pampasan yang begitu besar. Sebagai contoh, bagi mereka yang memiliki rumah, yang saya sebut ada 50 pemilik daripada 144 dia beli rumah itu pada tahun 1970, harganya RM19,000.00. Pampasan yang kita bayar kepada mereka ialah di antara RM250,000.00 hingga RM300,000.00 kita bayar tunai. Di mana kita mengkhianati orang Melayu? Tak ada satu jenis Pelaburan, kita labur RM19,000.00, kita dapat RM250,000.00, sebut saya. Tak ada. Tetapi kerajaan Selangor, pimpinan Pakatan Rakyat memikirkan bahawa ini adalah pemilik asal unit tersebut, kita bayar, RM250,000.00 hingga RM300,000.00 kepada 41 pemilik rumah tersebut. Saya sebut tadi 50. 9 lagi, dia cabar kita di mahkamah. Dia tak puas hati sebab bagi dia RM250,000.00 tak cukup. Dia nak RM1 juta. Dia cabar mahkamah, mereka kalah. Sembilan-sembilan keluarga kalah. Walaupun mereka kalah di mahkamah, kita masih membayar mereka RM130,000.00 hingga RM165,000.00. Ini kenyataannya. Begitu juga bagi mereka yang memiliki kedai. Ada 19 kedai, mereka beli kedai ini, harga RM63,000.00 kita bayar pampasan kepada mereka RM450,000.00 hingga RM500,000.00 tunai kepada 13 pemilik kedai kerana ada 6 pemilik kedai yang cabar di mahkamah. Sekali lagi, keenam-enam ini gagal di mahkamah, Kerajaan Negeri tidak menganiaya mereka. Kita masih membayar kepada mereka RM155,000.00 hingga RM197,000.00. Apa yang saya nak sampaikan sini ialah pemilik unit asal di 4 pangsapuri ini amat gembira dengan Kerajaan Negeri kerana pampasan ini cukup mewah bagi mereka dipindahkan ke tempat lain. Yang datang kacau ini adalah PERKASA, ISMA dan orang luar yang tiada kaitan dengan pembangunan di kawasan tersebut. Itu yang pertama. Yang kedua, ada juga saya sebut tadi yang kedai kita jual 19, kita sewa 25. Kita sewa, dia menyewa saja, penyewa pun kita nak pindahkan mereka, kita bayar RM24,000.00 padahal mereka penyewa. Itu kita terpaksa tangguh 600,000 bagi 25 kedai yang disewa. Di depan blok ini, ada 54 bazar bukan pun milik PKNS. Ianya adalah milik MPAJ, tetapi oleh kerana PKNS nak bangunkan tanah ini, dengan ihsan PKNS, kita

bayar kepada 54 penyewa bazar, bukan pemilik, RM24,000.00 seorang yang melibatkan kos kepada PKNS RM1.3 juta Jadi setiap pemilik rumah mendapat 13 kali ganda pulangan daripada harga asal rumah yang tersebut. Itu fakta nya Y.B. Sungai Burong. Baik sekarang kita nak bangunkan. Riu , habislah Melayu, Melayu mana habis. Ya. Saya nak beritahu, komponen pembangunan di Datum Jelatek ini ada 674 unit. Dia ada 4 blok. Daripada 674 unit ini Pihak Berkuasa PTG telah menetapkan bahawa 50% jualan, kuota jualan untuk bumiputera dan 50% lagi untuk bukan bumiputera. Baik, apa alasan yang YB Sg. Burong, orang Melayu tidak mampu. Ini nilai mahal, saya nak beri fakta. Setakat ini, pendaftaran pembeli terkini, bumiputera yang telah mendaftar untuk membeli unit-unit di sini sebanyak 1023 orang. Sedangkan unit untuk bumiputera hanya 50% daripada 674. Maknanya kita ada sekitar berapa, 337 untuk bumiputera yang daftar ialah 1023 orang bumiputera. Yang bukan bumiputera 900 orang. Maknanya yang telah mendaftar sebagai pembeli yang berminat untuk memiliki hartanah ini ialah 58%. Dan daripada 1023 , 230 adalah anak tempatan yang duduk di jalan Enggang Taman Keramat. (*ketuk meja*) 230. Jadi di mana orang Melayu tak mampu ni. Ya. Ini masalah UMNO ialah dia nak pemimpin duduk rumah besar, rakyat duduk setinggan. Dia tak mahu rakyat duduk rumah mewah. Saya tahu sebagai amalan UMNO dulu, orang Melayu duduk tepi sungai, duduk setinggan, 5 tahun sekali dia ugut, nak tanah, undi Barisan Nasional. Itulah amalan dah 50 tahun. Tetapi bagi Pakatan Rakyat (*tepek meja*)..bagi Pakatan Rakyat bagaimana kita mengupaya Melayu baru bumiputera. Beri mereka peluang untuk memiliki hartanah yang ada nilai supaya inilah pelaburan jangka panjang untuk generasi akan datang. Itu yang pertama. Yang kedua, saya nak ajak Sg. Burong pergi tengok pembangunan di Bukit Jelutong. Nilai hartanah di Bukit Jelutong, satu banglo saja saya dengar tidak kurang dari 3juta ringgit. Rumah teres tidak kurang 1juta ringgit. Tapi yang YB Sg. Burong, 80% pemilik hartanah di Bukit Jelutong adalah orang Melayu.(*tepek meja*) Jangan, jangan hina orang Melayu, orang Melayu sekarang mampu memiliki hartanah (*tepek meja*) yang bernilai untuk masa depan. Ini sahaja. Jadi kalau inilah fakta yang saya nak berikan, mengapa saya perlu diserang dan kerajaan negeri dituduh khianat kepada orang Melayu. Kita mahu pembangunan itu dapat memberi peluang kepada bumiputera dan orang Melayu memiliki hartanah yang ada nilai , yang akhirnya pembangunan Datum Jelatek juga akan membangunkan nilai hartanah di Jalan Enggang dan kawasan-kawasan sekitar. Apakah itu hendak dinafikan oleh, Sg. Burong dan UMNO. Kalau benar Sg. Burong ini pejuang Melayu, pejuang Melayu, saya nak minta tolonglah kepada YB Sg. Burong, tanah sebelah Datum Jelatek ini, ini mungkin tahu tapi sengaja tak nak tahu. Penyakit tadi, yang sebut tadi *selektif emnesia*. Sebelah Datum Jelatek ini tanah Express Nasional Berhad, MARA Holdings, ok. Tanah ini ada 2 blok, satu berukuran 2023 persegi, satu lagi 6373 meter persegi. Jumlahnya hampir 8400 meter persegi yang asalnya dimiliki oleh MARA Holdings melalui Express Nasional Berhad. YB, YB sedar atau tidak, bahawa tanah ini telah dijual kepada tauke cina yang bernama *Greenstone Development Sdn Bhd*. Ini berlaku. Sekurang-kurang Datum Jelatek masih dimiliki oleh PKNS, syarikat, anak syarikat Kerajaan Negeri yang diserang oleh UMNO tetapi syarikat

MARA yang ada tanah asalnya 8400 meter persegi telah bertukar tangan kepada cina Sg. Burong diam, Permatang diam, kerana tidak, kerana tunduk kepada tauke cina tapi nak lawan orang Melayu di negeri Selangor. Saya tidak akan tunduk kepada ugutan seperti itu. Kalau benar perjuangannya. Mengapa tanah milik MARA Holding boleh berlepas tangan kepada tauke cina. Jawab. Bangun.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Pertama sekali ni saya nak mungkin menjelaskan lah bukan maknanya kita ni bila membangkitkan isu yang berlaku Datum Jelatek ini kita bersebab perkauman. Kita ni membangkitkan , Sg. Burong membangkit kerana mempertahankan hak, kepentingan bumiputera di kawasan tersebut, ya. Tadi memang tak dijelaskan bahawa mereka yang tanahnya terlibat dengan projek Datum Jelatek ini diberikan pampasan yang sewajarnya. Tetapi isu yang Sg, Burong ingin ketengahkan ialah ialah mereka yang tinggal di kawasan Datum Jelatek ini hendaklah dipertahankan supaya mereka kekal menjadi orang kata penghuni masyarakat di dalam kawasan Datum Jelatek kerana mereka ada merupakan penghuni-penghuni yang asal yang diprogramkan untuk berhijrah daripada kawasan luar Bandar ke Bandar pada masa itu. Tentang soal harga pasaran, ya, kompaun yang dibayar begitu tinggi sebenarnya ini adalah merupakan harga pasaran ya. Yang di mana-mana pun , bukan saja di Datum Jelatek. Kalau tanah tu diambil balik bayaran yang akan dikemukakan ialah pada harga pasaran dan kalau harga pasaran tidak setuju, mereka boleh menuntut mahkamah yang dalam perkara ini dah dilakukan oleh sebahagian mereka yang membantah. Isunya sekejap lagi ya, kalau dapat saya mendapatkan penjelasan, lepas tu YAB Menteri Besar boleh memberikan penjelasan. Ya.

**Y.A..B DATO' MENTERI BESAR:**Ok... duduklah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dak, saya tak habis lagi.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Tak habis lagi.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tak habis lagi. Jadi soalnya sekarang ini ialah bagaimana kerajaan Pakatan Rakyat ini harus mempertahankan supaya mereka ini dapat memiliki harta mereka di sana. Kalau, tak habis lagi, kalau mereka ini dapat memiliki harta yang dibangunkan dan dijual oleh mereka di sana, kesemuanya maka itu merupakan satu tindakan yang telah, apa ni kata kita persetujui pertahankan. Soalnya ya, bila kita mendapat tahu ya, ada mereka yang bantah kerana mereka tidak dapat ya, wajaran yang sebenar kerana itu saya membangkitkan kepada Y.A.B. Menteri Besar atas dasar kepedulian. Ya, saya dah sebut hari tu dalam ucapan saya, dalam perkara yang saya bangkitkan, walau mereka seorang pun terutama di kawasan Y.B. ya, jadi kerana mereka ini hendaklah diberikan perhatian, perhatian dan bantuan sewajarnya supaya mereka tidak terpinggir daripada arus perdana, soalnya ialah...

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Puan Speaker. Cukuplah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Soalnya ialah berapakah harga

**TUAN SPEAKER:**Ringkas kan Sg. Burong. Ayat terakhir..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** ialah harga yang mampu milik oleh mereka di bangunan-bangunan yang baru yang akan diberikan oleh projek PKNS kerajaan negeri.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Dua-dua, dua-dua alasan yang diberikan oleh Sg. Burong tidak tepat dan menyempang daripada fakta yang sebenarnya. Yang pertama ya, saya dah sebut tadi pemilik asal di 4 blok ini hanya 50 orang daripada 144 unit ya. Sebahagian besarnya maknanya adalah milik PKNS. Jadi PKNS ada hak untuk membangunkan tanah yang dimiliki oleh PKNS. Dan 50 ini dengan suci hati, istilah yang digunakan oleh Sg. Burong ya, menerima pampasan yang begitu mewah kerana kalau mengikut harga pasaran yang YB Sg. Burong, untuk satu kediaman hanya lah 130,00 ke 165,00. Dia beli hanya 19,000.00. tapi kerajaan negeri Pakatan Rakyat bayar mereka 250,000-00 hingga 300,000-00. Jadi sudah tentulah mereka gembira menerima pampasan yang begitu besar dan kita beri *option* yang kedua, kalau dia nak ambil wang tunai keseluruhannya 300,000 ok tetapi kita bagi *option* kerana kita mahu mereka memiliki hartanah, mereka boleh menggunakan wang yang dibayar ini untuk sebagai modal membeli hakmilik di Datum Jelatek. Mereka diberikan, pilihan pertama untuk memiliki hartanah tersebut. Yang ketiga, apa pilihan yang kita beri kalau dia nak rumah PKNS telah menyediakan rumah pangsapuri yang baik, di Gombak dan sebahagiannya kita beri dengan wang tunai. Semua *option* ini diberikan. Itu yang pertama. Maknanya dari segi *contact* orang di situ yang peneroka asal, yang duduk asal memang mereka amat gembira. Ada salah seorang mereka yang terima 300,000-00 membina sebuah banglo di Sg. Sering 3 tingkat. Saya boleh bawa Sg. Burong. Apa kah Sg. Burong cemburu orang Melayu boleh bina banglo 3 tingkat. (tepek meja) Tak kanlah pemimpin UMNO saja boleh bina banglo, rakyat tak boleh. Jangan, jangan ada hasad dan dengki dalam diri kita. Tak boleh. Itu yang pertama. Yang kedua, baik projek sekarang, kita nak bangunkan, oh mahal, habislah orang Melayu, cina masuk. Tak ada. Saya sebut tadi, 1023 orang Melayu sudah daftar walaupun harganya di antara 700,000 ke atas, orang Melayu mampu. Ia mungkin generasi pertama, ayahnya tidak mampu yang duduk di Jalan Enggang. Tapi anaknya sekarang doktor, *engineer*, dia mampu, mengapa kita tidak memberikan peluang kepada mereka. Mereka anak tempatan, mereka ada keupayaan, ada potensi dan akhirnya hartanah ayahnya juga yang berdekatan, dapat naik nilainya. Jadi tolong Sg. Burong nyatakan fakta ini kepada kawan-kawan termasuk Ismail Kijo yang berminat nak jadi apa ni, Menteri Besar yang akan datang, cuba tanya YB Lembah Jaya, mengapa Lembah Jaya, Y.B. Lembah Jaya sekarang menang di kawasan itu. Sebab Ismail Kijo

rampas tanah yang telah diperuntukkan oleh, untuk sekolah agama. Sekolah agama pun UMNO ambil dan beri kepada Cina. Apa nak jadi. Semua orang Lembah Jaya tahu, sekarang ni Ismail Kijo nak jadi juara Melayu gelanggang, heh balik kampunglah, tengok masalah sendiri supaya jangan putar belitkan kenyataan apa yang berlaku. Saya minta Sg. Burong kalau boleh, balik beritahu Ismail Kijo lebih baik tumpu tanah MARA Holdings. Jangan kacau Datum Jelatek. Baik buat demo di MARA Holdings. Bertanya MARA Holdings, kenapa kamu jual kepada *Greenstone Development Sdn. Bhd.* Sudah 2 kali permohonan *Greenstone* di bawa kepada kerajaan negeri, saya tangguh kelulusan sebab saya nak tahu mengapa perkara ini berlaku. Bagaimana tanah MARA Holdings boleh berpindah milik kepada tauke cina. Ini patut Sg. Burong bangkitkan. Jangan kacau di Datum Jelatek.

**TUAN SPEAKER:** 10 minit lagi cukup ke Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Cukuplah Speaker. (Ahli dewan ketawa) Saya pun rasa dah puas hari ini. Ada isu yang dibangkitkan tentang tender terendah ini, saya dah jawab dalam sesi soal jawab, tapi saya boleh kemukakan soalan secara bertulis. Walau bagaimanapun, saya agak kecewa kerana Yang Berhormat Pelabuan Kelang menggunakan media untuk menyerang tak masuk dalam dewan. Tuduh bahawa sistem yang baru ini menjurus ke arah rasuah, salah guna kuasa. Saya pun tak tau apa nak cakaplah. Saya pun tak nak bertelagah dengan dia. Dia pun orang lama. Cuma berlaku adil lah. Kerajaan negeri hari ini cuba sebaik mungkin untuk menambah baik sistem tender terbuka ini kerana saya nak tegaskan sekali lagi, sistem yang baru ini masih kekal sebagai satu proses tender dan sebut harga terbuka, ya, cuma yang membezakan hanya kaedah pengiraan kepada sistem *cut off* dalam julat yang saya sebut tadi hingga *minus* 20%

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Minta penjelasan. Kami faham mengapa sistem baru ini digunakan tapi bagaimana Yang Amat Berhormat meyakinkan ahli-ahli dewan dan adakah tempoh perjumpaan akan ditetapkan untuk sistem *cut off* ini. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Seperti Yang Berhormat sedia maklum, ya, sistem yang baru ini baru bermula pada 1 Januari 2015. Yang Berhormat juga sedia maklum, saya dengar banyak perbincangan sebelum ini, sistem tender dengan harga terendah ini menimbulkan banyak masalah dan kita telah huraikan fakta-faktanya berapa banyak projek yang tertangguh, berapa banyak projek yang terbengkalai, berapa banyak kontraktor yang tidak dapat masuk ke tapak kerana tidak mampu melaksanakan kerana harga yang diletakkan terlalu rendah. Ada yang sampai 40% bawah harga anggaran jabatan semata-mata untuk mendapat kontrak tersebut. Tapi bila dah dapat, dia tak boleh buat kerja. Maka akhirnya, kos itu akan lebih besar kepada kerajaan negeri. Apa yang kita lakukan sekarang ialah, kita pastikan, sekurang-kurangnya ada 10 pembida. Tender terbuka, 10 pembida membida kerja tersebut. Tidak boleh kurang daripada 10. Dia mesti minimum 10 pembida yang

akan mengemukakan harga masing-masing. Jadi di mana ada penyelewengan, ya? Terbuka 10, nanti sekejap Yang Berhormat Damansara Utama, bagi saya habis sekejap. 10 pembida, dia berdasarkan harga di pasaran dan dia akan kemukakan pembidaan masing-masing, kemudian apa yang dilakukan dengan sistem *cut off* ini ialah kesemua pembida itu bersama dengan anggaran jabatan akan diambil dia punya, dipanggil *adjusted mean*. Katalah ada 20 pembida, campur satu lagi anggaran jabatan, harga anggaran jabatan, 21 harga kita dapatkan dia punya *adjusted mean* dan daripada katalah *adjusted mean* itu 50 juta maka yang kita tetapkan 20% daripada 50 juta maknanya 10 juta mana-mana pembida di antara 40 juta, maknanya 10 juta di bawah *adjusted mean* dan 20% di atas *adjusted mean*, maknanya di antara 40 juta hingga 60 juta akan disenarai pendekkan untuk dipertimbangkan. Kemudian masuk pula saringan kedua daripada senarai pendek ini, mereka kena *go through* satu lagi proses iaitu untuk urusan teknikal dan juga kewangan. Jadi proses ini amat ketat untuk memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja dan ada kapasiti dan kemampuan untuk menyempurnakan kerja itu akan ditawarkan dalam sesuatu kerja. Ini yang kita cuba buat yang terbaik. Jadi, jangan gunakan media untuk menyerang pentadbiran tanpa fakta yang betul. Untuk dia bertanya soalan saya terima, tetapi datanglah dalam dewan. Tanya soalan dan saya boleh jawab. Jangan *hit and run*. Ini bukan satu sikap yang bertanggungjawab oleh seorang Ahli Dewan Negeri.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Boleh saya minta sedikit penjelasan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar? Saya nampak dalam media di mana Pelabuhan Kelang mengatakan bahawa sistem *cut off* ini adalah kita kembali ke zaman Barisan Nasional. Betul ke tidak? Sila perelaskan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan kerana mengingatkan saya. Saya baca kenyataan dia. Dia kata amalan sistem *cut off* ini dilaksanakan sebelum tahun 2008 oleh UMNO. UMNO mana ada sistem. (Ahli dewan ketawa). UMNO dia *direct nego* sahaja. Dia bagi sahaja, tak ada sistem. Jadi, macam mana dia nak samakan dengan UMNO?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Yang ni nak tanya. Ni zaman yang Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Pejabat Kementerian Kewangan ke?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya bukan Menteri masa itu. Saya pegawai. (Ahli dewan ketawa). Ok?

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta penjelasan. Bukit Antarabangsa, Damansara Utama minta mencelah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Damansara Utama.



**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** *Problem* dengan kontraktor sekarang, *is more than price*. Saya ingat pengurusan kontraktor-kontraktor *management, monitoring*..pemantauan kontraktor adalah salah satu problem yang sangat besar di PBT dan di agensi pelaksana. Macam mana kerajaan negeri boleh memastikan dengan 20 *cut off system, we are paying more*. Tetapi kalau pemantauan tidak ada, *is the same thing. This is the first question*. Yang, soalan yang kedua ialah, *the process* untuk tender, yang pertama yang *selection* itu adalah ada sikit *problem* dengan *current system on which, technical* ataupun *financial capability of the contractor is not evaluated. If the system is good, evaluation of the contractor based on financial and technical is good, actually, you will get..you do not need a cut off system*. So, saya rasanya, *root problem* itu adalah pemantauan dan *selection process* dengan *award*. Kita boleh cuba dengan *cut off system* tapi *I*, saya cadangkan kerajaan bahawa kita juga tengok dari segi pemantauan kontraktor dan juga dengan *selection contractor process*. Kena tambahbaikkan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya, saya setuju seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Damansara Utama, kita lihat keberkesanan sistem ini kerana ia baru sahaja dilaksanakan dan soal pemantauan itu mesti dijalankan bersama juga dengan *technical and financial valuation* yang telah saya jelaskan. Di mana kita menggunakan *cut off point 20 percent* itu supaya sama ada di bawah paras anggaran jabatan ataupun di atas *adjusted mean* tadi supaya kita dapat *shortlist* beberapa syarikat yang ada *capacity* untuk mengendalikan projek ini dan mesti disertakan dengan pemantauan supaya mereka dapat melaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sukacita saya menyatakan di sini ya, dalam tempoh 3 bulan sahaja kita melaksanakan projek ini, kita telah berjaya buktinya, dalam tempoh 3 bulan, 11% daripada kos ini dapat digunakan untuk projek-projek yang lain. Jadi, ini satu permulaan yang baik namun kita akan teruskan pemantauan oleh jabatan-jabatan yang terlibat dalam pelaksana projek-projek tersebut. Jadi, jabatan-jabatan teknikal ini mestilah memastikan projek yang telah dianugerahkan itu mematuhi spek yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Saya akan kemukakan apakah keberkesanan sistem ini, mungkin dalam sesi belanjawan yang akan datang dan kita akan pastikan, yang penting, sekira niat Kerajaan Negeri itu untuk memastikan prinsip *value for money*, ketelusan, keterbukaan ini dapat dipertahankan dalam projek-projek yang terlibat dalam perolehan seperti ini.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih. Saya sokong niat itu dengan sepenuh hati tetapi saya ingin bertanya juga. Selain daripada *cut off system* memang terkenallah di Malaysia, kontraktor Ali Baba. Kontraktor yang mendapat tender, dia *bid* untuk tender, dia dapat tender tapi dia akan *sub-contract* kepada pihak yang lain. Jadi, saya rasa juga penting bagi kerajaan negeri Selangor dalam kita membaiki sistem pemilihan kontraktor, kita kena mengatasi juga budaya Ali Baba ini di negeri Selangor di mana tak ada lah sampai dua tiga peringkat *sub-contractor* yang timbul supaya yang dapat kontrak itu yang benar-benar melaksanakan projek tersebut. Saya rasa, untuk mengurangkan projek sakit, *one of*

*the ways*, satu daripada caranya ialah kita kena *make sure* yang dapat kontrak itu ialah yang benar-benar melaksanakan projek.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Ya, kita mahu *the real of praitor* untuk mengendalikan projek tersebut. Sebab itu dalam penilaian teknikal yang saya nyatakan tadi, bukan sahaja soal *technical and financial valuation* yang kita telitikan tetapi kerajaan negeri juga akan merujuk kepada Lembaga Pembangunan Industri Binaan (CIDB) ini untuk melihat rekod-rekod kerja syarikat yang berkenaan untuk memastikan *track record* mereka benar-benar berupaya untuk melaksanakan projek-projek yang akan kita anugerahkan. Jadi, kita akan pastikan perkara-perkara ini diberikan perhatian. Akhirnya, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya percaya ada beberapa isu lain yang perlu saya kemukakan tapi saya pohon Yang Berhormat Tuan Speaker untuk memberikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Bukit Gasing tentang pelan induk pengangkutan awam ini kita ada perbincangan dalam sesi soal jawab tetapi jawapan yang lebih terperinci akan saya serahkan secara bertulis. Kemudian berhubung cadangan daripada Yang Berhormat Sabak tentang pembangunan di Sabak Bernam juga saya pohon izin untuk dikemukakan secara bertulis. Yang Berhormat Sg. Panjang, tentang *indicator* yang digunakan, tentang pengiktirafan Selangor sebagai negeri maju juga saya akan kemukakan secara bertulis tentang kriteria yang telah diputuskan dan Yang Berhormat Batu Tiga ada mencadangkan supaya kita mendapat maklumat yang terperinci tentang tahap pendapatan penduduk di negeri Selangor. Ini juga telah kita putuskan dalam sebenarnya dalam *Retreat* kerajaan negeri Selangor baru-baru ini di mana kita akan jalankan dengan *MIER (Malaysian Institute of Economic Research)* untuk menjalankan kajian pendapatan isi rumah bukan di peringkat negeri tetapi hingga ke peringkat daerah kerana daerah itu mempunyai latar belakang yang berbeza. Mungkin di Petaling, pendapatan isi rumah berbeza dengan daerah di Sabak Bernam ataupun di Tanjung Karang dan ini akan dibuat dengan *MIER* bagi mendapatkan satu statistik yang lebih tepat dan menyeluruh dalam menggubal dasar-dasar yang akan datang.

Akhirnya Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak jawab..

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Hulu Kelang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Hulu Kelang tentang?

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ada beberapa perkara yang tinggal. Terutamanya Speaker, terutamanya tentang perakuan wujudnya pakar-pakar dan penjawat awam yang komited dalam membentuk Rancangan Struktur Selangor. Itu perlu ditegaskan di mana di dalam itu perlu kita unjurkan pada masa depan, pendekatan menangani pendatang-pendatang dari negara asing. Mestilah ada kelainan dari segi .... dan saya telah menyentuh pemerdagangan manusia, Selangor perlu menangani dengan lebih teratur berbanding dengan kerajaan pusat. Kemudian yang keduanya, tentang, saya mencadangkan, perlu adanya Program

Basmi Kemiskinan yang *embedded*, dengan izin, dalam seluruh program yang melibatkan struktur Rancangan Selangor 2035 dan akhir sekali, permintaan yang saya buat, untuk sekian kalinya, untuk dipertimbangkan agar Hari Vasakhi dianggap sebagai hari cuti umum bagi masyarakat Punjabi Sikh.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang pertama, tentang peranan dan ni, cadangan RSNS, Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035. Seperti Yang Berhormat Hulu Kelang maklum dalam perbahasan yang saya ikuti secara tekun, kita bangga dengan Pengarah dan pegawai-pegawai di Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang bekerja dengan cukup baik, komited dalam membantu kerajaan negeri untuk menggubal perancangan menjelang 2035 dan antara komponen yang kita teliti juga ialah soal pembangunan modal insan kerana terlalu banyak penghijrahan warga asing dan pekerja asing ke dalam negeri Selangor dan sudah tentulah isu pendidikan itu amat penting sekali supaya kita dapat melahirkan graduan yang berkemahiran dan berteknologi tinggi bagi meningkatkan produktiviti dalam negeri Selangor dengan itu, kita tidak perlu lagi tenaga kerja dan yang murah daripada negara-negara luar berhijrah ke negeri Selangor. Ini antara perancangan jangka panjang yang telah kita telitikan dan isu pendidikan antara asas yang perlu kita berikan perhatian. Yang ketiga, soal cuti umum sempena sambutan hari Vasakhi, saya kira perkara ini akan kita bincangkan untuk diputuskan di masa yang akan datang. Akhirnya, Yang Berhormat Tuan Speaker, ada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sg. Burong. Tentang..

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Minta celah.

**TUAN SPEAKER:** Seorang lagi dekat belakang. Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Satu sahaja. Terima kasih. Saya ingin nak tanya Yang Amat terhormat Dato' Menteri Besar memandangkan ada banyak kita kata 'Projek Sakit' di peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan Barisan Nasional, adakah bagi deposit yang dikenakan kepada kontraktor-kontraktor atau mana-mana pihak yang untuk melaksanakan projek-projek infra yang mana merupakan perkara penting bagi kita sama ada deposit yang dikenakan itu adakah munasabah atau terlalu rendah supaya kita..

**TUAN SPEAKER:** Teratai, saya minta Teratai *checkhansard* esok pagi. Soalan ini telah dijawab oleh Cempaka waktu pagi tadi. Teruskan Bukit Antarabangsa.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Saya bagi 2 minit lagi boleh?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** 2 minit sahaja saya bagi.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Untuk habiskan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sikit sahaja nak tanya fasal, saya ada bawa isu mengenai dengan CF dan pengambilan ataupun status

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya, JKR yang jalan JKR.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Yang dua perkara tu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Y.B. Ulu Bernam..maaf Y.B. Batang Kali, saya pohon izin untuk...sebab itu secara spesifik jalan JKR yang dibangkitkan sudah dua kali dalam sesi ini dan sesi yang lepas saya akan bagi secara bertulis pada Y.B. Akhirnya pertanyaan tentang oleh Y.B. Sungai Burong tentang Penasihat Ekonomi. Mengapa? Sungai Burong berminat ke? *I mean* janganlah bangkitkan benda-benda yang menunjukkan sikap dendam kesumat tak habis-habis. Sudah-sudahlah. Kita buat secara merit yang memerlukan bantuan dan idea-idea beliau. Mengapa marah sangat dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim ni, ya? Saya tak de masalah kalau Sungai Burong tak terima Datuk Seri Anwar ataupun tak suka dia, tak pe. Tak de masalah bagi saya. Tapi Sungai Burong kena ingat 52% rakyat menyokong kepimpinan beliau dalam pilihanraya yang lepas ya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Boleh minta penjelasan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dalam titah ucapan membahaskan titah D.Y.M.M. Tuanku, kita perlu untuk membangunkan Negeri Selangor dengan lebih maju. Jadi, kita kalau ada Penasihat Ekonomi yang pada pendapat saya mempunyai kekangan untuk memberikan perkhidmatan, dia duduk dalam penjara, jadi kenalah saya dalam tempoh berkenaan ya, mengapa tidak apa ni Y.A.B. Dato' Menteri Besar melantik Penasihat Ekonomi yang baru. Besok kalau misalnya Datuk Anwar Ibrahim dah keluar daripada penjara dan masa itu dia menjadi Wakil Rakyat atau nak jadikan penasihat sebagai Penasihat Umum PKR untuk jadikan Penasihat Ekonomi tak de masalahnya. Itu kemudian saya tidak ada berdendam sama saya. Ini sebab kepentingan. Kita telah melihat bagaimana Negeri Selangor mengalami krisis pelantikan pimpinan politik ya. Yang hari ni *Alhamdulillah*bersyukur pula ya, kerana ada krisis tu Y.A.B. Menteri Besar jadi Menteri Besar apa antarabangsa. Kalau tidak dulu nak lantik isteri jadi perkara-perkara ini tentulah menjadi penilaian kepada rakyat. Jadi saya sebagai Wakil Rakyat, saya mencadangkanlah saya tidak ada niat, saya nak bagitahu nak bagi penegasan dalam Dewan hari ni bukan niat saya, saya berdendam kepada Penasihat Ekonomi tu. Dan bolehlah kalau Y.A.B. Dato' Menteri Besar nak meneruskan, itu pandangan saya sebab saya berpendapat ada orang lain lagi yang boleh memainkan peranan yang mungkin lebih berkesan dalam keadaan kekangan yang tersebut yang berlaku.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Itu yang saya tanya tadi kalau Sungai Burong berminat dan boleh hantar CV biodata. Boleh kita pertimbangkan ya. Tapi..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya tak berminat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tak minat. Ialah saya percaya. Nanti jap. Duduk jap. Dia tak boleh dua-dua bangun. Saya tau Sungai Burong tak berminat sebab masalah Ketua Pembangkang pun tak selesai lagi ya. Ada 12 Ahli Dewan Negeri UMNO takkanlah seorang pun tak layak. Tengok Dengkil tu dengan cerianya. Dengan tenaga mudanya. Berilah peluang. Daripada kerusi tu kosong, isilah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Boleh dapat penjelasan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tak payah penjelasan ya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Pasal ni..

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Cuma, nanti jap.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Isu ni berkaitan dengan isu Pengerusi PAC..

**TUAN SPEAKER:** Saya nak Menteri Besar gulung Sungai Burong. Saya nak Menteri Besar habiskan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Sebab Y.B. Sungai Burong saya nak habiskan ya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ya lah tadi sebab ruang tu dibangkitkan jadi saya nak dapatkan penjelasanlah isu tentang berkaitan Ketua Pembangkang ni.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tak pe tak apa. Kalau nak esok hantar surat dengan CV gambar, poster tu

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tak, tak, tak, tak berminat. Carilah orang lain dalam Pakatan tu lagi ramai.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Latar belakang biru.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dalam kalangan Ahli Dewan ini pun tengok muka-muka apa ramai muka-muka yang boleh ditawarkan dan boleh mampu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Kalau boleh bila ambil gambar tu senget sikit.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Kita bukan itu lah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ok. Saya nak habiskanlah ayat-ayat yang terakhir ya. Ini secara serius lah ya. Saya minta...

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya nak cadangkan di sini. Isu Ketua Pembangkang ni. Isu Ketua Pembangkang kalau misalnya betul-betul lah nak memastikan supaya Ketua Pembangkang wujud, mengapa saya cadangkan supaya Ahli Dewan ini membuat usul lah dijadikan peraturan supaya diwajibkan Ketua Pembangkang diwujudkan. Boleh buat usul. Kalau diterima jadikan peraturan. Macam mana peraturan dalam...

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dia tak payah buat usul.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Jadi macam tu terikat. Yang ni kita jangan mengikat-ikat paksa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ini bukan paksaan. Ini memang...nanti nanti dengar. Ini amalan dalam semua negara demokrasi. Kita nak suburkan demokrasi dala Negeri Selangor. Kita menghargai dan mengiktiraf peranan Ketua Pembangkang. Kalau di United Kingdom, Ketua Pembangkang tu bertaraf Menteri. Setiap hari Rabu Perdana Menteri kena berdepan dengan Ketua Pembangkang. Itu wajib. Begitu tingginya darjat demokrasi di United Kingdom. Sini, bila ada Ketua Pembangkang di Parlimen, dulu Datuk Seri Anwar Ibrahim Perdana Menteri tak berani masuk Parlimen. Tak berani. Jadi, saya nak tutup Tuan Speaker, serius ya. Tak suka dia tak pe lah. Tapi jangan bina satu perasaan dengki, hasad dan dendam. Saya tak kata Sungai Burong. Ini umum. Jangan. Jangan. Sebab rakyat sedang meneliti juga. Rakyat sedang tengok. Dia mendapat sokongan 52% kepimpinan beliau dalam pilihan raya yang lepas. Sebab itu UMNO semakin takut tetapi kita kena...apa latar belakang dia? Saya nak baca yang ni. Yang ni daripada Asia Euro Money ya. Apa dia kata? "*Shortly after becoming Finance Minister, Euro Money named him as a top four Finance Minister and in 1996 Asia Money named him as the Finance Minister Of The Year*". Euro Money mengisytihar Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai *Finance Minister Of The Year*. Ini kita kena terima hakikat makna pengalaman beliau. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Bank Dunia Jawatankuasa Pembangunan yang melibatkan negara-negara maju dan juga negara-negara yang sedang membangun. Kemudian dari segi akhlak dan peribadi, saya nak berterus-teranglah kalau ulama tersohor hari ini, Dr. Yusof Qaradawi boleh terima Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai ahli keluarganya. Saya percaya Sungai Burong tau bagaimana tradisi dan kebudayaan dan ketamadunan orang Arab ini. Kalau dia tak suka seseorang dari segi akhlak dan peribadi, dia takkan benarkan boleh masuk rumah. Tetapi Dr. Yusof Qaradawi, ulama tersohor dunia hari ini yang pernah menerima Tokoh Maal Hijrah Kerajaan Persekutuan melihat Datuk Seri

Anwar ni sebagai ahli keluarganya sendiri dan telah menulis beberapa artikel mengingatkan umat Islam supaya jangan terjebak dengan budaya fitnah yang sedang melebar dalam negara kita. Jadi, atas pertimbangan itu, tak pelah hari ni dia dalam penjara besok belum tentu. Dalam keadaan sekarang ini, haaa....Tun Dr. Mahathir dah pergi, jaga-jaga ha Bergoyah. Hari ini dalam penjara esok belum tentu. Tetapi walaupun dia dalam penjara, apakah saya tidak boleh mendapat nasihat beliau dengan penulisan beliau, dengan rujukan beliau, dengan kertas kerja yang telah dibentangkan di seluruh dunia? Saya boleh rujuk kepada idea-idea beliau dan sebab itu bagi saya beliau masih Penasihat Ekonomi di Negeri Selangor. Jadi dengan kata-kata itu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Y.B. yang telah memberikan pandangan dan cadangan, saya secara serius mengambil maklum tentang cadangan-cadangan tersebut, Y.B. juga sedia maklum saya duduk di sini saya ikuti dengan tekun, saya mengambil nota sendiri dan saya beri jaminan cadangan-cadangan yang dikemukakan termasuk daripada Barisan Nasional adalah satu perkara yang serius yang perlu diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri dalam usaha kita untuk membangunkan Negeri Selangor ini. Sekian, terima kasih, *Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Hiwabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi seperti berikut :

“Ampun Tuanku,

Patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Ketiga Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas”.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

#### **USUL INI DIPERSETUJUI**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Rang undang-undang Perbekalan Tambahan (No. 2) (2014) 2015 (Semua Peringkat).

**SETIAUSAHA DEWAN :** Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

1. Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberikan kuasa statutory bagi bayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan negeri tahun 2014 yang telah tidak diperuntukkan oleh undang-undang sedia ada.

**TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT SEKALIAN,**

2. Melalui Enakmen Perbekalan (2014) 2013 yang telah diluluskan pada 29 November 2013, sejumlah RM1,731,966,477.00 (Ringgit Malaysia Satu Billion Tujuh Ratus Tiga Puluh Satu Juta Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Ribu Empat Ratus Tujuh Puluh Tujuh) telah diperuntukkan bagi perbelanjaan perkhidmatan Negeri Tahun 2014. Seterusnya, melalui Enakmen Perbekalan Tambahan 2014 pula, sebanyak RM494,190,947.00 (Ringgit Malaysia Empat Ratus Sembilan Puluh Empat Juta Satu Ratus Sembilan Puluh Ribu Sembilan Ratus Empat Puluh Tujuh) telah diluluskan pada 18 April 2014 untuk perbelanjaan tambahan pertama perkhidmatan Negeri tahun 2014.
3. Berpandukan keperluan kewangan semasa, terdapat kekurangan peruntukan bagi jabatan-jabatan tertentu. Sehubungan dengan itu, Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) 2014 sebanyak RM3,869,860.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta Lapan Ratus Enam Puluh Sembilan Lapan Ratus Enam Puluh) adalah diperlukan bagi menampung kekurangan tersebut. Peruntukan tambahan yang diperlukan adalah seperti jadual berikut :

**JADUAL**

<b>Maksud</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Amaun (RM)</b>
B.03	Dewan Negeri Selangor	3,671,030.00
B.11	Pejabat Mufti	57,990.00
B.14	Jabatan Agama Islam Selangor	<u>140,840.00</u>
	<b>Jumlah</b>	<b><u>3,869,860.00</u></b>

**TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT SEKALIAN,**

4. Bagi Maksud Bekalan **B03 – Pejabat Dewan Negeri Selangor**, sejumlah RM27,388,697.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Tujuh Ribu Tiga Ratus Lapan Puluh Lapan Ribu Enam Ratus Sembilan Puluh Tujuh) telah disediakan pada tahun 2014 untuk perbelanjaan pejabat tersebut. Walau bagaimanapun, Pejabat Dewan Negeri telah berbelanja melebihi peruntukan sebanyak



RM3,671,025.63 (Ringgit Malaysia Tiga Juta Enam Ratus Tujuh Puluh Satu Ribu Dua Puluh Lima dan Sen Enam Puluh Tiga) untuk menampung perbelanjaan emolument seperti gaji, elaun tetap dan imbuhan tahunan. Sehubungan dengan itu, tambahan sebanyak **RM3,671,030.00** (Ringgit Malaysia Tiga Juta Enam Ratus Tujuh Puluh Satu Ribu Tiga Puluh) adalah diperlukan bagi menampung perbelanjaan ini.

5. Bagi Maksud Bekalan **B11 – Pejabat Mufti** pula, sejumlah RM3,126,034.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta Satu Ratus Dua Puluh Enam Ribu Tiga Puluh Empat) disediakan untuk perbelanjaan Pejabat Mufti dalam tahun 2014. Walau bagaimanapun, pejabat ini telah berbelanja melebihi peruntukan sebanyak RM57,988.74 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Tujuh Ribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Lapan dan Sen Tujuh Puluh Empat) untuk menampung keperluan bayaran elaun tetap. Sehubungan dengan itu, peruntukan tambahan berjumlah **RM57,990.00** (Ringgit Malaysia Lima Puluh Tujuh Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh) diperlukan untuk menampung perbelanjaan pejabat ini.
6. Bagi Maksud **Bekalan B14 – Jabatan Agama Islam Selangor**, sejumlah **RM140,840.00** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Empat Puluh Ribu Lapan Ratus Empat Puluh) adalah diperlukan untuk menampung perbelanjaan melebihi peruntukan sebanyak RM140,839.80 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Empat Puluh Ribu Lapan Ratus Tiga Puluh Sembilan dan Sen Lapan Puluh) yang telah direkodkan oleh Jabatan ini di bawah perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain iaitu bagi menampung bayaran elaun guru KAFA.

**TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT SEKALIAN,**

7. Dengan penjelasan yang diberikan tadi, saya mencadangkan satu Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) 2014 bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan, untuk perbelanjaan tambahan kedua tahun 2014 berjumlah RM3,869,860.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta Lapan Ratus Enam Puluh Sembilan Ribu Lapan Ratus Enam Puluh) dan memperuntukkan wang itu bagi maksud yang tertentu dibaca **Kali Yang Kedua**.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku, saya bagi maksimum 10 minit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, terima kasih. Saya akan...tidak akan berbahas panjang. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang-Rang Undang ini di mana perkara pertama yang saya ingin sentuh ialah berkenaan

dengan pengurusan Dewan Negeri Selangor. Saya masih ingat beberapa tahun yang lalu Dewan ini pernah membincangkan dengan mendalam satu cadangan untuk membina dewan ataupun Bangunan Dewan Negeri yang baru dan saya telah pun meneliti keperluannya dan saya mendapat bahawa Kerajaan harus bersiap sedia melalui bekalan ini mungkin pada masa-masa yang akan datang kita perlu memikirkan keperluan *facilities* Ahli-Ahli Dewan Negeri ini. Kalau kita lihat kerusi kosong yang ada di sini, kita ada lebih kurang 7 ataupun 8 kerusi kosong. Sekiranya semula kawasan-kawasan pemilihan dijalankan dalam PRU yang akan datang ini diluluskan barangkali kita akan melihat peningkatan kerusi di Negeri Selangor dan sekiranya ini berlaku maka kita akan menghadapi satu masalah iaitu Dewan ini mungkin tidak mempunyai ruang yang cukup untuk Ahli-Ahli Dewan menjalankan aktiviti mereka. Juga dapat dilihat oleh masyarakat bahawa semua Jawatankuasa Pilihan dan Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan hendak menjalankan aktiviti mereka dengan rancak dan saya memanglah menyokong Bekalan Tambahan B03 ini dan saya percaya bahawa ianya perlu di pertimbangkan dari masa ke semasa supaya selaras dengan keperluan semasa.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku Rang-Rang Undang Pembekalan Tambahan ini merujuk kepada gaji, elaun tetap dan imbuhan tahunan jadi saya minta perbahasan atas hal-hal terperinci ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:**Ya saya memang menjurus kepada hal-hal yang terperinci di mana ianya melibatkan maksud bagi bekalan iaitu bekalan terhadap elaun Ahli-Ahli Dewan Negeri dan keperluan ADUN bagi menjalankan tugas dalam Dewan ini. Perkara kedua yang juga saya ingin sentuh adalah berkenaan dengan Bekalan B11 berkenaan dengan Pejabat Mufti dan B14 Jabatan Agama Islam Selangor di mana sebanyak tambahan RM58,000.00 kepada Jabatan Mufti dan RM140.00 kepada masuk bekalan iaitu emolumen bagi guru-guru KAFA oleh JAIS. Satu isu yang saya ingin sentuh adalah berkenaan dengan satu undang-undang yang terletak di pentadbiran kedua-dua jabatan ini iaitu Pejabat Mufti dan Jabatan Agama Islam Selangor iaitu Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Negeri Selangor Tahun 2003. Ini adalah satu undang-undang yang terletak di bawah Pentadbiran oleh Pejabat Mufti dan juga JAIS. Masalah pertukaran agama di kalangan suami isteri bukan Islam merupakan satu masalah penting yang perlu ditangani oleh Kerajaan di Negeri Selangor dan juga semua Kerajaan-kerajaan Negeri di Malaysia. Masalah ini timbul apabila berlaku salah seorang darisuami isteri...

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku tidak berkaitan yang ini perbelanjaan pejabat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:**Ya.

**TUAN SPEAKER:**Dan untuk JAIS elaun Guru KAFA.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:**Berkaitan Tuan Speaker di mana Pejabat Mufti ini adalah satu pejabat yang salah satu undang-undang yang terletak di bawah Pengurusan Pejabat Mufti ialah Undang-Undang Enakmen Keluarga Islam Negeri Selangor Tahun 2003 tapi saya tidak panjang hanya satu muka surat sahaja, tak panjang.

**TUAN SPEAKER:**Tidak berkaitan Kampung Tunku perbelanjaan pejabat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:**Ya lah perbelanjaan pejabat.

**TUAN SPEAKER:**Sudah memesong.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Adalah berkaitan dengan pejabat itu digunakan untuk mentadbir Undang-Undang Enakmen Keluarga Islam dan ini adalah masuk bekalan jadi saya memohon teruskan kerana isi saya tidak panjang cuma satu *point* yang penting sahaja Kerajaan Negeri Selangor perlulah melihat Rang-Rang Undang ini dan menjalankan pindaan yang diperlukan supaya masalah mereka yang..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, Peraturan Tetap Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Peraturan Tetap mana?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, 36(i). "Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu". Yang dibincangkan ini adalah berkenaan dengan Agama Islam di bawah Perkhidmatan Ikhtisas dan perkhidmatan lain jadi saya kira apa yang dibincangkan oleh Kampung Tunku sudah terkeluar daripada tajuk.

**TUAN SPEAKER:** Saya bersetuju dengan Sungai Pinang. Kampung Tunku ada isu lain?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya bukan menyentuh tentang JAIS saya juga menyebut tentang Pejabat Mufti tapi saya sudah menyebutkan tadi bahawa salah satu Undang-Undang Enakmen Keluarga Islam ini adalah di bawah Pentadbiran Pejabat Mufti.

**TUAN SPEAKER:** Tak berkaitan Kampung Tunku. Kampung Tunku tolong masuk kepada *point* yang lain ataupun saya akan hentikan perbahasan Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ini sahajalah *point* yang hendak saya kemukakan di sini dan saya akur dengan keputusan Tuan Speaker dan saya akan tengok jika boleh saya akan bawa pada sidang yang akan datang.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih, Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ambil bahagian menyokong Rang Undang-Undang Tambahan Bekalan ini di atas sebahagian bekalan Dewan Negeri Selangor. Pertamanya kita ucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah memberikan pelbagai kemudahan dan kecekapan kakitangan Urus Setia Dewan uruskan berbagai-bagai aktiviti yang melibatkan tuntutan *claim* dan sebagainya di mana satu perkara yang masih saya kurang puas hati adalah kedudukan Speaker yang sepatutnya menguruskan satu peruntukan yang membolehkan keputusan lebih pantas dilakukan. Satu contoh yang kita ambil *Select Committee* dengan izin Jawatankuasa Pilihan Dewan makin aktif dan dengan kerjasama Mantan Speaker yang berada dalam MMKN hari ini telah memberikan satu *facilities* memudahkan lagi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dengan mesyuarat dan sebagainya. Tapi ada satu ketika kami Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan ingin merangka satu lawatan ke Aceh yang dinasihatkan oleh pakar di Universiti Malaya. Belanjanya tidak besar tetapi itu pun disekat dan dihalang dengan alasan MMKN pada masa itu merasakan tidak ada gunanya pergi ke Aceh belajar *study* kes-kes yang berjaya di Malaysia pun sudah memadai dan kadang kala kita juga merasa terkilan memandangkan dan kita nak belajar daripada negara-negara yang dekat contohnya Singapura tentang pengurusan PBT, pembasmian kemiskinan yang belanjanya tidak banyak tetapi dikawal dengan ketat oleh pihak MMKN, kena angkat kertas kerja dan sebagainya dan ini seolah-olah melihatkan bahawa kuasa Speaker terlalu terbatas hingga menyebabkan bajet lima ribu, enam ribu, sepuluh ribu pun masih perlukan kelulusan daripada MMKN. Saya tidak jelas setakat mana ini disekat oleh Kewangan di bawah PWN tapi dari segi kewibawaan dan kedudukan Speaker dan *Select Committee* itu dengan izin Jawatankuasa Pilihan agak terbatas dan ia tidak menampakkan suasana prinsip perjuangan demokrasi yang hendak dimartabatkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Jadi di samping itu juga adalah saya sendiri berpuas hati dengan tuntutan yang diuruskan dengan cekap oleh pegawai-pegawai, kerjasama yang diberikan oleh pegawai, bimbingan yang diberikan oleh pegawai dalam mengisi borang dan sebagainya. Tapi dari satu sudut yang masih kabur adalah kemudahan perubatan. ADUN yang telah banyak kali dibangkitkan oleh Seri Andalas jadi kalau boleh dipertimbangkan setakat manakah kelulusan yang berkaitan dengan perubatan di luar skim penglibatan hospital kerajaan boleh dimanfaatkan dan diberikan kepada ADUN-ADUN dan selain daripada itu juga saya difahamkan satu inisiatif yang baik yang dilakukan oleh Timbalan Speaker untuk membetulkan kedudukan arah kiblat di surau-surau di Bangunan Annex tidak betul dan telah melakukan inisiatif membeli karpet untuk membetulkan. Dan saya difahamkan peruntukan tidak diberikan tetapi ianya telah menyebabkan ADUN-ADUN yang Muslim memberi sumbangan. Itu tidak ada masalah tapi saya rasa di satu bangunan lokasi yang begini ceria, hebat dan sebagainya. Pendekatan sebegini saya rasa kurang tepat kerana dia tidak mengamalkan satu penyusunan organisasi di bawah bidang kuasa Dewan Negeri dimartabatkan. Jadi itulah isu-isu yang ingin saya ketengahkan dan saya

menyokong bekalan yang ingin ditambahkan di dalam Dewan Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ada lagi yang nak bahas? Kalau tidak saya jemputpihak Kerajaan untuk memberi penggulungan atau penjelasan. Silakan Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker saya hanya ingin menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Hulu Klang berkenaan dengan dewan. Yang pertamanya berkenaan dengan cadangan Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan untuk lawatan ke Aceh. Perkara ini telah pun dibincangkan di peringkat MMKN apabila permohonan telah dibuat dan buat masa ini saya tidak dapat ingat apa yang telah dibincangkan pun dalam MMKN tapi saya kira perkara ini prosedurnya diperlukan kerana buat masa ini mengikut sistem yang ada masa sekarang ini segala permohonan peruntukan bagi lawatan ke luar negeri perlu diluluskan oleh pihak MMKN melainkan Dewan ini dapat meluluskan undang-undang selesa yang pernah dicadangkan itu tapi ada kekangan sedikit dan perkara ini perlu dikaji tapi kalau mengikut peraturan yang sedia ada ini memang diperlukan kelulusan daripada MMKN untuk lawatan ke luar negeri tapi perkara ini saya kira perkara ini boleh diperkemas lagi sekiranya Dewan merasakan bahawa prosedur ini mungkin mengenakan terlalu banyak kekangan halangan mungkin perkara ini boleh di bawa pada masa akan datang. Permohonan seperti ini boleh dibincangkan dalam Jawatankuasa Pengurusan Dewan dan selepas itu Jawatankuasa Pengurusan Dewan dapat bertindak seperti Jawatankuasa Hal Ehwal selain Islam di mana perkara yang terperinci akan dibincangkan di peringkat jawatankuasa tersebut sebelum di bawa ke MMKN supaya anggota yang menduduki jawatankuasa itu dapat memberi penjelasan kepada MMKN. Buat masa ini segala permohonan dibawa terus di bentang terus kepada MMKN jadi alasan yang terperinci mungkin tidak dapat dijawab dengan baik.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:**Saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi berkenaan kekangan untuk enakmen selesa selepas 2 tahun penggal ini ada tak perkembangan untuk mengatasi kekangan-kekangan ini?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya ulasan telah pun diperoleh dari Penasihat Undang-Undang dan perkara ini telah pun dipanjangkan dan disampaikan kepada pihak Speaker dan saya percaya Tuan Speaker akan berbincang dengan Jawatankuasa dalam dewan untuk melihat dan mengkaji semula di manakah kelemahan-kelemahan yang wujud dan cadangan tersebut dan selepas itu bolehdibawa kembali aktiviti ini. Yang keduanya berkenaan dengan kemudahan perubatan ini. Kerajaan Negeri telah pun dalam proses memperkenalkan insurans dan ini akan diuruskan oleh pihak Urus Setia dewan Negeri. Yang ketiganya urusan membetulkan kiblat yang menyebabkan perbelanjaan dan sebenarnya ini adalah di bawah Pentadbiran Dewan Negeri itu sendiri dan tidak ada kena mengena dengan pihak eksekutif kerana peruntukan telah diberi kepada Dewan dan mungkin pihak

Jawatankuasa Pengurusan Dewan sebab ini adalah masalah kewangan Pentadbiran Kewangan di peringkat Dewan Negeri tidak ada kena mengena dengan MMKN kerana peruntukan telah diberi terpulang kepada kebijaksanaan dan perancangan di peringkat Dewan Negeri dan ini boleh di bawa ke Pentadbiran Dewan Negeri. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, saya hanya ingin menyatakan di sini apa yang kita saksikan pada petang ini satu perbelanjaan yang telah pun berlaku dalam tahun 2014. Saya perlu menjelaskan kepada Dewan kerana Pentadbiran yang baru merasakan sebarang Rang Undang-Undang Pembekalan Tambahan mestilah disandarkan dengan satu justifikasi yang cukup kuat dan kalau boleh kita elakkan kerana ini bukanlah amalan yang baik dalam pengurusan kewangan cuma apa yang kita saksikan hari ini bukan belanja 2015 adalah belanja bagi tahun 2014. Mungkin ada yang menyatakan bahawa mengapa tidak ada penyelarasan melalui vot yang sedia ada. Pelarasan di antara vot tidak boleh dibuat di antara jabatan yang berbeza kerana ianya adalah menyalahi Peraturan Kewangan dan Enakmen dan pelarasan di antara vot tidak dibuat bagi memastikan peruntukan setiap jabatan adalah seperti yang diluluskan di dalam Enakmen Perbekalan. Sehubungan dengan itu, peruntukan Tambahan Kedua 2014 perlu dibentangkan di dalam Dewan Negeri selaras dengan Perkara 88, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 yang menggariskan perkara berikut :-

Apa-apa wang yang telah dibelanjakan bagi apa-apa maksud melebihi amaun yang diuntukkan bagi maksud itu melalui Enakmen Perbekalan, maka satu anggaran tambahan yang menunjukkan jumlah wang diperlukan atau yang dibelanjakan itu hendaklah dibentangkan dalam Dewan Negeri dan kepala apa-apa perbelanjaan itu hendaklah dimasukkan suatu Rang Undang-undang Perbekalan'.

Jadi Enakmen itu jelas yang tidak membenarkan penyelarasan vot ini dibuat di antara jabatan. Ianya hanya dibenarkan dibuat dalam jabatan yang sama. Itu yang pertama.

Yang keduanya, saya juga ingin menyatakan di sini, apa yang boleh dilakukan ialah Perbendaharaan Negeri boleh menggunakan peruntukan daripada vot B 29 bagi menampung kekurangan yang dihadapi oleh jabatan-jabatan. Walau bagaimanapun, semasa penutupan akaun 2014 dilaksanakan, tiada baki di dalam vot B 29 yang membolehkan pelarasan dibuat ke atas kekurangan yang direkodkan oleh 3 jabatan ini kerana sebahagian besar daripada peruntukan vot B 29 bagi tahun 2014, iaitu sebanyak RM11.73 juta terpaksa digunakan untuk bayaran yang tidak diperuntukkan iaitu bagi menampung tuntutan bayaran Pelan Tindakan 3 Bulan Pembersihan Awam dan Pengurusan Sisa Pepejal oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi sebab itu, kita terpaksa kembali semula dalam Dewan ini seperti Enakmen menetapkan

dan inilah yang kita lakukan supaya ada ketelusan, keterbukaan dalam berbelanja di peringkat negeri Selangor.

Akhirnya, berhubung dengan cadangan untuk mengemukakan Rang Undang-undang tentang selesa seperti yang dinyatakan. Perkara ini memang dalam perhatian oleh Y.A.B. Speaker dan Penasihat Undang-undang Negeri sedang meneliti dan menyemak apakah peruntukan-peruntukan yang tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan Kerajaan Negeri mengemukakan Rang Undang-undang ini dan saya percaya dengan semangat dan kefahaman yang telah kita bincangkan selama 2 tahun ini, *Insyah-Allah* Rang Undang-undang yang bertujuan untuk mengangkat martabat Dewan ini dapat dikemukakan dalam masa yang terdekat. Terima kasih, Y.B. Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, sebelum saya meneruskan Agenda seterusnya, oleh kerana urusan Dewan masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Y.A.B. Menteri Besar untuk membawakan Usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa suatu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, Pindaan 2015 diluluskan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Cadangan di hadapan Dewan ini ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan kali yang kedua. Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**TUAN SPEAKER:** Pencadang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini, Fasal demi Fasal.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:**Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 1 dan Fasal 2.

**TUAN SPEAKER:** Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual.

**TUAN SPEAKER:** Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:**Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:**Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.



Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan kali yang ketiga. Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) (2014) 2015.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Dewan seterusnya, Rang Undang-undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2015 (semua peringkat).

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

**TUAN SPEAKER:** Silakan Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

1. Saya bangun mencadangkan suatu Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Pindaan) 2015 yang bertujuan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 untuk bacaan kali kedua.
2. Perlembagaan Persekutuan telah pun memperakui kedudukan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Ketua Agama Islam di negeri yang berkenaan. Perkara 3 Fasal (2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan “di dalam tiap-tiap negeri selain negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam di negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu tertakluk kepada Perlembagaan itu segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam, tidak tersentuh dan tercacat.”
3. Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 juga mempunyai peruntukan yang sama seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perkara 96 iaitu “segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam hendaklah tidak tersentuh dan tercacat atau dikurangi oleh Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor itu sendiri.”
4. Perkara 47 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 memperuntukkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku hendaklah menjadi Ketua Agama Islam dan boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama Islam dan menubuhkan Majlis

Agama Islam Selangor untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

5. Selaras dengan peruntukan Seksyen 4 dan 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Majlis Agama Islam Selangor berfungsi untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam selain Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan. Selanjutnya Majlis Agama Islam Selangor adalah pihak berkuasa utama agama Islam selepas Duli Yang Maha Mulia Tuanku.
6. Sejak tahun 1952, undang-undang bertulis berkaitan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Negeri Selangor iaitu Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1952 telah diwujudkan. Undang-undang tersebut telah dipinda dari semasa ke semasa untuk tujuan penambahbaikan sesuai dengan perubahan zaman dan masa. Pindaan kali pertama dibuat pada tahun 1989, pindaan kali kedua pada tahun 2003 dan pindaan yang terkini adalah pada tahun 2008 di mana pindaan tersebut telah berkuat kuasa dengan pewartaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Pindaan 2008 pada 31 Disember 2008. Seterusnya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 telah dipinda kali terakhir pada tahun 2011 dan diwartakan pada 12 Ogos 2011.
7. Cadangan pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Pindaan) 20115 ini juga telah dibincangkan dan diputuskan di dalam Mesyuarat MAIS Bil. 1/2014 pada 21 Januari 2014 dan Mesyuarat MAIS Bil. 1/2015 pada 10 Februari 2015 serta Mesyuarat Khas MAIS Bil. 1/2015 pada 10 Mac 2015 supaya dibuat pindaan terhadap beberapa peruntukan mengikut kepada keperluannya. Seterusnya, sebelum Rang Undang-undang ini dibentangkan, cadangan pindaan ini telah dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah memperkenankan semua pindaan terhadap Rang Undang-undang tersebut pada 9 Mac 2015. Ini bertepatan dengan Perkara 47 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 memperuntukkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku hendaklah menjadi Ketua Agama Islam dan boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama Islam dan menubuhkan Majlis Agama Islam Selangor untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam.
8. Huraian ringkas mengenai cadangan pindaan kepada Enakmen adalah seperti berikut :-
  - (a) *Fasal* 1 mengandungi tajuk ringkas Enakmen yang dicadangkan.

- (b) *Fasal 2* bertujuan untuk menggantikan tafsiran “wakaf am” dan “wakaf khas” dengan tafsiran yang baru.
- (c) *Fasal 3* bertujuan untuk meminda Seksyen 7 Enakmen 1/2003 untuk memberikan kuasa kepada Majlis untuk mengelolakan apa-apa rumah kebajikan termasuk rumah anak yatim bagi kemajuan ekonomi dan sosial orang Islam di Negeri Selangor.
- (d) *Fasal 4* bertujuan untuk meminda perenggan 11(1)(c) Enakmen 1/2003 dengan menambah keanggotaan Majlis daripada lima (5) orang anggota kepada enam (6) orang anggota. Pindaan ini perlu dimasukkan bagi memastikan bahawa Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor turut disenaraikan sebagai salah seorang anggota tetap Majlis sebagaimana yang dimasukkan di bawah sub perenggan baru 11(1)(c)(vi).
- (e) *Fasal 5* bertujuan untuk meminda Seksyen 55 Enakmen 1/2003 dengan memasukkan sub seksyen (5) baru bagi menetapkan penggunaan meterai di setiap Mahkamah Syariah termasuk Mahkamah Rayuan Syariah sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie.
- (f) *Fasal 6* bertujuan untuk meminda Seksyen 56 Enakmen 1/2003 untuk memberikan peluang kepada Pegawai Syariah dalam Skim Perkhidmatan Awam Am Persekutuan atau Negeri dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah serta Peguam Syarie yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang Syariah untuk menjadi Ketua Hakim Syarie.
- (g) *Fasal 7* bertujuan untuk meminda Seksyen 58 Enakmen 1/2003 untuk memberikan peluang kepada Pegawai Syariah dalam Skim Perkhidmatan Awam Am Persekutuan atau Negeri yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang Syariah untuk menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.
- (h) *Fasal 9* bertujuan untuk meminda Seksyen 60 Enakmen 1/2003 untuk membolehkan Duli Yang Maha Mulia Sultan melantik mana-mana orang sebagai pendaftar-pendaftar di setiap Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah atas nasihat Ketua Hakim Syarie.
- (i) *Fasal 10* bertujuan untuk meminda perenggan 62(2)(b) Enakmen 1/2003 untuk menaikkan bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah

untuk mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding Mahkamah Syariah bagi kes-kes tidak melebihi RM300,000.00.

- (j) *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 66A ke dalam Enakmen 1/2003 dengan memberikan kuasa semakan kehakiman kepada Mahkamah Tinggi Syariah.
- (k) *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 67 Enakmen 1/2003 kerana terdapat percanggahan antara teks bahasa kebangsaan dengan teks bahasa Inggeris yang mana penggunaan perkataan "*Syariah Subordinate Court*" adalah tepat. Sehubungan itu, teks bahasa kebangsaan perlu dipinda dengan sewajarnya.
- (l) *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 77 Enakmen 1/2003 dengan menambah keanggotaan Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah dengan memasukkan seorang anggota Majlis. Pindaan ini dimasukkan bagi memastikan bahawa Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah dapat menjalankan fungsinya dengan lebih efisien dalam menghasilkan kaedah-kaedah tentang tatacara Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah.
- (m) *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 84 Enakmen 1/2003 untuk memberikan kuasa kepada Majlis dalam menentukan tatacara kewangannya sendiri.
- (n) *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 87 Enakmen 1/2003 dengan memasukkan perenggan baru (*bb*) ke dalam subseksyen 87(2) untuk memberikan kuasa kepada Majlis untuk membuat peraturan-peraturan mengenai tatacara pembahagian zakat dan fitrah.
- (o) Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam *Huraian* ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya memohon mencadangkan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Timbalan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO yang telah membentangkan dengan panjang lebar

pindaan. Saya sebagai Ahli Dewan Negeri Selangor melihat bahawa hasrat dalam membawa pindaan ini adalah memperkemas kinikan bidang kuasa penguatkuasaan pelaksanaan di bawah kuasa Tuanku. Di samping pada masa yang sama juga untuk memantapkan hubungan kerjasama yang erat, yang selaras, yang seiring yang sentiasa berjalan satu haluan yang sama di antara pihak Tuanku Sultan dan juga pihak kerajaan. Benda ini adalah asas yang telah dibangunkan di dalam perlembagaan kita di peringkat pusat di mana telah wujud bidang-bidang kuasa yang cukup jelas. Bidang kuasa Yang Pertuan Agung dan juga bidang kuasa Kerajaan Pusat. Dan apabila kita turunkan ke bawah di negeri juga dia *reflect* dengan izin kuasa tersebut. Cuba kalau kita lihat dalam konteks demokrasi berbanding dengan demokrasi di Amerika dan di Britain ada kelebihan dalam konteks demokrasi yang dilaksanakan di Amerika Syarikat. Tetapi lebih banyak lagi kelebihan dalam demokrasi yang dilaksanakan oleh *Master Parlimen System*. Di mana adanya peranan monarki yang jelas tentang kedudukan dan penglibatannya, pengaruhnya dan dalam suasana demokrasi di Britain kalau kita ambil contoh merupakan keseimbangan di antara mana-mana parti yang memerintah. Kalau Laber memerintah, kalau Tori memerintah kita akan melihat bahawa Queen Elizabeth ataupun Queen of Britain akan nampak dasar-dasar itu tidak banyak percanggahan yang melihatkan dengan mana-mana parti yang memerintah untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat. Dan kita melihatkan di negara kita ini dengan kebangkitan demokrasi dengan peranan Pakatan Rakyat yang mangkin mengimbangi kuasa Barisan Nasional dalam pilihan raya. Di mana dalam pilihan raya yang lepas kita mempunyai sokongan majoriti 52%. Itu menggambarkan satu trend yang baik dalam konteks pengimbangan kuasa raja, kuasa istana, Sultan dan di peringkat negeri dengan EXCO dan di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar. Jadi yang ingin saya tekankan di sini adalah dari segi roh kerana kalau kita silap faham kami sebagai Wakil Rakyat di peringkat DUN. Dalam menjelaskan persepsi rakyat mengapakan contohnya dalam perkara tertentu yang berlaku dalam masa yang lepas perampasan *bible*. Saya ulang sebagai satu rekod untuk *handsard* kita dan juga tindakan dalam rampasan arak di mana tindakan termasuk untuk menahan bekas Mufti pada masa itu bukan Mufti Perlis dalam isu tidak ada tauliah dalam memberi ceramah di sebuah rumah di Hulu Kelang. Jadi kalau kita lihat dalam konteks tersebut kita melihatkan bahawa seolah-olah masyarakat Islam di Selangor melihat ada konflik ada pertentangan, ada dengan izin satu perebutan pengaruh dan kuasa diantara pihak-pihak pentadbiran agama dan kerajaan. Dalam masa yang sama juga seolah-olah dengan pindaan-pindaan yang telah lepas dan telah dilakukan menunjukkan satu dominasi, satu penguatkuasaan yang semakin menghimpit pihak eksekutif. Kita berterus terang kerana ini dalam dewan yang meluluskan satu Enakmen yang membawa kesan yang besar pada pentadbiran negeri. Saya menyokong pada dasarnya sekiranya asasnya untuk mengukuhkan pelaksanaan agama dan dalam masa yang sama memartabatkan dan memperkasakan pihak eksekutif. Dengan itu melihat antara lain dalam memperkemaskan perjalanan pentadbiran agama adalah tentang pelantikan Ketua Hakim Syarie iaitu meminda seksyen 56 enakmen dengan beberapa perincian di

mana bagi saya ini adalah satu isu yang boleh kita olah ke arah yang positif. Ke arah penyelesaian masalah yang bertahun-tahun, berulang dalam masyarakat Islam iaitu tentang perceraian, pemberian nafkah kepada bekas isteri dan anak-anak yang mananya Mahkamah Syariah telah membuat satu keputusan yang jelas dalam menentukan kadar-kadar tertentu kuat kuasa dan sebagainya. Sekarang terpulang kepada dua, pertama adalah kesedaran, kesungguhan mangsa dalam konteks ini adalah balu atau bekas isteri. Yang mengambil tindakan undang-undang sama ada pergi ke sivil atau pun pergi ke Mahkamah Syariah atau pun mengadu kepada kaunselor yang ada di Jabatan Agama Islam masing-masing. Jadi di sinilah berlakunya kadang-kadang kelewatan, pengabaian hingga umumnya menampakkan ke tidak cekap dalam pentadbiran isu yang berkaitan dengan kebajikan balu-balu, bekas isteri dan anak-anak. Jadi kalau boleh kita olah satu pendekatan di mana bidang kuasa Hakim Syarie dipertingkatkan. Seperti pelantikan Hakim Syarie dia menguruskan satu pelaksanaan buat keputusan di Mahkamah yang jelas dan dia juga diberikan satu kuasa tambahan dan setahu saya dia ada ruang tersebut dalam Enakmen Pentadbiran Agama dan mungkin di dalam *cimber* sendiri Peguam Negara yang boleh *follow up*. Jadi *follow up* kepada keputusan yang diberi telah dibuat oleh Mahkamah Syariah tetapi isu perceraian dan sebagainya boleh dilaksanakan sehingga terlaksana sehingga tidak ada pengabaian. Kecuaian yang sengaja dilakukan oleh bekas-bekas suami sehingga terbelalah wanita-wanita Islam di Negeri Selangor. Jadi itu saya nak tegaskan iaitu saya menyokong pindaan ini dalam konteks pengukuhan memperkasakan demokrasi di negara kita mempertabatkan kedudukan perlembagaan persekutuan, Kerajaan Pusat, juga di peringkat negeri, Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor dan Menteri Besar dan EXCOnya dalam konteks menyemarakkan satu semangat untuk meningkatkan hak asasi dan hak rakyat umumnya dan umat Islam khususnya dengan pindaan-pindaan yang membolehkan jawatan yang dinamakan sebagai Ketua Hakim Syarie itu. Memperkasakan itu masalah yang terbesar di kalangan umat Islam iaitu tentang nafkah, perceraian dan sebagainya. Terima kasih saya mohon menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:**Terima kasih, Tuan Speaker yang pertamanya Paya Jaras ingin menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat EXCO Agama dalam pindaan Enakmen Agama Islam di Negeri Selangor. Di antara keunikan yang ada di Malaysia kita adalah agama ini menjadi bidang kuasa sesebuah negeri. Memandangkan sesebuah negeri itu di antara satu negeri ke negeri lain itu tidak sama maka sebab itu kita melihat Enakmen yang terpakai di Negeri Selangor, tidak terpakai di Negeri Kelantan. Begitulah juga Enakmen yang berlaku di Negeri Kelantan tidak terpakai di Negeri Selangor dan di negeri-negeri lain. Maka dengan sebab itu oleh sebab berlaku perpisahan di antara negeri-negeri ini tidak ada keseragaman di antara satu enakmen dengan satu enakmen yang lain maka menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan bahawa enakmen yang berada

di Negeri Selangor ini adalah enakmen yang *up to date*. Bukan sahaja *up to date* malah mengambil kira soal suasana dan senario yang ada di Negeri Selangor ini. Perpisahan di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil meletakkan Mahkamah Syariah dalam keadaan kadang-kadang kita melihat dalam keadaan *stragglng* menaikkan imej Mahkamah Syariah setara dengan mahkamah yang ada di dalam tanah air kita. Dengan sebab itulah sokongan kita terhadap enakmen pindaan bukan sahaja terhadap masalah kebajikan dan kedudukan Hakim dan kita minta juga Kerajaan Negeri melihat kepada keadaan-keadaan, senario-senario peruntukan undang-undang yang menaik tarafkan Mahkamah Syariah kita setara kepada standard yang ada di dalam tanah air kita. Kita mengakui keadaan-keadaan yang disebut oleh Yang Berhormat Hulu Kelang, kadang-kadang kita mendengar sistem yang ada dalam Mahkamah Syariah kita seolah-olah menyebabkan rakyat Islam merasakan mereka ini terpencil. Seolah-olah sistem yang ada di Mahkamah Syariah ini seolah-olah kurang memberi pembelaan dalam kes-kes kekeluargaan. Maka dengan sebab itu kita tidak meletakkan kesilapan kepada undang-undang boleh jadi dalam birokrasi atau pun prosedur yang dijalankan itu perlu dilihat kembali. Menaik tarafkan Mahkamah Syariah adalah satu perkara yang perlu malah kita merasakan ada bagi enakmen-enakmen Agama Islam yang belum mengguna pakai sepenuhnya di Negeri Selangor. Jaminan kita terhadap orang bukan Islam, kita mesti memberi jaminan bahawa kita tidak mengganggu mereka-mereka yang bukan beragama Islam di dalam Negeri Selangor ini jelas. Bermakna apa sahaja pindaan yang berlaku di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam hanya terpakai dalam Mahkamah Syariah yang mana Mahkamah Syariah ini hanya merangkumi orang-orang beragama Islam sahaja, ini jaminan kita. Maka dengan sebab itu sesuai dengan ucapan titah Baginda Tuanku Sultan Selangor, *Marqasid Syariah* boleh jadi kita mahu mahkamah ini bukan sahaja di naik tarafkan infra tetapi pendekatan-pendekatan Hakim kita, pendekatan-pendekatan Peguam cara kita, pendekatan-pendekatan pendakwa raya kita mestilah sesuai dengan keadaan semasa pada hari ini. Kita meletakkan harapan tinggi kepada Kerajaan Negeri Selangor dan kita minta Kerajaan Selangor melihat bukan sahaja dari segi sistem, prosedur, kebajikan, kakitangan Mahkamah Syariah bukan sahaja itu tetapi juga kebajikan keadilan kepada mereka yang pergi ke Mahkamah Syariah itu sendiri. Kita tidak mahu Selangor ini dikatakan kalau pergi ke Mahkamah Syariah Selangor itu lebih teruk contohnya berbanding dengan negeri-negeri lain. Kita tidak mahu ada perbandingan-perbandingan seolah-olah Selangor ini kita mempunyai undang-undang yang ke belakang. Dengan sebab itulah sokongan kami, sokongan kita terhadap pindaan ini adalah perkara yang baik dan kita harap perkara ini diteruskan. Kita harap bukan sahaja dalam enakmen tetapi dalam prosedur-prosedur berhubung kait dengan kebajikan umat Islam di Negeri Selangor ini. Paya Jaras menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya silakan Pihak Kerajaan jika mahu menggulung.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, kepada Hulu Kelang dan Paya Jaras, saya kira memberikan pandangan-pandangan yang cukup baik di atas untuk kita memperkemas kinikan lagi atau pun penambah baikkan pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor terutamanya yang berkaitan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan institusi kehakiman. Cuma saya ingin saya tekankan di sini bahawa Kerajaan Negeri atau pun Jabatan Kerajaan sehingga sekarang kita menguatkuasakan undang-undang yang ada melalui landasan dan prosedur-prosedur sebaik mungkin dan mungkin setengah-tengah pandangan dari peringkat rakyat ataupun di peringkat masyarakat melihat kadang-kadang seolah-olah sebagai satu perebutan kuasa dan sebagainya pun begitu saya kita dalam proses penambah baikkan dan saya merasa bahawa usaha kita ini masih lagi diteruskan terutamanya untuk memartabatkan Mahkamah Syariah itu sendiri seperti mana yang disarankan oleh Paya Jaras tadi supaya ada bentuk supaya naik taraf kita ni sebanding masa kini atau kontemporari. Saya kira isu Mahkamah Syariah ini terpakai kepada penganut agama Islam itu tidaklah menjadi satu perkara yang *straight forward* yang tidak ada permasalahan di situ cuma saya kira pada masa ini peringkat Mahkamah Syariah ini kita cuba sedaya mungkin kita bukan sahaja untuk menyelesaikan kes-kes yang kita ada dan akhirnya memberikan hukuman ataupun hasil daripada perbicaraan itu tetapi usaha kita adalah untuk lebih daripada itu sehingga tercapainya matlamat pelaksanaan hukum yang telah dihukumkan oleh mahkamah itu sendiri dan ini saya diberi jaminan oleh Ketua Hakim Syarie pada ketika ini usaha-usaha terus untuk memperkasakan sebab itu lah di antara pindaan-pindaan yang telah kita buat ini termasuklah pelantikan kepada Pendaftar-Pendaftar dan juga pindaan kepada kuasa untuk menyemak penyemakan kes juga telah dicadangkan untuk diadakan pindaan. Saya ucapkan terima kasih di atas penjelasan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:**Kita lihat sebagaimana yang saya telah sebut, persepsi rakyat pada masa yang lepas pada sesi yang sebelum ini adalah ada macam ketegangan hubungan di antara Eksekutif dengan pihak Sultan di atas nama Tuanku beberapa tindakan telah pun diambil seperti apa yang berkaitan dengan *Bible*, dan sebelum itu isu Mufti, bekas Mufti Perlis. Jadi apakah mekanisme dalam konteks hari ini untuk memastikan tindakan-tindakan itu tidak membelakangkan yang dilihat tidak membelakangkan EXCO Agama sebagai contoh yang juga sepatutnya merupakan Ahli Majlis Agama Islam.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih. Saya kira ini juga perkara-perkara yang kita juga mengambil berat, supaya apa saja yang berlaku sebelum ini kita cuba perbaiki terutamanya dari segi mengikut Tatacara *Procedure SOP* yang telah ditetapkan dalam penguatkuasaan undang-undang itu sendiri dan



saya melihat bahawa yang penting adalah bagaimana kesaksamaan untuk melunakkan keadaan supaya di masa akan datang ini ada satu bentuk yang lebih baik bermakna kalau ada sesuatu penguatkuasaan undang-undang yang akan dijalankan ia mendapat maklumat daripada sumber yang terlibat di dalam sistem penguatkuasaan itu. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan adalah bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibaca Kali Yang Kedua sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan kali yang kedua. Rang Undang-Undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbang RANG Undang-Undang ini fasal demi fasal.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN. A. SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:**Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:**Fasal 1 dan Fasal 2

**TUAN Pengerusi:** Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:**Fasal 3 dan Fasal 4

**TUAN Pengerusi:** Fasal 3 dan Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:**Fasal 5 dan Fasal 6

**TUAN Pengerusi:** Fasal 5 dan Fasal 6 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 7 dan Fasal 8

**TUAN Pengerusi:** Fasal 7 dan Fasal 8 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:**Fasal 9 dan Fasal 10

**TUAN Pengerusi:** Fasal 9 dan Fasal 10 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:**Fasal 11 dan Fasal 12

**TUAN Pengerusi:** Fasal 11 dan Fasal 12 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:**Fasal 13 dan Fasal 14

**TUAN Pengerusi:** Fasal 13 dan Fasal 14 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Fasal 15 dan Fasal 16

**TUAN Pengerusi:** Fasal 15 dan Fasal 16 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini seperti yang telah dibincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN. A. SAMAD:**Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Timbalan Speaker, saya memohon maklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN. A. SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan adalah bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibaca Kali Yang Ketiga sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan kali yang ketiga. Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2015.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya menangguhkan Dewan hingga ke hari esok 8 hari bulan April 2015 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 5.00 petang )**